

PENANDA METADIS COURSE DALAM ARTIKEL BERITA  
COVID -19 DALAM AKHBAR MALAYSIA NANBAN

SHALINI A/P RAJAMOGUN

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2022

PENANDA METADIS COURSE DALAM ARTIKEL BERITA  
COVID-19 DALAM AKHBAR *MALAYSIA NANBAN*

SHALINI A/P RAJAMOGUN

DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SASTERA  
(LINGUISTIK)

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2022

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: SHALINI A/P RAJAMOGUN

No. Matrik: 17166492/2 / TOA180028

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Sastera (Linguistik)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**Penanda Metadiscourse Dalam Artikel Berita COVID-19 Dalam Akhbar *Malaysia Nanban***

Bidang Penyelidikan: Analisis Wacana

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejahtera dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 13/9/2022

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 13/9/2022

Tarikh: 13/9/2022

**PENANDA METADIS COURSE DALAM ARTIKEL BERITA COVID -19  
DALAM AKHBAR MALAYSIA NANBAN**

**ABSTRAK**

Penanda metadiscourse merupakan aspek yang sangat diperlukan untuk menghasilkan sesuatu teks dengan efektif. Teks yang dihasilkan tanpa penanda metadiscourse tidak akan menarik perhatian pembaca kerana pembaca tidak dapat mengikuti kesinambungan teks itu (Nugrahani & Bram, 2020). Sehubungan dengan hal itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban. Model metadiscourse yang diperkenalkan oleh Hyland (2005) telah digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti penanda metadiscourse. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif. Sebanyak 103 artikel berita COVID-19 yang tersiar sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 1 dalam surat khabar Malaysia Nanban mengenai negara Malaysia merupakan sumber data bagi kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penanda metadiscourse interaktif (93.1%) digunakan dalam jumlah yang banyak berbanding dengan penanda metadiscourse inteksional (6.9%) dalam artikel berita COVID-19. Diharapkan kajian ini memberi penjelasan mengenai penanda metadiscourse kepada penulis surat khabar Tamil semasa menulis artikel berita tentang isu semasa seperti pandemik COVID-19.

**Kata Kunci:** Analisis wacana, penanda metadiscourse, media massa, surat khabar, COVID-19

## **METADISCOURSE MARKERS IN COVID-19 NEWS ARTICLES IN MALAYSIAN NANBAN NEWSPAPER**

### **ABSTRACT**

Metadiscourse markers are an essential aspect to produce a text effectively. Text produced without metadiscourse markers will not attract the reader's attention because the reader will not be able to follow the continuity of the text (Nugrahani & Bram, 2020).

In this regard, this study was conducted to identify and analyze the metadiscourse markers found in the COVID-19 news articles which published in the Malaysian Nanban newspaper. The metadiscourse model introduced by Hyland in 2005 will be used in this study to analyze the data and this study uses a descriptive qualitative method. A total of 103 COVID-19 news articles published in PKP phase 1 in the Malaysian Nanban newspaper about Malaysia were the data sources for this study. The findings of the study showed that the interactive metadiscourse marker (93.1%) was used in large numbers compared to the interactional metadiscourse marker (6.9 %) in the Covid-19 news article. It is hoped that this study will provides an explanation of metadiscourse markers to Tamil newspaper writers while writing news articles on current issues such as the COVID-19 pandemic.

**Keywords:** Discourse analysis, metadiscourse markers, mass media, newspapers, COVID-19

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Thanaletchumi A/P Perumal selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan disertasi ini. Tidak lupa juga Dr. Charity Lee Chin Ai selaku penyelia yang kedua di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar beliau. Setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Malarvizhi A/P Sinayah yang memberi bimbingan bagi menjayakan disertasi ini.

Selain itu, penghargaan juga ditujukan kepada ibu bapa saya Encik Rajamogun dan Puan Kasturi atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran mereka mengiringi saya mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada adik-beradik saya, Narmatha dan Sharwin yang telah banyak berkorban masa, tenaga dan segalanya dalam memastikan kejayaan saya.

Di samping itu, tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada rakan saya Sharmeeny Nair yang memberi pertolongan hingga saya berjaya menamatkan pengajian ini.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, segala jasa yang terlibat serta segala jasa yang diberi amat dihargai.

SHALINI A/P RAJAMOGUN

## **ISI KANDUNGAN**

Pendahuluan.....	i
Tajuk .....	i
Borang perakuan keaslian penulisan.....	ii
Abstrak .....	iii
Abstract .....	iv
Penghargaan.....	v
Isi Kandungan.....	vi
Senarai Rajah .....	xii
Senarai Jadual .....	xii
Senarai Lampiran .....	xiii
BAB 1: PENGENALAN.....	1
1.0 Pengenalan .....	1
1.1 Latar Belakang Kajian .....	1
1.1.1 Bahasa & Analisis wacana.....	1
1.1.2 Media massa (surat khabar).....	2
1.2 Permasalahan Kajian.....	3
1.3 Objektif Kajian .....	4
1.4 Persoalan Kajian .....	5
1.5 Kepentingan Kajian .....	5

1.6 Batasan Kajian .....	5
1.7 Definisi Istilah .....	6
1.7.1 Konsep Metadiscourse .....	6
1.8 Kesimpulan .....	7
BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS.....	8
2.0 Pengenalan .....	8
2.1 Kajian-Kajian Lepas .....	8
2.1.1 Kajian Metadiscourse .....	9
2.1.1.1 Kajian metadiscourse dalam surat khabar.....	9
2.1.1.2 Kajian metadiscourse dalam artikel penyelidikan / artikel jurnal.....	14
2.1.1.3 Kajian metadiscourse dalam bahan akademik.....	22
2.1.1.4 Kajian metadiscourse dalam bahan hburan.....	30
2.1.1.5 Kajian metadiscourse dalam bahan hburan.....	31
2.1.1.6 Kajian metadiscourse dalam bahan hburan.....	33
2.1.1.7 Kajian metadiscourse perbandingan antara dua genre.....	35
2.1.1.8 Kajian mengenai model metadiscourse.....	36
2.1.2 Kajian COVID-19 Dan Pengurusan Krisis .....	38
2.2 Jurang Penyelidikan .....	56
2.3 Kesimpulan .....	56

BAB 3: METODOLOGI .....	57
3.0 Pengenalan .....	57
3.1 Kerangka Kajian .....	57
3.2 Kaedah Kajian .....	58
3.3 Bahan Kajian .....	58
3.4 Prosedur Kajian .....	59
3.5 Kerangka Teori .....	60
3.5.1 Model Metadiscourse .....	62
3.6 Kesimpulan .....	64
BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN.....	65
4.0 Pengenalan .....	65
4.1 Jenis Penanda Metadiscourse .....	65
4.1.1 Penanda Metadiscourse Interaktif .....	67
4.1.1.1 Penanda peralihan.....	67
4.1.1.2 Penanda bingkai.....	68
4.1.1.3 Penanda endoforik.....	68
4.1.1.4 Penanda pembuktian.....	69
4.1.1.5 Penanda gloss kod.....	69
4.1.2 Penanda Metadiscourse Interaksional .....	70

4.1.2.1 Penanda pelindung nilai.....	70
4.1.2.2 Penanda penggalak.....	70
4.1.2.3 Penanda sikap.....	71
4.1.2.4 Penanda sebutan diri.....	71
4.1.2.5 Penanda penggabungan.....	72
4.2 Fungsi Penanda Metadiscourse .....	74
4.2.1 Penanda Metadiscourse Interaktif .....	75
4.2.1.1 Penanda peralihan.....	75
4.2.1.2 Penanda bingkai.....	80
4.2.1.3 Penanda endoforik.....	84
4.2.1.4 Penanda pembuktian.....	87
4.2.1.5 Penanda gloss kod.....	89
4.2.2 Penanda Metadiscourse Interaksional .....	93
4.2.2.1 Penanda pelindung nilai.....	93
4.2.2.2 Penanda penggalak.....	97
4.2.2.3 Penanda sikap.....	99
4.2.2.4 Penanda sebutan diri.....	100
4.2.2.5 Penanda penggabungan.....	102
4.3 Kesimpulan .....	106

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN .....	107
5.0 Pengenalan .....	107
5.1 Penanda Metadiscourse interaktif dan interaksional.....	107
5.2 Fungsi Penanda Metadiscourse .....	109
5.3 Sumbanga Kajian .....	111
5.4 Cadangan Kajian .....	112
Rujukan .....	114
Lampiran .....	126

**SENARAI RAJAH**

Rajah 3.1.....	57
----------------	----

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1.....	61
Jadual 4.1.....	65
Jadual 4.2.....	67
Jadual 4.3.....	73
Jadual 4.4.....	74
Jadual 4.5.....	105
Jadual 5.1.....	111

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A.....	126
Lampiran B.....	130

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bab ini mengandungi penerangan aspek kajian iaitu latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

#### **1.1.1 Bahasa & Analisis Wacana**

Bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan idea, pendapat dan pemikiran kepada orang lain dalam bentuk pertuturan mahupun penulisan (Putra & Triyono, 2018). Manusia perlu menggunakan bahasa yang betul demi berkomunikasi dengan efektif antara satu sama lain (Nugrahani & Bram, 2020). Wacana pula ialah dimensi sosial yang menjelaskan hubungan antara bahasa dan masyarakat serta ia melibatkan hal-hal sosial di mana bahasa digunakan bagi tujuan komunikasi dan juga menyatakan perasaan, idea, dan kepercayaan (Sivandi & Dowlatabadi, 2015). Rodriguez dan Vergara (2018) mengemukakan bahawa kajian wacana memberi sumbangan yang signifik terhadap kajian bahasa.

Menurut Nugrahani dan Bram (2020) pula analisis wacana merupakan kajian bahasa yang lebih daripada tahap ayat dengan menggunakan cara gabungan ayat untuk mewujudkan makna dan koheran serta mencapai tujuan teks dalam bidang linguistik. Analisis wacana mempunyai dua tujuan utama iaitu mengenal pasti bagaimana mencari cara untuk menentukan makna bagi sesuatu tanda serta bagaimana menjadikan makna tersebut menjadi konvensional dan tujuan kedua adalah mengelakkan kekaburuan yang terdapat dalam sesuatu teks (Nugrahani & Bram, 2020). Komunikasi yang bermakna melalui pertuturan atau penulisan boleh tercapai dengan mengelakkan kekaburuan dalam sesuatu teks. Komunikasi yang berkesan amat penting dalam kehidupan seharian dan

lebih-lebih lagi semasa sesuatu pandemik melanda di seluruh dunia (Eriksson, 2018). Pelbagai media berfungsi sebagai median untuk menyalurkan maklumat yang boleh menenangkan rakyat yang berada dalam keresahan (Shoaei & Dastani, 2020).

Kini, pandemik COVID-19 telah menjadi masalah yang sangat serius bagi seluruh dunia. Kes pertama COVID-19 telah disahkan di Wuhan, China pada 7 Januari 2020 (Elengoe, 2020). Basir et al. (2020) menjelaskan bahawa kes pertama COVID-19 di Malaysia pula telah disahkan pada 25 Januari 2020 dan di seluruh dunia pada 20 Mac 2020. Kemudian, COVID-19 telah diisytiharkan sebagai pandemik yang serius oleh *World Health Organization (WHO)*. Pandemik COVID-19 ini telah memberi impak yang negatif dalam kehidupan masyarakat Malaysia (Basir et al., 2020). Sehubungan dengan itu, Shoaei dan Dastani (2020) mengemukakan bahawa media massa merupakan saluran komunikasi yang amat penting dalam kalangan masyarakat pada masa pandemik.

### 1.1.2 Media Massa – Surat Khabar

Menurut Wahab et al. (2018), media massa boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu media cetak, media elektronik dan media siber. Media cetak merangkumi surat khabar, majalah, buku manakala media elektronik ialah internet, televisyen, radio dan sebagainya. Web dan media atas talian yang boleh diguna apabila terdapat kemudahan internet digolongkan sebagai media siber. Surat khabar merupakan media massa yang paling popular sebagai wacana bertulis dalam kalangan pembaca serta ia memainkan peranan yang penting dalam media awam di seluruh dunia (Farnia & Mohammadi, 2018).

Kini, surat khabar dikenali sebagai alat komunikasi yang sangat penting untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat terutamanya mengenai isu-isu semasa (Farnia, Mohammadi, 2018). Surat khabar merupakan media awam yang mempunyai jumlah pembaca yang dominan sejak lama kerana ia mempunyai peranan yang tersendiri dalam aspek penyampaian maklumat kepada orang ramai mengenai dunia ini (Sukma &

Sujatna, 2014). Orang ramai membaca surat khabar setiap hari untuk mengetahui isu-isu hangat yang menjadi tumpuan mereka (Salliyanti & Tantawi, 2017).

Baru-baru ini, surat khabar memainkan peranan yang sangat penting di negara kita bagi menyampaikan maklumat mengenai pandemik COVID-19 kepada masyarakat. Di Malaysia, surat khabar dikeluarkan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil dan juga bahasa Inggeris kerana negara ini mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Tamil Nesan merupakan surat khabar Tamil yang tertua di Malaysia diikuti dengan surat khabar Malaysia Nanban (Kumar, 2014). Tamil Nesan telah diterbitkan pada tahun 1924 dan Malaysia Nanban pula pada 1986 (Kumar, 2014) tetapi pada tahun 2019 surat khabar Tamil Nesan telah menamatkan operasinya di Malaysia. Dato Sikandar Batcha Bin Abdul Majeed merupakan pengasas bagi surat khabar Malaysia Nanban (Kumar, 2014).

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Bahasa ialah alat yang digunakan bagi mewujudkan komunikasi yang efektif (Nugrahani & Bram, 2020). Hassan et al. (2019) pula mengatakan bahawa media dan masyarakat disatukan melalui bahasa. Melalui pernyataan diatas kita boleh memahami bahawa bahasa ialah aspek yang sangat penting dalam dunia media. Penanda metadiscourse memainkan peranan yang sangat penting untuk mewujudkan komunikasi antara penulis dengan pembaca dalam media cetak melalui bahasa (Farahani, 2018). Penulis menggunakan penanda metadiscourse untuk menghasilkan teks yang memenuhi keperluan pembaca (Farahani, 2018).

Kebanyakan penulis menggunakan penanda metadiscourse secara meluas dalam karya mereka demi menjadikan sesuatu teks lebih difahami, lebih koheren dan tersusun dengan baik (Farahani, 2018). Wartawan pula menggunakan penanda metadiscourse dalam teks berita untuk mengatur teks, menyampaikan niat mereka, mewujudkan

kredibiliti serta menarik perhatian pembaca (Kuhi & Mojood, 2014). Nugrahani dan Bram (2020) juga bersetuju bahawa tanpa penanda metadiscourse sesuatu teks akan menjadi kurang menarik dan pembaca tidak dapat mengikuti kesinambungan teks tersebut.

Pernyataan di atas membuktikan bahawa penanda metadiscourse sangat diperlukan untuk menghasilkan sesuatu teks yang efektif. Abbas dan Talaat (2019) pula mengatakan bahawa surat khabar digunakan sebagai medium untuk meningkatkan kesedaran tentang isu kritikal dan kontroversial dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji penggunaan penanda metadiscourse dalam surat khabar Tamil semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 1 pada tahun 2020 di Malaysia. Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui adakah artikel berita COVID-19 dihasilkan secara efektif oleh penulis surat khabar Tamil. Diharapkan kajian ini dapat memberi pemahaman tentang penanda metadiscourse kepada penulis surat khabar Tamil semasa menulis artikel berita mengenai isu yang memerlukan pemahaman jelas dan tindakan drastik untuk menangani situasi seperti pandemik COVID-19.

### **1.3 Objektif Kajian**

Daripada pernyataan masalah dua objektif telah dibentuk seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban.
- 2) Menganalisis fungsi penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Dua persoalan kajian telah dibentuk seperti berikut

- 1) Apakah penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban?
  
- 2) Bagaimanakah penanda metadiscourse telah digunakan dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini akan menyumbang kepada bidang linguistik khususnya analisis wacana serta bidang kewartawanan Tamil. Wartawan surat khabar Tamil dapat mengetahui tentang kepentingan penanda metadiscourse untuk menghasilkan artikel berita yang mudah difahami oleh orang ramai. Artikel berita yang berfokus kepada isu - isu semasa seperti pandemik COVID-19 dapat mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat jika penulis menghasilkan artikel berita dengan efektif. Artikel berita tersebut membantu orang ramai untuk mengambil tindakan yang betul dan efektif demi mengawal situasi yang kritikal. Melalui ini, negara kita dapat menyelesaikan krisis-krisis seperti COVID-19 dengan mudah. Akhirnya, diharap kajian ini akan menjadi panduan kepada para pengkaji yang ingin meneroka bidang analisis wacana khususnya metadiscourse.

### **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya memilih artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 1 yang berlangsung dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 di Malaysia sebagai sumber data. Orang ramai memerlukan informasi yang penting mengenai pandemik COVID-19 semasa PKP fasa 1 telah berlangsung kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan yang begitu jelas tentang pandemik tersebut. Artikel berita COVID-19 yang mengenai negara Malaysia sahaja telah menjadi sumber data bagi kajian ini.

Tambahan pula, surat khabar Malaysia Nanban yang telah dikeluarkan pada hari Ahad sepanjang PKP fasa 1 sahaja akan diberi fokus dalam kajian ini (22 Mac 2021 & 29 Mac 2021). Hal ini kerana surat khabar Malaysia Nanban merupakan surat khabar Tamil yang tertua di Malaysia pada masa ini (Kumar, 2014) dan surat khabar itu sendiri mempunyai jumlah pembaca yang dominan pada hari Ahad berbanding dengan hari-hari yang lain. Akhir sekali, penanda metadiscourse yang terdapat dalam surat khabar Malaysia Nanban akan dikenal pasti serta dianalisis berdasarkan model Hyland (2005) dan tumpuan kajian ini hanya tentang penanda metadiscourse sahaja.

## **1.7 DEFINISI ISTILAH**

Definisi istilah diharap akan membantu pemahaman pembaca.

### **1.7.1 KONSEP METADISCOURSE**

Yasinta (2018), mengatakan bahawa metadiscourse merupakan salah satu konsep baru untuk menganalisis wacana yang berkait dengan hubungan antara penulis dengan pembaca. Istilah metadiscourse dicipta oleh Harris pada 1959 untuk menawarkan cara memahami bahasa yang digunakan serta mewakili percubaan penulis untuk membimbing persepsi penerima mengenai teks (Siddique, Mahmood & Iqbal, 2018). Penanda metadiscourse pula digunakan sebagai alat yang menjadikan penulisan lebih berkesan dalam persekitaran sosial dan ia juga merupakan unsur penting dalam aspek komunikasi untuk menyatakan sesuatu maklumat dengan kohesif serta logik (Mina & Biria, 2017).

Metadiscourse juga dikatakan sebagai tujuan komunikatif bahasa serta kepentingan hubungan antara penulis dan pembaca (Sahragard & Yazdanpanahi, 2017). Penulis menggunakan pelbagai alat linguistik untuk memastikan maklumat yang dimaksudkan dapat disampaikan dengan betul dan tepat kepada pembaca (Nugroho, 2020). Sehubungan

dengan itu, konsep metadiscourse telah menjadi salah satu alat linguistik yang digunakan oleh para penulis untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca dengan cara yang efektif (Yasinta, 2018). Penggunaan penanda metadiscourse yang lebih tepat akan membantu penulis untuk menyampaikan mesej penulisan yang dimaksudkan dengan lebih berkesan kepada para pembaca (Siddique et al., 2018).

### **1.8 Kesimpulan**

Tuntasnya, kajian yang membincangkan khususnya mengenai penanda metadiscourse dalam surat khabar Tamil adalah terbatas. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji secara jelas tentang penanda metadiscourse yang terdapat dalam surat khabar Tamil Malaysia.

## BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS

### 2.0 Pengenalan

Bab ini telah menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengetahui pandangan dan pendapat para pengkaji dalam bidang metadiscourse untuk menjalankan kajian ini. Kajian literatur telah dijalankan dengan meninjau kajian-kajian mengenai metadiscourse, pandemik COVID-19 dan pengurusan krisis.

### 2.1 Kajian-kajian lepas

Kini, media massa memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia (Todo & Budiarta, 2018). Media massa diwujudkan dari kemajuan bidang komunikasi dan informasi serta mempunyai keupayaan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat seluruh dunia. Masyarakat mudah mendapat informasi dalam atau luar negara melalui media massa (Wahab et al., 2018). Suryawati (2011) menjelaskan bahawa surat khabar ialah media komunikasi yang mengandungi maklumat sebenar daripada pelbagai aspek kehidupan seperti politik, ekonomi, sosial, jenayah, budaya, seni, sukan dan sebagainya. Kini, surat khabar merupakan saluran komunikasi yang sangat penting untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. (Tanikawa, 2017). Sejak lama surat khabar telah menyampaikan maklumat mengenai isu-isu penting kepada golongan pembaca (Tanikawa, 2017).

Yasinta (2018), mengatakan bahawa metadiscourse merupakan salah satu konsep baru untuk menganalisis wacana yang berkait dengan hubungan antara penulis dengan pembaca. Metadiscourse juga memberi peluang kepada penulis bagi menyatakan diri mereka dalam karyanya dengan menggunakan aspek interaksional. Metadiscourse pula

dikenali sebagai tujuan komunikatif bahasa serta kepentingan hubungan antara pengarang dan pembaca (Sahragard & Yazdanpanahi, 2017).

Sehubungan dengan itu, konsep metadiscourse telah dikenali sebagai cara berkomunikasi yang digunakan oleh penulis untuk menyampaikan mesej mereka kepada para pembaca (Yasinta, 2018). Penggunaan metadiscourse yang tepat akan membantu penulis untuk menyampaikan mesej yang dimaksudkan dengan lebih berkesan kepada pembaca (Siddique et al., 2018). Kajian-kajian lepas yang mengkaji metadiscourse memberi fokus kepada frekuensi serta fungsi kategori utama penanda metadiscourse iaitu interaktif dan juga interaksional.

## **2.1.1 Kajian Metadiscourse**

### **2.1.1.1 Kajian Metadiscourse dalam surat khabar**

Abdullah et al. (2020), telah mengkaji penanda metadiscourse interaksional dalam artikel surat khabar yang dikeluarkan di Malaysia dan Korea Selatan mengenai isu pembelajaran atas talian semasa COVID-19. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti penanda metadiscourse interaksional yang digunakan oleh penulis artikel surat khabar Malaysia dan Korea Selatan. Model Hyland (2005) telah digunakan untuk menganalisis data kajian. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen dan teks untuk menganalisis data. Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa penulis surat khabar Korea Selatan yang menggunakan penanda metadiscourse interaksional yang berlebihan berbanding dengan penulis surat khabar Malaysia.

Kajian seterusnya bertajuk ``Metadiscourse Analysis of Pakistani English Newspaper Editorials`` yang dikaji oleh Siddique et al. (2018). Kajian ini dijalankan untuk menganalisis metadiscourse dalam editorial surat khabar Inggeris Pakistan. Kaedah

kualitatif dan Model Hyland (2005) telah digunakan untuk menganalisis penanda metadiscourse dalam kajian ini. Empat jenis surat khabar telah dipilih sebagai sumber data dan 1000 editorial telah dikumpul daripada surat khabar tersebut. Secara keseluruhannya, kajian ini mendedahkan bahawa semua editorial mengandungi lebih banyak sumber interaktif berbanding dengan sumber interaksional. Oleh sebab itu, surat khabar tersebut dikatakan sebagai surat khabar lebih mesra pembaca kerana metadiscourse interaktif digunakan secara dominan.

Sukma dan Utomo (2016) pula menjalankan kajian yang bertajuk ``Interpersonal Metadiscourse Dalam Artikel Opini Surat Khabar Elektronik The Jakarta Post''. Kajian ini membincangkan mengenai jenis dan fungsi penanda metadiscourse interpersonal dalam artikel pendapat surat khabar Jakarta atas talian. Metadiscourse interpersonal mempunyai peranan penting dalam penulisan, terutamanya dalam artikel pendapat kerana penanda metadiscourse menggambarkan kedudukan penulis terhadap isi teks dan pembacanya. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah deskriptif kualitatif dan data diambil daripada artikel pendapat yang tersiar dalam surat khabar elektronik The Jakarta Post. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa jenis penanda metadiscourse interpersonal seperti pelindung nilai, penanda kepastian, atribut, penanda sikap dan penjelasan digunakan dalam artikel pendapat. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa jenis-jenis penanda metadiscourse memegang beberapa fungsi khusus dalam teks. Pelindung nilai membantu penulis menahan pendapat mereka manakala penanda kepastian berfungsi untuk menegaskannya. Atribut berfungsi untuk menyokong hujah penulis dan penanda sikap pula membantu penulis untuk menunjukkan sikap mereka terhadap teks dan pembaca. Akhirnya, penjelasan membantu penulis membina hubungan dengan pembacanya. Dalam artikel hubungan dan interaksi boleh dibina dengan menggunakan ciri linguistik yang disebut metadiscourse interpersonal.

Nugroho (2020) telah menyiasat persamaan dan perbezaan antara cara penulis Amerika dan Indonesia bagi menggabungkan penanda metadiscourse dalam artikel pendapat dan perniagaan. Data kajian telah diambil dari artikel yang terdapat dalam dua akhbar dalam atas talian iaitu ‘Washington Examiner’ dan ‘The Jakarta Post’ dengan korpus saiz 7,000 patah perkataan bagi setiap jenis artikel. ‘Perisian AntConc’ versi 3.5.6 yang diperkenalkan oleh Anthony (2018) telah digunakan bagi tujuan analisis data. Dalam kajian ini, penanda metadiscourse dianalisis berdasarkan klasifikasi daripada Dafouz-Milne (2008). Dapatan kajian mendedahkan bahawa terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara penulis Amerika dan Indonesia dalam aspek penggunaan penanda metadiscourse dalam artikel pendapat serta perniagaan. Melalui kajian ini, dapat menyimpulkan bahawa jenis wacana dan latar belakang budaya bagi kedua-dua penulis mempengaruhi penggunaan penanda metadiscourse dalam artikel-artikel tersebut. Lebih banyak penanda metadiscourse terdapat dalam artikel pendapat berbanding dengan artikel perniagaan sama ada dalam akhbar Washington Examiner mahupun The Jakarta Post.

Farnia dan Mohammadi (2018) menjalankan kajian yang bertujuan untuk meneroka peranan yang dimainkan oleh penanda metadiscourse interpersonal dalam mewujudkan serta mencapai pujuhan dalam akhbar tempatan British dan Iran. 120 artikel pendapat persuasif yang diterbitkan dalam dua akbar tempatan bahasa Iran iaitu Isfahan Ziba dan Isfahan (Emrooz) Today dan dua British akhbar tempatan iaitu Liverpool Echo dan Chronicle Live. Akbar-akbar yang diterbitkan dari Julai 2015 hingga Jun 2016 telah dipilih secara rawak. Data kajian ini dianalisis berdasarkan model taksonomi yang diperkenalkan oleh Dafouz-Milne (2008) tentang penanda metadiscourse interpersonal. Analisis kajian dijalankan secara manual dan penanda metadiscourse berkod. Dapatan kajian keseluruhan mendedahkan bahawa interpersonal metadiscourse terdapat dalam akbar tempatan British dan Iran. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam pengedaran dan frekeuensi penanda metadiscourse dalam akhbar British dan Iran.

Akhirnya, dapatan kajian juga dapat menambah kefahaman kita tentang bagaimana akhbar tempatan memujuk pembaca mereka.

Dafouz dan Milne (2008) telah menjalankan kajian untuk meneroka peranan yang dimainkan oleh penanda metadiscourse dalam pembinaan dan pencapaian aspek pujukan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sub-kategori metadiscourse yang mana mendominasi dalam jenis akhbar seperti ini dan bagaimana ia mengedarkan mengikut keutamaan silang budaya atau silang linguistik. Dalam perspektif silang linguistik, dua akhbar elit iaitu British The Times dan Spanish EL Pais telah dipilih. Penulis memilih kedua-dua surat khabar tersebut kerana statusnya dan kelancaran politik dan retorik mengamalkan budaya kebangsaan masing-masing. Berdasarkan analisis penanda tekstual dan interpersonal, menemui 40 ruangan pendapat iaitu 20 ditulis dalam Bahasa Inggeris dan 20 ditulis dalam Bahasa Sepanyol. Tambahan pula, penulis menggunakan sekumpulan informan dalam kajian ini untuk mengetahui bagaimana metadiscourse beroperasi sebagai mekanisme persuasif dalam teks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua penanda metadiscourse tekstual dan interpersonal terkandung dalam ruangan akhbar bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol tetapi terdapat variasi dalam pengedaran dan komposisi penanda tersebut. Mengenai kesan persuasif metadiscourse, informan bersetuju bahawa bilangan yang seimbang daripada kedua-dua penanda teks dan interpersonal adalah perlu untuk menjadikan sesuatu teks persuasif dan berorientasikan pembaca.

Sukma dan Sujatna (2014), mengkaji penggunaan penanda metadiscourse interpersonal dalam artikel pendapat yang tersiar dalam akhbar Indonesia. Kajian ini memberi fokus kepada kategori metadiscourse interpersonal dan frekuensi dan jenis sub-kategori metadiscourse yang digunakan dalam akbar tersebut. Sebelas artikel pendapat telah dipilih dari akhbar Indonesia tersebut untuk menganalisis dengan menggunakan model Dafouz (2008). Hasil kajian menunjukkan bahawa kategori metadiscourse

interpersonal (pelindung nilai, penanda kepastian, pengatribut, penanda sikap, ulasan) dan sub-kategori (kata kerja epistemik, adverba kebarangkalian, kata kerja deontik, adverba sikap, kata adjektif sikap, kata kerja kognitif, soalan retorik, ungkapan inklusif, pemperibadian, pengetepian) digunakan dalam artikel pendapat akbar Indonesia. Kategori metadiscourse interpersonal pelindung nilai dan dua sub-kategori iaitu kata kerja epistemik serta kata kerja deontik merupakan aspek yang kerap digunakan dalam artikel pendapat itu. Penemuan ini berkait rapat dengan pilihan budaya penulis.

Kuhi dan Mojood (2014) menjalankan kajian yang meneroka kesan budaya dan generik mnegenai penggunaan dan pengedaran metadiscourse dalam satu genre. Kajian ini meneliti 60 editorial akhbar yang diambil daripada 10 akhbar elit di Amerika dan Iran serta editorial tersebut ditulis dalam bahasa Inggeris dan Parsi. Berdasarkan model metadiscourse Hyland (2005), kedua-dua metadiscourse interaksi dan juga interaksional telah dianalisis dalam sumber datanya. Pendekatan kualitatif pula digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian mendedahkan bahawa konvensyen genre mempunyai peranan yang menentukan dalam pemilihan sumber metadiscourse yang menyumbang kepada persamaan dalam penggunaan dan pengedaran sumber metadiscourse merentas data bahasa Inggeris dan Parsi. Di samping itu, beberapa perbezaan ditemui antara dua set editorial yang dikaitkan dengan latar belakang budaya dan linguistik sumber data. Sub-kategori interaksional iaitu penanda sikap digunakan secara meluas dalam editorial akhbar tersebut dan sub-kategori peralihan, pelindung nilai, penggalak, gloss kod, pembuktian serta penanda bingkai juga terdapat dalam kajian ini. Secara keseluruhan, dapatan kajian mencadangkan bahawa metadiscourse mempunyai peranan dalam mewujudkan pujuhan dalam genre editorial akhbar. Selain itu, kajian ini juga mengemukakan bahawa sumber metadiscourse adalah penting untuk komunikasi dengan pembaca dalam kedua-dua budaya tersebut. Tuntasnya, berharap kajian ini menggalakkan

penyelidikan lanjutan meneroka persamaan dan percanggahan dalam penggunaan metadiscourse dalam sumber data berbahasa Inggeris.

Terdapat 8 kajian lepas yang mengkaji penanda metadiscourse yang digunakan dalam surat khabar bercetak mahupun surat khabar di dalam atas talian. Kajian lepas yang mengkaji penanda metadiscourse dalam surat khabar telah membantu untuk memilih bahan kajian daripada surat khabar sebagai sumber data bagi kajian ini. Hal ini mendorong untuk menjalankan proses pengumpulan data kajian ini dengan lancar.

### **2.1.1.2 Kajian Metadiscourse dalam artikel penyelidikan / artikel jurnal**

Capar dan Turan (2020), menyiasat bagaimana penutur bukan asli dan penutur asli bahasa Turki menggunakan penanda metadiscourse bahasa Inggeris dalam artikel penyelidikan. 50 artikel penyelidikan yang ditulis oleh penulis akademik Turki dan 50 artikel penyelidikan yang ditulis oleh penulis akademik Amerika dikumpulkan daripada jurnal yang berprestij. Kajian ini memberi fokus kepada penanda metadiscourse interaksional. Di samping itu, pendekatan kualitatif telah digunakan dan data dianalisis berdasarkan model metadiscourse yang dikemukakan oleh Hyland dan Tse. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan penanda metadiscourse interaktif antara kedua-dua kumpulan tersebut. Penulis akademik Amerika menggunakan lebih banyak penanda metadiscourse interaktif dalam artikel penyelidikan bahasa Inggeris berbanding dengan penulis akademik Turki. Perbezaan yang paling penting antara penulis akademik Turki dan Amerika ialah kecenderung menggunakan metadiscourse yang kurang berinteraksi.

Farahani (2018) telah menjalankan kajian yang meneliti perbandingan antara pengedaran dan jenis metadiscourse interaktif dan interaksional dalam artikel penyelidikan dalam bidang Linguistik Gunaan berdasarkan model Hyland. 30 artikel penyelidikan dalam bidang Linguistik Gunaan yang ditulis dan diterbitkan dalam pelbagai jurnal selepas tahun 2010 dipilih secara rawak. Perisian lakaran enjin

dieksplorasi untuk menganalisis teks. Penanda metadiscourse interaktif, peralihan dan penanda bingkai mempunyai tahap pengedaran yang tertinggi manakala bagi penanda metadiscourse interaksional pula pelindung nilai dan sebutan diri paling banyak digunakan oleh penulis dalam sumber data kajian ini. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa metadiscourse interaktif lebih banyak digunakan berbanding dengan metadiscourse interaksional.

Khajavy et al. (2012) membincangkan tentang ciri-ciri metadiscourse interaktif di bahagian perbincangan dalam artikel penyelidikan sosiologi Inggeris dan Parsi. Analisis kajian adalah berdasarkan korpus yang mengandungi 20 artikel penyelidikan daripada bidang sosiologi iaitu 10 daripada artikel bahasa Inggeris yang diterbitkan dalam jurnal antarabangsa dan 10 daripada artikel Parsi yang diterbitkan dalam jurnal nasional. Kajian ini menggunakan model metadiscourse yang dikemukakan oleh Hyland (2005). Hasil kajian menunjukkan bahawa artikel penyelidikan bahasa Inggeris menggunakan lebih banyak penanda metadiscourse interaktif secara keseluruhan berbanding dengan artikel penyelidikan Parsi dalam bidang sosiologi. Sub-kategori penanda endoforik sahaja yang digunakan secara dominan dalam artikel penyelidikan Parsi manakala sub-kategori penanda bingkai digunakan dalam jumlah yang lebih tinggi dalam artikel bahasa Inggeris.

Sahragard dan Yazdanpanahi (2017), mengkaji tentang perbezaan penanda penggabungan yang digunakan dalam artikel penyelidikan daripada jurnal Kemanusiaan dan Sains. Kajian ini dijalankan berdasarkan analisis kuantitatif dan kontrastif. Data kajian ini terdiri daripada empat disiplin artikel penyelidikan Kemanusiaan (Psikologi, Sosiologi, Ekonomi, Undang-undang) dan empat disiplin artikel penyelidikan Sains (Matematik, Geologi, Fizik and Biologi). Enam belas artikel daripada setiap disiplin telah dipilih secara rawak daripada kumpulan jurnal artikel penyelidikan tersebut. Kajian ini menggunakan model Hyland (2005) untuk menganalisis penanda penggabungan yang terdapat dalam enam belas artikel tersebut. Semua bahagian artikel penyelidikan telah

diteliti untuk mencapai tujuan kajian. Keputusan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa artikel penyelidikan Kemanusiaan menggunakan lebih banyak penanda penggabungan daripada artikel Sains penyelidikan. Dapatkan kajian ini mencadangkan bahawa penanda arahan digunakan lebih daripada penanda yang lain dalam kedua-dua artikel penyelidikan iaitu Kemanusiaan dan Sains. Dapat dilihat bahawa penggunaan penanda penggabungan dalam dekad 1990-an dan 2000-an, peningkatan ketara dalam penggunaan penanda penggabungan telah diperhatikan dengan peredaran masa dalam artikel penyelidikan Kemanusiaan dan Sains.

Liu dan Huang (2017) menjalankan kajian yang menyemak interpersonal metadiscourse untuk mengetahui sejauh mana pengarang negara China menggunakan penanda metadiscourse pada dekad yang lalu. Penanda interpersonal metadiscourse yang terdapat dalam abstrak artikel penyelidikan ekonomi yang berbahasa Inggeris telah dikaji dalam kajian ini dan 289 abstrak diambil dari jurnal ekonomi yang berprestij di negara China sebagai sumber data. Model Hyland (2005) telah digunakan untuk menganalisis penanda metadiscourse dalam kajian ini. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa pengarang negara China menggunakan lebih banyak penanda pelindung nilai dan penanda penggalak juga digunakan dalam jumlah yang banyak walaupun tidak dijangka. Kedua-dua penanda metadiscourse tersebut dikaitkan dengan interaksi kecenderungan budaya China yang mendalam serta keutamaan budaya Anglo-Amerika. Kajian ini mengemukakan penanda sikap tidak menunjukkan perbezaan signifikan sepanjang tahun. Penanda penggabungan juga kurang digunakan tanpa mengandungi perbezaan yang ketara disebabkan oleh faktor khusus genre yang mengehadkan kegunaan penanda tersebut. Walau bagaimanapun, penggunaan penanda sebutan diri mengandungi perbezaan yang ketara dalam dekad yang lalu tanpa mengira konvensyen retorik Inggeris yang mungkin dikaitkan dengan pengaruh ekonomi di China.

Mina dan Biria (2017) menjalankan kajian untuk mengenal pasti metadiscourse interaktif dan interaksional yang terkandung dalam sampel sasaran iaitu 100 artikel penyelidikan bahasa Inggeris yang ditulis oleh penulis Iran. Data kajian dianalisis berdasarkan model metadiscourse Hyland (2005). Sampel kajian ini dipilih secara rawak daripada bahagian perbincangan yang terdapat dalam artikel yang diterbitkan dari tahun 2010 hingga 2016. Sejumlah 70000 perkataan larian telah dipilih daripada artikel-artikel tersebut. Hasil kajian mendedahkan bahawa penanda metadiscourse interaktif iaitu peralihan, penanda bingkai dan pembuktian lebih kerap digunakan dalam artikel sains sosial berbanding dengan dalam teks sains perubatan. Sebaliknya, penanda endoforik dan penanda kod gloss kerap digunakan oleh penulis artikel sains perubatan. Kesimpulanya, penulis sains sosial lebih berminat untuk menggunakan penanda metadiscourse interaktif manakala penulis sains perubatan pula menggunakan penanda metadiscourse interaksional dengan lebih kerap dalam artikel penyelidikan mereka.

Yang (2014) menyiasat fenomena linguistik kebuktian (*evidentiality*) dalam artikel penyelidikan linguistik gunaan yang berbahasa Inggeris berdasarkan perspektif metadiscourse. Pertamanya kajian ini membentangkan klasifikasi kebuktian tersendiri dan penyesuaian leksikogrammatikal dalam artikel penyelidikan yang dipilih sebagai sumber data bagi kajian ini. Kemudian, kajian ini dikaji secara terperinci tentang perbezaan antara jenis kebuktian dan peranan linguistik dalam fungsi metadiscourse serta pembinaan dan pencapaian pujuhan berdasarkan model metadiscourse Hyland (2005). Kaedah kualitatif telah digunakan untuk menganalisis data kajian. Korpus kajian ini terdiri daripada 100 artikel penyelidikan dalam linguistik gunaan yang mempunyai lebih kurang 700,000 patah perkataan. Jurnal yang dipilih dalam kajian ini ialah jurnal Inggeris bagi tujuan akademik, jurnal Inggeris bagi tujuan khusus dan jurnal Pragmatik yang dikeluarkan dari tahun 2004 hingga 2008. Kajian ini menunjukkan variasi peranan

kebuktian dalam pelbagai fungsi metadiscourse. Hal ini memberikan perspektif yang baru untuk memahami aspek kebuktian.

Mu et al. (2015) menjalankan kajian yang membandingkan penggunaan metadiscourse dalam artikel penyelidikan (RA) bahasa Inggeris dan bahasa Cina yang diterbitkan dalam jurnal linguistik gunaan. Pengkaji menyiasat bagaimana metadiscourse menyumbang kepada pembinaan pengetahuan dalam artikel penyelidikan tersebut. Dalam kajian ini terdapat korpus yang kecil dalam setiap bahasa iaitu terdiri daripada 20 artikel jurnal dalam bahasa Inggeris dan 20 artikel jurnal dalam bahasa Cina. Model metadiscourse Hyland (2005) telah digunakan untuk menganotasi artikel penyelidikan bahasa Cina dan juga bahasa Inggeris. Pendekatan kualitatif dan juga kuantitatif telah digunakan dalam kajian untuk menganalisis data. Walaupun jumlah sumber data bagi kedua-dua kumpulan artikel penyelidikan adalah serupa tetapi penggunaan metadiscourse adalah berbeza. Penanda metadiscourse interaktif lebih luas digunakan dalam artikel-artikel penyelidikan berbahasa Cina manakala dalam artikel penyelidikan berbahasa Inggeris pula penanda metadiscourse interaksional digunakan jumlah yang banyak. Penanda pelindung nilai digunakan lebih dominan dalam artikel penyelidikan berbahasa Inggeris dan penanda pembuktian pula digunakan secara luas oleh penulis Cina dalam artikel penyelidikannya.

Ashofteh et al. (2020) menyiasat struktur pergerakan dan penggunaan penanda metadiscourse dalam abstrak artikel penyelidikan linguistik gunaan. Kajian ini menggunakan model penanda metadiscourse Hyland (2005) sebagai rangka kerja untuk menganalisis 125 abstrak artikel penyelidikan yang dikumpul daripada lima jurnal utama dalam bidang linguistik gunaan iaitu *Applied Linguistics*, *Modern Language Journal*, *Studies in Second Language Acquisition*, *TESOL Quarterly*, and *Language Teaching Research* (2014-2018). Penulis membaca semua abstrak dan dikodkan itu secara manual. Penanda metadiscourse yang terdapat dalam kajian ini telah dianalisis dalam dua fasa.

Pertamanya penulis mengenal pasti jumlah bilangan penanda metadiscourse yang digunakan dalam setiap abstrak dalam fasa kuantitatif dan seterusnya dalam fasa kualitatif pula variasi dalam penggunaan penanda metadiscourse telah disiasat. Dari segi pengedaran penanda metadiscourse, abstrak yang telah dikumpul mengemukakan penanda peralihan yang digunakan secara meluas berbanding dengan penanda metadiscourse yang lain. Di samping itu, dapatan kajian ini juga mencerminkan bahawa penulis linguistik gunaan lebih cenderung untuk menggunakan lebih banyak penanda pelindung nilai dalam abstraknya daripada penanda metadiscourse interaksional. Penulis menggunakan penanda pelindung nilai untuk membuka ruang kepada hujah yang bertentangan dengan tuntutan mereka. Akhir sekali, kajian ini mencadangkan implikasi pedagogi bagi penulis yang ingin meneroka dalam bidang linguistik gunaan pada masa yang akan datang.

Alkhathlan (2019) menyiasat jenis dan kekerapan penanda metadiscourse yang digunakan dalam lima puluh artikel penyelidikan daripada bidang terjemahan dan tafsiran yang ditulis oleh pelajar kolej EFL Saudi. Lima puluh artikel penyelidikan tersebut telah dipilih secara rawak daripada majalah dalam atas talian iaitu *KSU-COLT'S RAIT*. Model metadiscourse Hyland (2005) telah digunakan kajian ini. Data kajian ini telah dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu penanda metadiscourse interaktif dan juga penanda metadiscourse interaksional. Dalam kajian ini, 2139 penanda metadiscourse interaktif dan 1270 penanda metadiscourse interaksional telah dikenal pasti berdasarkan model Hyland (2005). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ketara dalam penggunaan penanda metadiscourse interaktif dan interaksional. Pelajar EFL Saudi lebih ramai cenderung menggunakan penanda metadiscourse interaktif berbanding dengan penanda metadiscourse interaksional. Analisis kajian juga mendedahkan bahawa penanda peralihan merupakan penanda metadiscourse yang paling kerap digunakan dalam lima puluh artikel penyelidikan yang telah dianalisis. Penanda metadiscourse yang

paling kurang digunakan dalam kajian ini ialah penanda sikap dan penanda endoforik. Dalam kajian ini juga boleh diperhatikan pelajar kolej EFL Saudi memerlukan lebih banyak latihan dalam penggunaan penanda metadiscourse interaksional untuk mewujudkan keyakinan dalam kalangan pembaca terhadap idea dan hujah yang dibincangkan dalam karya mereka. Di samping itu, para pelajar tersebut mesti mempunyai kesedaran tentang kepentingan menggunakan penanda metadiscourse dalam penulisan mereka demi meningkatkan kemahiran menulis secara umum.

Nugrahani dan Bram (2020) mengkaji tentang penanda metadiscourse dalam artikel jurnal saintifik. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul 8 artikel jurnal dalam edisi khas yang diterbitkan oleh jurnal LLT. Data kajian ini dianalisis berdasarkan kerangka metadiscourse yang diusulkan oleh Hyland (2005). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan penanda metadiscourse interaktif adalah lebih tinggi daripada penanda metadiscourse interaksional dalam artikel jurnal saintifik. Penanda peralihan digunakan lebih banyak manakala penanda pengalak pula digunakan dalam jumlah yang paling rendah dalam artikel-artikel yang telah dianalisis dalam kajian ini. Diharapkan para pelajar dan pengajar bahasa Inggeris memperolehi manfaat daripada hasil kajian ini terutamanya mengenai penggunaan penanda metadiscourse dalam penulisan akademik. Dengan ini, para pelajar dapat menggunakan penanda metadiscourse dengan tepat dalam penulisan akademik.

Estaji dan Vafaeimehr (2015), mengkaji perbezaan dalam penggunaan penanda metadiscourse dari aspek jenis dan frekuensi. Kajian ini mengkaji penanda metadiscourse yang terdapat dalam bahagian pengenalan dan kesimpulan daripada kertas penyelidikan yang merentas dua disiplin iaitu Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrik. 42 artikel penyelidikan iaitu 21 Mekanikal dan 21 Kejuruteraan Elektrik yang ditulis oleh penutur asli bahasa Inggeris dipilih secara rawak daripada dua jurnal antarabangsa yang utama. Kajian ini menggunakan model Hyland (2005) untuk menganalisis penanda

metadiscourse interaktif yang digunakan dalam korpus yang dipilih terdiri daripada 41484 patah perkataan. Pendekatan kuantitatif pula telah digunakan dalam kajian ini. Frekuensi, corak penggunaan dan jenis interaktif penanda metadiscourse telah dikumpul melalui analisis korpus manual dan pakej konkordans. Data kajian telah dianalisis untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan penanda metadiscourse dalam bahagian pengenalan dan kesimpulan yang terdapat dalam kertas penyelidikan yang merentas dua disiplin yang telah dinyatakan di atas. Dalam kajian ini, terdapat perbezaan yang sangat kecil dari segi aspek frekuensi dan jenis penanda metadiscourse.

Metadiscourse adalah istilah yang digunakan oleh penulis atau penceramah untuk menunjukkan arah, tujuan atau persepsi idea mereka. Mutawally et al. (2019) telah menjalankan kajian tentang metadiscourse yang terdapat dalam bahagian abstrak artikel penyelidikan linguistik Inggeris. Kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan metadiscourse interaktif yang terdapat dalam bahagian abstrak dalam artikel penyelidikan tersebut dan menghuraikan fungsi bagi setiap penanda metadiscourse yang terdapat dalam data kajian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif. 15 abstark yang terdapat dalam artikel penyelidikan linguistik Inggeris telah dipilih sebagai sumber data dalam kajian ini. Model metadiscourse Hyland (2005) yang membahagikan metadiscourse kepada dua bahagian utama iaitu penanda metadiscourse interaktif dan penanda metadiscourse interaksional telah dipilih untuk menganalisis penanda metadiscourse yang terdapat dalam bahagian abstrak itu. Hasil kajian mencerminkan bahawa hanya tiga jenis penanda metadiscourse sahaja yang dapat dikenal pasti dalam abstark-abstrak tersebut. Antaranya ialah penanda bingkai, penanda peralihan dan penanda gloss kod. Penanda peralihan didapati dalam jumlah yang banyak iaitu 84 kali terdapat dalam sumber data kajiannya dan perkataan ``dan `` digunakan sebagai penanda peralihan .

### **2.1.1.3 Kajian Metadiscourse dalam bahan akademik**

Pasaribu (2017) telah membincangkan penanda metadiscourse dalam eseai akademik yang ditulis oleh para pelajar lelaki dan perempuan. 20 karangan yang ditulis oleh pelajar perempuan EFL dan 20 karangan yang ditulis oleh pelajar lelaki EFL telah dipilih sebagai sumber kajian. Data kajian ini dianalisis berdasarkan kerangka metadiscourse yang diusulkan oleh Hyland (2005). Hasil kajian menunjukkan bahawa penulis lelaki dan wanita menggunakan penanda interaktif lebih banyak berbanding dengan penanda interaksional. Kedua-dua jantina tersebut menggunakan penanda peralihan dengan kerap untuk membimbing pembaca memahami hasil kajiannya. Pelajar perempuan menggunakan lebih banyak penanda interaktif kecuali penanda sebutan diri manakala pelajar lelaki menggunakan penanda sebutan diri dengan dominan. Dapatan dan perbincangan kajian menunjukkan bahawa jantina bukanlah salah satu faktor yang mempengaruhi penggunaan penanda metadiscourse dan faktor tersebut tidak menentukan bagaimana penulis mengekspresikan diri.

Duruk (2017) telah mengkaji kekerapan penanda metadiscourse interpersonal dalam penulisan akademik wacana dan menyiasat bagaimana penulis Turki menggunakan metadiscourse interpersonal dalam disertasi MA daripada salah satu bidang akademik utama iaitu Pengajaran bahasa Inggeris (ELT). Kajian ini meneliti sejumlah 20 disertasi yang ditulis oleh penulis Turki yang ditulis dalam bahasa kedua mereka. Disertasi - disertasi tersebut telah dikaji dalam tiga bahagian iaitu bahagian metodologi, keputusan, dan perbincangan. Taksonomi metadiscourse Hyland (1998) telah digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lima penanda interpersonal didapati digunakan dalam disertasi ELT. Analisis yang berdasarkan penggunaan interpersonal penanda metadiscourse menunjukkan bahawa penanda pelindung nilai, penanda penggalak dan penanda sikap digunakan oleh penulis Turki pada tahap yang tertentu. Akhirnya, apabila pengagihan penanda metadiscourse dianalisis,

penanda sikap adalah penanda metadiscourse yang paling banyak digunakan dan diikuti dengan penanda pelindung nilai.

Tan dan Eng (2014), menjalankan kajian yang mengkaji ketibaan dan bentuk penggunaan metadiscourse dalam karya penulis sarjana muda Malaysia yang mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris tinggi (HEP) dan rendah (LEP). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif mahupun kualitatif untuk menganalisis data. Model Hyland (2005) telah digunakan untuk menganalisis aspek metadiscourse dalam kajian ini dan perisian konkordans (MP2.2) pula digunakan untuk memperoleh data. Kedua-dua kumpulan penulis tersebut menggunakan lebih banyak metadiscourse interaktif berbanding dengan interaksional. Antara dua kumpulan penulis tersebut, penulis HEP yang kerap menggunakan metadiscourse interaktif dan juga interaksional dalam jumlah lebih tinggi. Sub-kategori peralihan dan penanda endoforik telah digunakan secara dominan oleh kedua-dua kumpulan penulis tersebut. Penulis HEP juga menggunakan pelbagai bentuk metadiscourse dalam karya mereka jika berbanding dengan penulis LEP. Secara keseluruhannya, kumpulan penulis HEP mempunyai kesedaran tentang konvensyen penulisan akademik manakala kumpulan penulis LEP masih kurang mempunyai kesedaran itu.

Wei dan Duan (2019), menyiasat bagaimana penutur asli (L1) pelajar Cina yang mempelajari disiplin sains keras menggunakan metadiscourse dalam penulisan akademik bahasa Inggeris mereka. Dalam kajian ini, penulis membuat perbandingan antara penutur asli pelajar Cina (L1) dan pelajar Inggeris (L1). Model metadiscourse Hyland (2005) telah diterima pakai untuk analisis data. 120 abstrak artikel penyelidikan yang diambil daripada bidang biologi, fizik dan kimia telah dikumpul bagi membuat analisis dalam kajian ini. Penulis menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi menganalisis 120 abstrak artikel penyelidikan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa L1 pelajar Cina menggunakan sumber metadiscourse kurang daripada pelajar Inggeris L1 secara

keseluruhannya. Pelajar Cina L1 lebih banyak menggunakan penanda metadiscourse interaktif manakala pelajar Inggeris L1 pula menggunakan lebih banyak penanda metadiscourse interaksional. Hal ini mencerminkan bahawa pelajar Cina L1 berusaha untuk membimbing pembaca melalui kertas kerja mereka manakala pelajar Inggeris L1 lebih prihatin dengan mencipta identiti pengarang serta melibatkan pembaca dalam hasil kajian mereka.

Susanti et al. (2017), mengkaji penggunaan metadiscourse interaksional yang terdapat di bahagian pengenalan dalam dua disertasi yang ditulis oleh pelajar program kedoktoran yang mahir dan kurang mahir. Penanda metadiscourse interaksional dalam kajian ini dikategorikan kepada penggalak, pelindung nilai, penanda sikap, penanda penggabungan dan sebutan diri. Kajian ini menggunakan model Hyland (2005) untuk menganalisis penanda metadiscourse interaksional. Hasil analisis menunjukkan bahawa penulis yang mahir menggunakan lebih banyak dan variasi penanda metadiscourse interaksional berbanding dengan penulis yang kurang mahir. Penulis yang mahir kerap menggunakan penanda penggabungan manakala penulis yang kurang mahir kerap menggunakan sebutan diri di bahagian pengenalan disertasi tersebut. Hal ini mengemukakan bahawa penulis yang mahir dapat menggunakan jumlah penanda penggabungan yang banyak serta variasi penanda metadiscourse interaksional dalam karya mereka. Tambahan pula, penulis yang mahir berminat untuk memasukkan pembaca serta diri mereka dalam penyampaian sesuatu hujah tanpa menjadi begitu tegas. Kajian ini dicadangkan kepada guru atau pensyarah bahasa Inggeris dalam pengajaran penggunaan metadiscourse interaksional terutamanya dalam aspek yang dapat menunjukkan kehadiran penulis dalam penyampaian hujah mereka pada laporan penyelidikannya.

Yea et al. (2020) telah menjalankan kajian untuk meneroka, menerangkan dan membandingkan penggunaan disiplin metadiscourse oleh lapan pelajar Malaysia daripada

program kedoktoran ESL tahun pertama yang merentasi empat bidang pengajian dalam pendidikan. Kajian ini pula memberi tumpuan kepada perubahan penulisan yang berlaku dari masa ke semasa. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan pendekatan berasaskan AntConc (3.4.4) untuk meneliti kekerapan tiga dimensi wacana akademik dalam penulisan iaitu teks, penglibatan dan penilaian. Korpus kajian yang dianalisis dalam kajian ini merangkumi 43 draf cadangan penyelidikan yang mempunyai jumlah 64,500 patah perkataan sekali. Tambahan pula, kajian ini menggunakan model Hyland (2004) untuk menganalisis data kajian. Terdapat perkara penting yang perlu dipertimbangkan dalam kajian ini iaitu penggunaan ketiga-tiga dimensi wacana akademik yang nyatakan di atas berbeza antara semua peserta kajian ini. Secara keseluruhannya keputusan analisis kajian ini menunjukkan bahawa dimensi penglibatan ialah dimensi wacana yang paling rendah digunakan oleh lapan pelajar Malaysia yang mengikuti program kedoktoran ESL tahun pertama. Di samping itu, dapatan kajian mencadangkan bahawa dimensi teks adalah aspek yang sangat teratur dalam sumber metadiscourse tetapi pelajar Malaysia yang mengikuti program kedoktoran ESL tersebut kurang berpengalaman dalam penggunaan metadiscourse tekstual untuk mengukuhkan hujah yang mereka hasilkan dalam kertas kerjanya. Tambahan pula, penggunaan penanda peralihan dalam dimensi teks didapati dalam jumlah yang tinggi berbanding dengan penanda metadiscourse yang lain.

Zakaria dan Malik (2018) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis penggunaan penanda metadiscourse dalam 50 teks akademik pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks untuk mengenal pasti dan menganalisis penanda metadiscourse yang terdapat dalam sumber data kajiannya. Model metadiscourse yang diperkenalkan oleh Hyland (2005) telah diterima pakai dalam kajian ini demi mengenal pasti penanda metadiscourse yang terdapat dalam 50 teks akademik tersebut. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa

penulis Arab mempunyai kecenderungan untuk menggunakan penanda metadiscourse interaktif berbanding dengan penanda metadiscourse interaksional. Penulis Arab menggunakan 919 penanda interaktif dan 592 penanda interaksional dalam penulisan mereka. Tambahan pula, penanda peralihan digunakan secara meluas oleh pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam teks akademiknya manakala penanda endoforik pula didapati dalam jumlah yang paling kurang dalam sumber data kajian ini. Hasil kajian ini akan mewujudkan pemahaman demi menggunakan penanda metadiscourse dalam bidang analisis data. Di samping itu, kajian ini juga akan membantu para pelajar dan pendidik bahasa Inggeris untuk merujuk tentang jenis penanda metadiscourse yang jarang digunakan oleh para pelajar. Kajian ini mengesyorkan bahawa pengkaji pada masa yang akan datang boleh membandingkan penggunaan penanda metadiscourse antara pelajar Malaysia dengan pelajar antarabangsa yang sedang belajar di Malaysia.

Akoto dan Afful (2020) mengkaji metadiscourse yang digunakan dalam bahagian pengenalan dan kajian literatur yang terdapat dalam tesis bahasa Inggeris daripada konteks bukan asli. Bahagian pengenalan dan kajian literatur yang dipilih daripada sepuluh thesis telah dipilih sebagai sumber data dalam kajian ini. Model metadiscourse Hyland (2005) telah digunakan untuk menganalisis penanda metadiscourse dan mengekodkan semua elemen metadiscourse secara manual. Kajian ini mendedahkan bahawa terdapat perbezaan antara penggunaan penanda metadiscourse interaktif dan juga interaksional dalam bahagian pengenalan dan kajian literatur yang terdapat dalam tesis bahasa Inggeris. Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa fungsi retorik yang digunakan dalam sesuatu tesis akan mempengaruhi pemilihan metadiscourse. Tambahan pula, sub-kategori baru yang dilabelkan sebagai penerus pula telah dikenal pasti dalam kajian ini. Sub-kategori penerus membantu untuk membuka ruang dialog dalam sesuatu teks untuk membolehkan pembaca menjadi peserta aktif dalam pembinaan pengetahuan

dalam teks akademik. Akhir sekali, kajian ini mempunyai implikasi yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran serta penyeliaan tesis pasca siswazah dan teori metadiscourse.

Huh dan Lee (2016) telah meneroka cara ciri metadiscourse yang digunakan oleh 34 pelajar sarjana yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing untuk menjadikan teks persuasif bukan disiplin mereka dengan berkesan. Di samping itu, kajian ini juga menyiasat bentuk linguistik metadiscourse yang digunakan oleh pelajar sarjana untuk menonjolkan pendirian dalam penulisan mereka. 34 pelajar yang terdapat dalam kajian ini sedang belajar di Universiti Korea. Model metadiscourse yang diperkenalkan oleh Hyland (2005) telah diterima pakai dalam kajian ini untuk mengenal pasti penanda metadiscourse yang digunakan oleh pelajar tersebut. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa 34 pelajar sarjana tersebut memahami sekurang-kurangnya beberapa penanda metadiscourse tetapi agak terhad dalam kecanggihan retorik. Penanda peralihan dan pelindung nilai merupakan sub-kategori metadiscourse yang paling kerap digunakan oleh pelajar sarjana dalam penulisan mereka manakala penanda endoforik dan penanda pembuktian pula digunakan dalam jumlah yang sedikit oleh pelajar tersebut. Akhirnya, penanda peralihan, penanda bingkai, penanda gloss kod dan juga penanda pelindung nilai didapati sebagai elemen kritikal yang menyumbang kepada kualiti penulisan pelajar.

Aimah (2019) menyiasat jenis penanda metadiscourse yang digunakan oleh pelajar UNIMUS dalam bahagian pengenalan yang terdapat dalam projek akhir mereka. Di samping itu, penanda metadiscourse yang sering digunakan oleh pelajar tersebut dalam penulisannya pula dikaji dalam kajian ini. Dengan menggunakan kaedah kualitatif dan juga kuantitatif, tujuh pengenalan projek akhir telah dipilih sebagai sumber data dan penanda metadiscourse yang terdapat dalam sumber data tersebut telah dianalisis. Data kajian ini dianalisis berdasarkan kerangka metadiscourse yang diusulkan oleh Hyland (2005). Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam bahagian pengenalan pelajar UNIMUS

telah menggunakan penanda metadiscourse interaktif iaitu peralihan, penanda bingkai, penanda endoforik, penanda pembuktian dan gloss kod. manakala pelajar tersebut juga menggunakan penanda metadiscourse interaksional iaitu pelindung nilai, penggalak, penanda sikap, penanda penggabungan dan penanda sebutan diri dalam penulisan mereka. Antara kategori tersebut, penanda metadiscourse interaktif didapati lebih kerap digunakan oleh pelajar UNIMUS berbanding dengan penanda metadiscourse interaksional. Hal ini menunjukkan bahawa para penulis lebih cenderung untuk memberi perhatian dan membimbing pembaca melalui teks dengan menetapkan tafsiran mereka secara eksplisit.

Alharbi (2021) menjalankan kajian perbandingan untuk menyiasat penggunaan penanda metadiscourse dalam 40 bahagian pasca kaedah, bab artikel penyelidikan dan disertasi sarjana dalam bidang linguistik gunaan. Set pertama terdiri daripada 20 disertasi saejana dalam bidang linguistik gunaan yang ditulis dalam bahasa Inggeris oleh seorang pelajar yang mempunyai bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (L2) manakala set kedua pula terdiri daripada 20 artikel penyelidikan yang dipilih daripada jurnal antarabangsa bereputasi yang termasuk dalam Sosial Sains Indeks Petikan (SSCI). Artikel penyelidikan dipilih daripada jurnal pengajian dalam pemerolehan bahasa kedua, *TESOL* suku tahun, bahasa Inggeris untuk tujuan tertentu dan pembelajaran bahasa. Lima artikel telah dipilih daripada setiap jurnal tersebut untuk membina subkorpus artikel penyelidikan. Pengaji menggunakan model metadiscourse Hyland (2005) untuk menganalisis elemen metadiscourse yang terdapat dalam sumber data kajian ini. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa penanda peralihan dan pelindung nilai merupakan sub-kategori penanda metadiscourse yang paling banyak digunakan dalam kedua-dua set korpus tersebut. Secara keseluruhannya penanda metadiscourse interaktif digunakan jumlah yang lebih banyak dalam kedua-dua set tersebut berbanding dengan penanda metadiscourse interaksional. Diharapkan dapatan kajian ini akan digunakan untuk

menghasilkan bahan pengajaran yang menjelaskan bagaimana pelajar (L2) boleh menggunakan ciri metadiscourse dengan efektif dalam penulisan akademik mereka.

Saidi dan Karami (2021) menyiasat penggunaan penanda metadiscourse interaksional dalam 19 artikel balasan yang diterbitkan dalam jurnal akademik dari 2016-2021. Data kajian ini dianalisis berdasarkan kerangka metadiscourse yang diusulkan oleh Hyland (2005). Setiap artikel balasan dianalisis secara manual untuk mengekodkan penanda metadiscourse interaksional. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa kelima-lima penanda metadiscourse interaksional iaitu pelindung nilai, penggalak, penanda penggabungan, penanda sebutan diri dan penanda sikap terdapat dalam 19 artikel balasan tersebut tetapi penanda sebutan diri digunakan dalam jumlah yang banyak dalam artikel-artikel tersebut. Di samping itu, penanda sikap pula didapati dalam jumlah yang paling sedikit dalam kajian ini. Akhirnya, kajian lanjutan boleh dijalankan untuk meneroka penanda metadiscourse interaksional dalam artikel balasan yang dipilih daripada pelbagai disiplin dan bahasa.

Esei bahasa Inggeris biasanya menggunakan penanda metadiscourse untuk membantu dan mengarahkan pembaca yang terlibat secara langsung demi memahami karangan tersebut. Ekawati & Rosyiidah (2022) menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti dan menerangkan penanda metadiscourse interaktif dan interaksional yang digunakan oleh pelajar lelaki dan perempuan dan peranan mereka dalam karangannya. 10 eseи yang ditulis oleh pelajar daripada Jabatan Bahasa Inggeris dalam semester kedua di Universiti Trunojoyo Madura. Pelajar perempuan menulis eseи yang bertopik diet manakala pelajar lelaki pula menulis eseи yang bertopik muzik. Kajian ini dijalankan sebagai kaedah kualitatif berbentuk deskriptif untuk menunjukkan kekerapan penanda metadiscourse yang digunakan oleh pelajar perempuan dan pelajar lelaki dalam eseinya. Kajian ini pula menggunakan kaedah pengiraan angka secara manual. Hasil dapatan kajian mengemukakan bahawa pelajar perempuan dan lelaki menggunakan

penanda metadiscourse interaktif yang terdiri daripada penanda peralihan, penanda bingkai, penanda gloss kod manakala penanda interaksional pula terdiri daripada penanda pelindung nilai, penanda penggalak, penanda sikap, penanda sebutan diri dan penanda penglibatan. Pelajar lelaki menggunakan penanda metadiscourse lebih rendah berbanding dengan pelajar perempuan. Kegunaan penanda metadiscourse memainkan peranan penting dalam mengatur dan menghasilkan eseи untuk mencapai tujuan komunikatif tertentu.

#### **2.1.1.4 Kajian Metadiscourse dalam bahan hiburan**

Yasinta (2018) telah mengkaji tentang penanda metadiscourse interpersonal dalam majalah 'Monash Life'. Kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti dan menjelaskan penanda metadiscourse interpersonal yang digunakan dalam majalah 'Monash Life'. Pengkaji memilih majalah tersebut kerana mengandungi banyak artikel yang mana penulis menyampaikan pendapat mereka. Dua puluh artikel telah dikumpul dari majalah tersebut. Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis data dan teknik mencatat digunakan sebagai cara untuk pengumpulan data dalam kajian tersebut. Kajian ini juga menggunakan model metadiscourse yang dikemukakan oleh Hyland (2005). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa metadiscourse interaktif lebih banyak digunakan bebanding dengan metadiscourse interaksional dalam majalah 'Monash Life'.

Anuarsham et al. (2020) telah menganalisis penggunaan metadiscourse interaksional dalam artikel hiburan Malaysia yang dalam atas talian. Kaedah campuran serta pendekatan analisis data telah digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis penanda metadiscourse interaksional. Tambahan pula, kaedah pengekodkan dan pengiraan kekerapan diterima pakai dalam kajian ini untuk mengetahui sub-kategori metadiscourse interaksional. Sub-kategori tersebut telah ditafsirkan sebagai pewakil bagi strategi penulis

untuk menentukan hubungan antara mereka, pembaca dan topik. Kajian ini menggunakan model metadiscourse yang dikemukakan oleh Hyland (2005) untuk menganalisis penanda metadiscourse interaksional. Hasil kajian menunjukkan bahawa penanda penggabungan merupakan penanda metadiscourse interaksional yang paling kerap digunakan oleh penulis artikel hiburan Malaysia yang dalam atas talian manakala penanda pelindung nilai pula digunakan dalam jumlah yang sedikit dalam sumber data kajian tersebut. Beharap kajian ini mungkin mencadangkan artikel hiburan dalam atas talian menggunakan metadiscourse interaksional dengan integrasi yang berkesan seperti genre artikel lain dalam atas talian. Cadangan ini boleh membantu untuk memahami genre hiburan dalam atas talian untuk menghasilkan rangka kerja metadiscourse daripada konteks akademik

#### **2.1.1.5 Kajian Metadiscourse dalam iklan dan berita**

Pengiklanan ialah satu cara yang berkuasa untuk menyalurkan maklumat daripada penjual kepada pembeli dan ia mempengaruhi dan bijak memujuk orang ramai untuk mengambil tindakan sewajarnya. Al-Subhi (2021) mengkaji kekerapan dan penggunaan penanda linguistik dan metadiscourse visual dalam iklan media sosial. Penanda linguistik dan metadiscourse visual memainkan peranan penting dalam pembinaan pemujukan. Sejumlah 50 iklan telah dikumpul daripada tiga platform media sosial iaitu *Instagram*, *Snapchat* dan *Twitter*. Kedua-dua kaedah berasaskan kekerapan dan kualitatif telah disepadukan dalam proses analisis. Kajian ini dijalankan berdasarkan model metadiscourse yang dikemukakan oleh Hyland (2005) dan metadiscourse visual Kumpf (2000). Kajian perbandingan penggunaan dua jenis metadiscourse yang berbeza ini menjelaskan bagaimana metadiscourse visual melengkapi metadiscourse linguistik dalam pembinaan mesej persuasif demi menarik minat pelanggan untuk membeli sesuatu produk. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa semua kategori metadiscourse visual

disiasat dengan sangat jelas. Tambahan pula penanda metadiscourse penglibatan dan arahan digunakan dalam jumlah yang lebih tinggi berbanding dengan penanda-penanda metadiscourse yang lain. Kedua-dua penanda metadiscourse tersebut digunakan sebagai teknik bahasa persuasif yang berkesan. Kajian ini menyimpulkan bahawa metadiscourse visual dan linguistik memainkan peranan penting dalam menstrukturkan wacana, menarik minat pengguna sekaligus menjadi salah satu aspek yang penting dalam penulisan persuasif.

Metadiscourse ialah sumber linguistik yang penting dalam berita perniagaan kerana ia membimbing pembaca sepanjang teks. Berita perniagaan adalah penting untuk memastikan orang ramai mengikuti perkembangan ekonomi yang mempengaruhi peluang pekerjaan, kadar faedah yang tinggi atau rendah dan sebagainya. Walau bagaimanapun berita perniagaan adalah berita yang dibaca oleh orang ramai secara jarangnya kerana ia tidak menarik minat mereka. Sehubungan dengan hal itu, Mei et al. (2022) telah menyiasat ``The Star Online`` dan ``Focus Malaysia`` untuk mengetahui kesedaran penulis berita perniagaan tentang penggunaan metadiscourse. Ujian Kesedaran Metadiscourse telah diberikan kepada 10 penulis berita perniagaan dari ``The Star Online`` dan ``Focus Malaysia`` masig-masing. Model metadiscourse yang dikemukakan oleh Dafouz-Milne (2008) telah digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti penanda-penanda metadiscourse yang terdapat dalam kedua-dua berita perniagaan tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa penanda penggabungan mempunyai skor min terendah ( $M=2.334$ ) bagi metadiscourse textual manakala penanda kepastian mempunyai skor min terendah ( $M=2.667$ ) bagi metadiscourse interpersonal. Walaupun penulis ``The Star Online`` dan ``Focus Malaysia`` menunjukkan skor min yang paling rendah dalam mengenal pasti penanda penggabungan dan penanda kepastian, mereka masih menunjukkan tahap yang tinggi dalam kesedaran mengenal pasti semua penanda metadiscourse yang terdapat dalam kategori textual dan juga interpersonal. Secara

keseluruhannya kajian ini mendedahkan kepentingan ciri-ciri metadiscourse dalam berita perniagaan demi menggunakan sepenuhnya penanda-penanda tersebut dalam industri berita.

#### **2.1.1.6 Kajian Metadiscourse dalam ucapan**

Penceramah antarabangsa Dr Zakir Naik telah menjadi sasaran bagi banyak kajian yang mengkaji ucapan berpengaruh. Analisis ucapan berpersuasif boleh ditangani dari sudut yang berbeza. Antaranya ialah penanda fungsi pujukan yang diwakili oleh penanda metadiscourse. Ucapan pujukan Dr Zakir tidak pernah dianalisis dari perspektif metadiscourse. Oleh sebab itu, Alkhodari dan Habl (2021) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk meneroka jenis dan fungsi penanda metadiscourse dalam ucapan Dr Zakir Naik. Setelah menonton video ucapan Dr Zakir Naik, seterusnya menyalin teks ucapan tersebut secara manual. Kemudian proses pengekodan dicapai melalui perisian Nvivo dan Microsoft Excel. Model metadiscourse yang dikemukakan oleh Dafouz-Milne (2008) telah digunakan dalam kajian bagi proses kodifikasi penanda metadiscourse interpersonal dan textual yang terdapat dalam sumber datanya. Dari segi penanda metadiscourse interpersonal, ulasan telah digunakan terutamanya menyumbang kepada hubungan Dr Zakir Naik dengan penonton manakala dari segi penanda metadiscourse teks pula penanda logik menunjukkan penggunaan yang paling tinggi. Penanda – penanda metadiscourse tersebut membantu dalam menghubungkan strategi pujukan dengan hujah untuk menjadikannya tersambung dengan lancar. Hasil kajian mendapati bahawa secara amnya Dr Zakir Naik telah mengembangkan dan mempromosikan hujah-hujahnya secara berkesan melalui penggunaan pelbagai penanda metadiscourse secara meluas sambil menjalinkan hubungan yang sangat baik dengan penonton. Kajian ini juga berpendapat bahawa pendekatan yang bermanfaat untuk meneroka definisi interpersonal dan textual

bahasa ialah pengkategorian penanda metadiscourse Dafouz-Milne (2008) sebagai alat metodologi yang berkuasa dalam analisis wacana.

Emma Watson menjadi seorang aktivis dan menyampaikan ucapannya di pentas *United Nation* walaupun beliau merupakan seorang pelakon terkenal. Siregar (2022) menjalankan kajian untuk meneroka penanda metadiscourse interpersonal dalam ucapan Emma Watson tentang menangani isu kesaksamaan jantina. Data kajian telah dikenal pasti serta dianalisis berdasarkan model metadiscourse Hyland (2005) yang mengkategorikan penanda metadiscourse kepada 2 bahagian iaitu penanda metadiscourse interaksional dan interaktif. Mula-mulannya mengenal pasti video Emma Watson dan mentranskripsikan ucapannya dengan menyatakan ayat-ayat yang terdapat dalam teks ucapannya tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Melalui proses analisis data kajian, penanda-penanda metadiscourse yang terdapat dalam teks ucapan Emma Watson. Penanda peralihan daripada kategori penanda metadiscourse interaktif manakala penanda sebutan diri daripada kategori penanda metadiscourse interaksional telah digunakan secara dominan dalam ucapan Emma Watson. Dapat kajian menunjukkan bahawa Emma Watson menyampaikan ucapan yang efektif sambil menjalinkan hubungan yang baik dengan penonton demi mewujudkan komunikasi yang berkesan secara tidak langsung. Pengkaji juga berpendapat bahawa model metadiscourse Hyland (2005) sangat sesuai bagi menganalisis penanda metadiscourse yang terdapat dalam ucapan Emma Watson.

Kajian ini pula meneroka kajian-kajian lepas yang mengkaji penanda metadiscourse dalam artikel penyelidikan atau artikel jurnal, bahan akademik, media hiburan, iklan, berita dan ucapan. Kesemua kajian lepas ini membantu untuk mengetahui bagaimana penanda metadiscourse telah digunakan dalam pelbagai bidang. Tambahan pula, kajian-kajian tersebut juga membantu untuk mengetahui cara-cara mengenal pasti serta

menganalisis penanda metadiscourse secara sistematik dengan menggunakan model metadiscourse.

### **2.1.1.7 Kajian Metadiscourse perbandingan antara dua genre berbeza**

Kawase (2015) menyiasat bagaimana penulis penyelidikan membina metadiscourse pada bahagian pengenalan Tesis *PhD* dan artikel penyelidikan yang telah diterbitkan. Korpus yang dianalisis dalam kertas ini terdiri daripada pengenalan tesis *PhD* dan artikel penyelidikan yang ditulis oleh penulis yang sama. Tesis dipilih antara yang berjaya disiapkan di Anglophone (universiti Australia) manakala artikel penyelidikan yang telah diterbitkan dalam jurnal antarabangsa sahaja dipilih. Kertas kerja ini menggunakan model Hyland (2005) sebagai rangka kerja yang mantap untuk analisis aspek *metatekstual* dan *interpersonal*. Analisis menunjukkan bahawa majoriti penulis menggunakan lebih banyak metadiscourse dalam pengenalan artikel penyelidikannya berbanding dengan tesis *PhD*. Seramai enam daripada lapan penulis menggunakan lebih banyak metadiscourse dalam pengenalan artikel penyelidikannya.

Bal-Gezegin dan Baş (2020) menjalankan kajian perbandingan untuk menyiasat penggunaan metadiscourse interaksional dalam dua genre akademik yang berbeza. Korpus kecil iaitu 48 artikel penyelidikan dan ulasan buku daripada tujuh disiplin yang berbeza dikumpulkan sebagai sumber data bagi kajian ini. Bahagian kesimpulan daripada teks yang ditulis oleh bukan penutur asli bahasa Inggeris telah disiasat untuk mengetahui bagaimana metadiscourse interaksional telah digunakan. Kaedah kualitatif dan juga kuantitatif telah terlibat dalam kajian ini untuk menganalisis bahagian kesimpulan dalam sumber data kajiannya. Sumber data semua dimuat naik dalam perisian analisis korpus iaitu *UAM CorpusTool* (*O'Donnell 2013*) untuk mengenal pasti penanda metadiscourse yang telah digunakan. Penanda metadiscourse iaitu penanda pelindung nilai, penanda

penggalak, penanda sikap, penanda sebutan diri dan penanda penggabungan telah dikenal pasti dalam sumber data kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penanda pelindung nilai digunakan dalam jumlah yang tinggi dalam artikel penyelidikan untuk membolehkan penulis lebih berhati-hati dalam komitmen mereka terhadap teksnya manakala penanda sikap pula digunakan secara meluas oleh pengarang buku dalam bahagian ulasan. Akhirnya, kajian ini menawarkan penjelasan tentang penggunaan metadiscourse interaksional dalam kedua-dua genre akademik yang berbeza tersebut dengan terperinci. Kajian lanjutan perlu dijalankan dengan korpus yang lebih besar supaya boleh memperolehi pemahaman yang lebih jelas tentang bagaimana metadiscourse digunakan dalam genre dan bahasa yang berbeza.

Kedua-dua kajian yang mengkaji penanda metadiscourse dalam dua genre yang berbeza membantu untuk menjalankan kajian ini dengan mengetahui cara-cara perbandingan yang boleh digunakan dalam kajian metadiscourse.

#### **2.1.1.8 Kajian mengenai model metadiscourse**

Tajuk kajian Akbarpour dan Sadeghoghli (2015) ialah ``*The study on Ken Hyland's interactinal model in OUP Publications*``. Kajian ini adalah percubaan untuk memahami bagaimana penggunaan saluran interaksi berbeza antara penulis artikel penyelidikan dari pelbagai bidang yang menarik untuk memujuk serta berinteraksi dengan pembaca. Sumber kajian ini dikumpul dari jurnal Oxford. Tujuh puluh artikel telah dipilih daripada tujuh bidang yang berbeza iaitu Ekonomi, Kemanusiaan, Sains Hayat, Sains Sosial, Undang-undang, Matematik dan Sains Fizikal serta Perubatan untuk membentuk data kajian ini. Tambahan pula, model Ken Hyland (2005) digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui sejauh mana penulis menggunakan sumber interpersonal dalam penulisan mereka. Keputusan menunjukkan beberapa persamaan dan perbezaan yang agak besar

antara tujuh bidang tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bidang Ekonomi, Matematik dan Sains Fizikal, Kemanusiaan dan Sains Sosial menggunakan penanda metadiscourse lebih daripada bidang Perubatan dan Sains Kesihatan. Dapatan kajian ini boleh memberikan beberapa pandangan yang berguna dalam pengajaran penyelidikan penulisan artikel dan ia mungkin berguna kepada guru dan pelajar.

Wei et al., (2016) menjalankan kajian yang mengkaji metadiscourse sejak Milenium ke-3. Kajiannya bermula dengan definisi metadiscourse dan seterusnya meneroka bagaimana pemodelan metadiscourse telah berkembang selama bertahun-tahun. Model metadiscourse yang dikemukakan oleh Hyland telah digunakan sebagai model analisis bagi kebanyakan kajian sejak pertengahan tahun 2000-an. Seterusnya, kajian ini diikuti dengan tinjauan menyeluruh terhadap kajian-kajian yang dilakukan tentang metadiscourse. Metadiscourse yang digunakan dalam penulisan akademik, artikel penyelidikan seperti sains keras dan sains lembut serta esei pelajar universiti merupakan bahan-bahan yang kerap dikaji oleh penulis. Dalam artikel penyelidikan pula, penanda metediscourse yang terkandung dalam bahagian seperti abstrak, pengenalan dan perbincangan sering dikaji oleh pengkaji. Metadiscourse yang digunakan dalam konteks lain seperti kuliah akademik, akhbar, pengiklanan atau perbahasan juga dikaji. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan metadiscourse dalam penulisan akademik merentas bangsa, bahasa, budaya dan disiplin.

Zhang (2016) menjalankan kajian yang menganalisis linguistik komprehensif tentang penggunaan penanda metadiscourse dalam penulisan berdasarkan model refleksif metadiscourse. Pengkaji melakukan kajian ini kerana kajian metadiscourse yang sedia ada telah memberi tumpuan kepada penggunaan penanda metadiscourse yang agak khusus sahaja tetapi kurang memberi perhatian dalam penulisan atau lisan yang amnya. Ole itu, kajian ini telah meneroka variasi penanda metadiscourse dalam teks bertulis termasuk akhbar, prosa am, prosa akademik dan fiksyen. Pengkaji telah menjalankan

analisis multidimensi bagi mengkaji variasi penggunaan penanda metadiscourse dalam seluruh akhbar prosa am, prosa akademik dan juga fiksyen. Dalam kajian ini, aspek metadiscourse telah dikenal pasti dalam tiga dimensi iaitu kehadiran penulis, pembentangan teks dan bimbingan pembaca dengan menggunakan analisis multidimensi. 1,000,000 patah perkataan telah dikumpul daripada 500 teks yang terdapat dalam *Lancaster-Oslo atau Bergen Corpus*. Dimensi metadiscourse ditafsirkan kehadiran penulis, pembentangan teks dan bimbingan pembaca. Keputusan menunjukkan bahawa penggunaan penanda metadiscourse yang sesuai adalah amat bergantung pada sumber data. Penanda metadiscourse lebih luas digunakan di bahagian abstrak yang terdapat dalam akademik, prosa am, editorial yang berfungsi sebagai teks pembentangan. Sebaliknya, penanda metadiscourse jarang berlaku dalam teks naratif dan konkret seperti fiksyen, akhbar dan laporan yang digunakan bagi tujuan bimbing pembaca.

Kajian ini juga meneroka tiga kajian lepas yang membincangkan tentang model atau teori yang boleh digunakan untuk menganalisis penanda metadiscourse. Ketiga-tiga kajian tersebut telah digunakan sebagai panduan dalam kajian ini untuk memilih model metadiscourse yang sesuai bagi mengenal pasti serta menganalisis data kajian.

### **2.1.2 Kajian tentang COVID-19, Pengurusan Krisis dan Media Sosial**

Kini, seluruh dunia menghadapi situasi yang belum pernah terjadi sebelumnya dengan virus pandemik COVID-19. Sehubungan dengan itu, Joharry dan Turiman (2020) menjalankan kajian untuk meneroka bagaimana rakyat Malaysia bertindak terhadap krisis sedemikian dengan meneliti surat yang telah diserahkan semasa tempoh PKP kepada *The Star Online* dalam portal berita talian bahasa Inggeris. Mengkaji jumlah 277 patah perkataan atau frasa yang berulang dalam sumber data kajian ini semasa orang ramai menulis tentang pandemik tersebut dengan menggunakan teknik linguistik. Analisis

wacana kritis mengenai pola bahasa berulang ini telah dikaji berdasarkan model analisis media yang dikemukakan oleh Carvalho (2008). Hasil kajian ini menggambarkan pandangan rakyat Malaysia tentang sejauh manakah negara kita melakukan persediaan awal untuk menghadapi pandemik COVID-19 pada masa genting ini. Lebih khusus lagi, kebanyakan surat merujuk pandemik COVID-19 ini sebagai cabaran dan mengaitkannya dengan ungkapan-ungkapan yang penuh emosi negatif.

Peningkatan jumlah kes COVID-19 di seluruh dunia telah menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisyiharkan virus ini sebagai pandemik. Pandemik COVID-19 mencadangkan bahawa Informin Sistem memainkan peranan penting dalam usaha pengurusan krisis untuk kebanyakan organisasi. Sharmini dan Murali (2020) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk merapatkan jurang kajian yang terdapat dalam kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kesan kualiti sistem maklumat terhadap kecemasan pengurusan krisis semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Data kajian ini dikumpul daripada pelbagai organisasi dan sektor kerja di Malaysia. Pekerja-pekerja organisasi yang terpengaruh dengan kawalan pergerakan COVID-19 merupakan responden bagi kajian ini. Mereka adalah pekerja yang bekerja dari rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Kajian ini mencadangkan praktikal dan implikasi sosial yang disebabkan oleh perkhidmatan internet dan juga kejayaan pengurusan krisis. Pandemik COVID-19 telah mendedahkan penggunaan teknologi digital atau sistem informasi yang menawarkan penyelesaian sementara kepada banyak organisasi dalam kekal berdaya tahan semasa krisis ini. Kebanyakan syarikat di seluruh dunia beralih ke arah teknologi dan aplikasi digital untuk memastikan kesinambungan perniagaan. Syarikat-syarikat perlu menyediakan teknologi maklumat yang sesuai untuk melangkah ke hadapan untuk memastikan keberkesanan keseluruhan dalam proses kecemasan seperti COVID-19.

Zafri el at. (2021) telah menyiasat akhbar tempatan Bangladesh mengenai COVID-19 dengan menggunakan analisis kandungan automatik untuk mengenal pasti topik yang diketengahkan dalam akhbar tersebut berkaitan dengan krisis pandemik yang sedang berlaku ini. Kajian ini berhasrat untuk membangunkan rangka kerja pengurusan pandemik melalui autoamtik. Sejumlah 7,209 rencana akhbar telah dikumpul daripada tiga akhbar tempatan yang popular di Bangladesh iaitu *bdnews24.co*, *Zaman Baru* dan *Prothom Alo English*. Rencana akhbar yang disiarkan dari 1 Januari 2020 hingga 31 Oktober 2020 telah digunakan dalam kajian ini untuk dianalisis. Melalui analisis kajian, dua belas topik utama telah dikenal pasti iaitu asal COVID-19, tindak balas sistem penjagaan kesihatan, impak mengenai ekonomi, kesan ke atas gaya hidup, bantuan kerajaan kepada krisis, kemaskini berkala, pendapat pakar, langkah farmaseutikal, langkah bukan farmaseutikal, kemaskini tentang vaksin, kemudahan ujian dan aktiviti luar biasa dalam sistem. Berdasarkan topik-topik yang telah dikenal pasti dapat membangunkan empat peringkat rangka kerja pengurusan wabak COVID-19 dan juga wabak-wabak yang akan datang pada masa hadapan. Peringkat-peringkat tersebut ialah kesediaan, tindak balas, pemulihan, dan mitigasi. Berharap kajian ini dapat memberikan pandangan tentang tindak balas mengikut peringkat terhadap sebarang bahaya biologi dan menyumbang idea untuk menghadapi wabak masa depan.

Kerajaan Malaysia melaksanakan pelbagai strategi untuk memutuskan jangkitan COVID-19 termasuk penyampaikan maklumat mengenai PKP demi meningkatkan pemahaman, pengetahuan dan keyakinan masyarakat terhadap strategi tersebut. Sehubungan dengan hal itu, Omar et al. (2021) telah menjalankan kajian yang menilai keberkesanan maklumat oleh kerajaan dan pemantauan rakyat terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan semasa pandemik COVID-19. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan seramai 1,211 orang awam telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kaedah persampelan mudah telah digunakan untuk memilih

responden bagi kajian ini. Email pemberitahuan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Kedah dan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) telah digunakan untuk mengedarkan ‘*google -form*’ secara atas talian demi menjalankan kajian soal-selidik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia telah berjaya dalam aspek penyebaran maklumat tentang pandemik COVID-19 kepada rakyat seluruh negara. Tambahan pula, tahap kesedaran rakyat Malaysia tentang kepentingan pelaksanaan PKP-PKPB bagi mengawal peningkatan kes COVID-19 di Malaysia adalah baik. Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan cara-cara yang efektif untuk memutuskan rantai penularan wabak COVID-19 di negara Malaysia serta mengawal penyebaran berita palsu semasa pandemik tersebut.

Pada masa ini, pandemik COVID-19 menjelaskan pelbagai aspek di seluruh dunia. Sehubungan dengan hal itu, Aeni (2021) telah membincangkan kesan daripada wabak pandemik terhadap kesihatan, ekonomi dan sosial di Daerah Pati. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan juga kuantitatif. Dalam kajian ini data sekunder yang didapati daripada perkhidmatan dan rujukan yang berkaitan telah digunakan. Data kajian dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian ini menunjukkan impak wabak COVID-19 terhadap kesihatan ekonomi dan sosial. Pertamanya kesan pandemik terhadap kesihatan dapat dilihat melalui bilangan kes positif COVID-19, kematian dan pengurangan liputan perkhidmatan kesihatan. Seterusnya, pandemik COVID-19 telah mengganggu penawaran dan permintaan barang dan perkhidmatan dikenali sebagai kesan pendemik terhadap ekonomi manakala peningkatan pengangguran dan kemiskinan mewakili kesan pandemik terhadap sosial.

Pandemik COVID-19 telah membawa banyak perubahan dalam kehidupan manusia secara negatif. Sehubungan dengan situasi tersebut Maisarah et al. (2022) telah membincangkan tentang kemelut kemurungan yang menjadi pendorong bagi berlaku gejala bunuh diri semasa pandemik COVID-19. Rakyat Malaysia juga turut terjebak

dengan gejala ini. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Pusat Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan (2011). Dapat kajian tersebut menunjukkan bahawa pada tahun 2020, penyakit kesihatan mental dikenali sebagai kemelut kesihatan yang utama dialami oleh masyarakat Malaysia. Gejala bunuh diri berlaku kerana masyarakat terpengaruh dengan pelbagai emosi seperti ketakutan, isolasi, kebimbangan dan kemurungan akibat daripada perubahan dalam norma kehidupan mereka. Dalam kajian ini gejala kemurungan semasa pandemik COVID-19 dapat dihuraikan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Peningkatan kemelut kesihatan mental dan kemurungan dalam kalangan orang ramai disebabkan oleh perubahan norma kehidupan dan mengalami pelbagai masalah ketika wabak tersebut merebak pantas. Oleh itu, masyarakat perlu mempunyai kesedaran tentang isu kesihatan mental semasa menghadapi sesuatu pandemik yang serius seperti COVID-19. Pengkaji mengharapkan kajian ini memberi peluang kepada masyarakat untuk menjadi rakyat yang mempunyai minda yang lebih terbuka dalam menjalani kehidupan norma baharu dan lebih berhati-hati terhadap gejala kemurungan yang kian menular.

Ibhrim et al. (2022) telah menjalankan satu kajian rintis yang tertujuan untuk mengkaji impak pandemik COVID-19 terhadap kesejahteraan ekonomi masyarakat B40. Hal ini kerana jangkitan kes COVID-19 di Malaysia masih dalam kumlah tinggi dan ia membawa kesan negatif kepada sektor ekonomi terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40). Kaedah kajian adalah berbentuk kuantitatif dan kajian rintis ini dijalankan melalui data soal selidik yang diperoleh daripada sejumlah 50 responden Melayu B40 yang berada di Lembah Klang. Soal selidik tersebut terdiri daripada enam bahagian yang utama. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Pandemik COVID-19 telah membawa impak yang besar ke atas kesejahteraan ekonomi golongan B40 di Lembah Klang. Hal ini kerana golongan tersebut mudah terjejas dan terancam.

Status pekerjaan dan status kewangan bagi kebanyakan responden telah dipengaruhi oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan demi mengawal penularan wabak COVID-19.

Izhar et al. (2021) membincangkan pendekatan kerajaan Malaysia dalam mengatasi penularan wabak COVID-19. Data kajian ini dikumpulkan melalui rujukan-rujukan di dalam laman web, e-jurnal, e-akhbar dan laporan-laporan yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia telah mengambil dua pendekatan utama dalam mengawasi keselamatan negara melalui aspek kesihatan dan ekonomi. Dari segi aspek kesihatan, penularan wabak COVID-19 dapat dikawal daripada terus merebak di seluruh negara melalui usaha yang diambil oleh kerajaan. Seterusnya, dari segi ekonomi pula kerajaan telah mengumumkan Pakej Ekonomi Rakyat untuk membantu rakyat yang menjadi mangsa dalam pandemik COVID-19. Dengan ini kerajaan memastikan ekonomi negara dapat dipulihkan. Kedua-dua pendekatan utama ini membantu untuk mengekalkan keamanan negara serta mengelakkan berlakunya isu-isu yang boleh menjelaskan keselamatan negara. Pengkaji juga berpendapat bahawa semua negara perlu menyediakan sejumlah dana yang besar bagi sektor kesihatan sebagai persediaan untuk menghadapi pandemik-pandemik yang akan datang. Dengan ini kerajaan dapat menjaga keselamatan negara mahupun keselamatan global pada masa hadapan.

Baru-baru ini banyak berita tersebar tentang penularan COVID-19 yang meragut nyawa tanpa mengira tua atau muda dan juga sihat atau sakit. Oleh yang demikian, Hishamudin et al. (2021) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti cabaran dan impak yang dihadapi oleh masyarakat ketika menghadapi pandemik COVID-19 yang menular secara pantas di seluruh negara. Kajian merupakan kajian kualitatif yang berbentuk analisis kandungan. Sumber kajian ini didapati daripada artikel, buku-buku ilmiah, dan laman web tertentu di laman sesawang. Dapatan kajian ini mengemukakan cabaran dalam menghadapi wabak COVID-19 dari segi agama, sosial, sektor ekonomi, politik, pendidikan dan perindustrian. Tambahan pula, kajian ini juga dijalankan untuk

mengetahui impak yang dihadapi oleh masyarakat dalam menangani pandemik COVID-19 yang berkaitan dengan emosi, fizikal, rohani, jasmani, moral, penghayatan ilmu dan perbatasan hubungan secara biasa. Implikasi kajian ini memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menjadi masyarakat yang prihatin dengan masalah dan isu semasa yang berlaku dalam negara.

Pandemik COVID-19 telah merebak dan muncul sebagai isu kesihatan awam dan global yang serius disebabkan oleh kadar kematian yang tinggi. Anita (2021) telah meneroka kajian yang bertujuan untuk melihatnya aspek pandemik bukan sahaja melibatkan isu kesihatan tetapi dikenali juga sebagai isu keselamatan di sesebuah negara. Kajian ini dijalankan sebagai kajian kualitatif serta kaedah analisis dokumen telah digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis datanya. Data kajian pula diperoleh daripada sumber primer dan sumber sekunder. Dalam kajian ini pengkaji membincangkan beberapa isu yang berkaitan dengan aspek kesihatan dan keselamatan awam. Hasil kajian ini didapati bahawa pandemik yang berlaku secara besar-besaran telah mencetuskan ancaman, panik dan ketakutan yang boleh menyebabkan isu kesihatan dan keselamatan awam akan terjejas. Oleh itu, semua negara di dunia perlu memberi perhatian terhadap isu kesihatan dan keselamatan awam demi menangani pandemik-pandemik yang akan datang. Tamabahan pula, setiap lapisan masyarakat yang di dalam sesebuah negara perlu bekerjasama antara satu sama lain untuk mengatasi masalah yang boleh menjaskan keharmonian negarannya seperti pandemik COVID-19.

Aziz et al. (2020) telah menyiasat kesan wabak COVID-19 terhadap kesihatan mental serta cara-cara yang diambil untuk menangani isu kesihatan mental sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan telah dilaksanakan di Malaysia. Hal ini kerana pelaksanaan PKP telah membawa rasa takut, cemas, tertekan, murung dan bimbang dalam kalangan masyarakat. Kajian ini dikenali sebagai kajian perpustakaan yang berdasarkan analisis kandungan untuk mencari maklumat sekunder yang berkaitan dengan pandemik COVID-

19. Data-data kajian ini didapati daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal dan majalah. Kajian ini hanya memberi perhatian kepada impak wabak COVID-19 terhadap kesihatan mental dan cara tindak balas yang dikenal pasti demi mengatasi isu kesihatan mental yang merangkumi gaya hidup yang sihat, komunikasi efektif, kawalan masa di dalam media sosial dan pengurusan emosi. Langkah-langkah pencegahan yang efektif dapat mengawal tekanan semasa menghadapi norma baharu.

Rodzi et al. (2021) membuat tinjauan literatur yang sistematik terhadap senario umum pengurusan sisa pandemik COVID-19 di Malaysia. Kepentingan kajian ini adalah memberi pemahaman tentang cara pengurusan sisa berjangkit yang dilaksanakan di Malaysia dan menjelaskan bagaimana pengurusan sisa mempengaruhi penyebaran jangkitan dan mewujudkan kesedaran tentang prosedur pengurusan sisa penjagaan kesihatan yang telah dikemaskini oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 2020. Dapatkan kajian mengemukakan situasi pandemik di Malaysia, kesan terhadap pengurusan sisa, pengemaskinian garis panduan oleh WHO dan aliran prosedur pengurusan sisa sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Pengkaji juga bercadang supaya kajian pada masa datang bolehlah tumpukan terhadap proses pengurusan sisa lebih mendalam berdasarkan garis panduan yang telah dikemaskini oleh WHO (2020) di pusat kesihatan, kawasan kediaman dan tempat awam.

Kasdan et al. (2020) telah menganalisis dan menghuraikan penciptaan istilah tentang COVID-19 yang beredar dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengkaji istilah mengenai COVID-19 dari segi sosioterminologi. Kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dikeluarkan dari 16 Januari 2020 hingga 10 Mei 2020 telah dipilih sebagai sumber data bagi kajian ini. Seterusnya, istilah yang dikenal pasti dalam sumber data telah dianalisis dengan menggunakan pendekatan sosioterminologi. Istilah-istilah tersebut telah dibandingkan dengan istilah yang terdapat dalam pangkalan data DBP. Dalam kajian ini didapati 143 istilah yang digunakan dalam bidang perubatan

yang berkaitan dengan pandemik COVID-19. Hasil kajian menunjukkan bahawa 67% data yang digunakan dalam kajian ini telah diseragamkan oleh DBP. Hal ini menunjukkan bahawa istilah yang digubal oleh DBP masih sangat relevan bagi digunakan untuk menggambarkan situasi pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, terdapat juga istilah baru (33%) yang digunakan dalam kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Istilah-istikhal tersebut belum terdapat dalam korpus peristilahan bahasa Melayu. Daripada perspektif Linguistik, wabak COVID-19 ini telah cepat menumbuhkan korpus kosa kata bahasa Melayu dan istilah yang berkaitan dengan krisis virus ini. Penggunaan istilah yang betul akan mengelakkan berlaku kekeliruan atau salah faham dalam kalangan masyarakat pada masa yang genting.

Pandemik COVID-19 telah menjadi salah satu isu yang sangat serius pada awal tahun 2020 kepada penduduk di seluruh dunia. Pada masa itu, media massa memainkan peranan penting untuk menyebarkan maklumat atau berita tentang pandemik tersebut sama ada di dalam maupun luar negara. Ketika mengalami pandemik yang serius seperti COVID-19 perlulah menyampaikan maklumat atau berita yang tepat dan betul kepada orang awam supaya mewujudkan kesedaran serta kefahaman mengenai pandemik tersebut. Pandemik COVID-19 merupakan isu yang baharu bagi bidang Kesihatan Awam di Malaysia. Oleh itu, haruslah mempunyai padanan istilah yang tepat daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu untuk memastikan maklumat tentang pandemik tersebut disampaikan dengan betul. Sehungan dengan itu, Saupi et al. (2022) telah mengkaji kaedah penterjemahan, penyerapan, penyesuaian imbuhan istilah asing atau gabungan kaedah-kaedah tersebut demi menghasilkan istilah-istikhal dalam bidang Kesihatan Awam khususnya berkaitan dengan pandemik COVID-19. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kaedah kualitatif dengan menerima data daripada laman media sosial Twitter @ DBP Malaysia sepanjang 18 Mac 2020 hingga 18 Mac 2021. Dalam kajian ini, sebanyak 54 istilah Kesihatan Awam tentang pandemik COVID-19 telah dikenal pasti dan dianalisis

berdasarkan kaedah pembentukan istilah yang digunakan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu Edisi Baharu (2004) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Secara kesimpulannya kaedah penterjemahan dikenali sebagai kaedah yang kerap digunakan dalam data kajian ini, diikuti dengan kaedah gabungan penterjemahan dan penyerapan.

Kajian Basir et al. (2020) pula menganalisis tingkah laku sosiologi masyarakat berasaskan teori interaksionisme melalui perangkaan data kes COVID-19 di Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis perangkaan data kes COVID-19 dan membincangkan kes COVID-19 dari sudut interaksi sosial dalam sosiologi masyarakat Malaysia mengikut PKP fasa 1 hingga fasa 3. Teori Interaksionisme yang dikemukakan oleh George Herbert Mead (1939) telah digunakan dalam kajian ini. Teori ini mementingkan proses interaksi sosial manusia. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan memilih Aplikasi Telegram Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai sumber data bagi kajian ini. Dapatkan kajian ini menunjukkan penurunan kadar kes COVID-19 di Malaysia dipengaruhi oleh tingkah laku sosial masyarakat Malaysia terhadap pematuhan sepanjang PKP.

Kajian Shoaei dan Dastani (2020) bertujuan untuk menyiasat mengenai media sosial dan COVID-19 dalam pangkalan data *Web of Science*. Kajian ini menunjukkan bahawa media sosial telah digunakan untuk berkongsi pandangan, penjagaan kesihatan dan pembelajaran jarak jauh semasa krisis COVID-19. Oleh itu, penggunaan media sosial boleh menjadi cara yang berharga untuk kerajaan dan pakar dalam usaha mencegah penularan wabak ini dan juga dalam krisis masa depan yang serupa. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa rangkaian sosial mempunyai potensi yang tinggi untuk membantu memaklumkan dan meningkatkan kesedaran, pendidikan dan penjagaan kesihatan semasa menghadapi krisis COVID-19 ini. Media sosial media juga berkesan dalam mengekalkan jarak sosial dan menggalakkan orang ramai untuk tinggal di rumah dan mengelakkan

perjalanan yang tidak perlu. Tambahan pula, organisasi penjagaan kesihatan yang diluluskan serta diiktiraf dan pakar juga harus lebih aktif dalam media sosial semasa menghadapi krisis seperti ini untuk menyediakan latihan yang diperlukan kepada orang ramai. Kerajaan dan pakar boleh menggunakan pengalaman mereka dalam media sosial untuk mencegah wabak penyakit COVID-19 dan krisis masa depan lain yang serupa. Organisasi yang bertanggungjawab dan pakar pula harus mengajar orang ramai tentang bagaimana gunakan media sosial dengan betul terutamanya semasa menghadapi krisis seperti COVID-19.

Hussin et al. (2021) menjalankan kajian yang meninjau mengenai kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan strategi pelan pemulihan sektor pelancongan semasa pasca pandemik COVID-19. Kajian ini berfokus di Malaysia dan pengalaman negara luar. PKP yang dilaksanakan bermula pada 18 Mac 2020 di seluruh negara menjelaskan pelbagai sektor sosio-ekonomi dan politik termasuk pelancongan. Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan kualitatif yang bersandarkan sumber data sekunder yang diperoleh daripada artikel jurnal, buku rujukan akademik dan berita akhbar atas talian. Hasil kajian mengemukakan bahawa wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif yang drastik ke atas sektor pelancongan di Malaysia dan di negara lain di peringkat global. Kerajaan dapat memulihkan sektor pelancongan dengan membantu para pengusaha dan syarikat pelancongan kecil dan hotel melalui bantuan insentif atau pinjaman. Walau bagaimanapun, sektor pelancongan negara Malaysia dapat dipulihkan sepenuhnya setelah PKP berakhir kerana kehadiran pelancong tempatan dan luar negara dibenarkan tanpa sekatan dan kebimbangan untuk mengunjungi destinasi pelancongan di Malaysia dapat membantu memulihkan sektor pelancongan negara. Diharapkan tindakan pemulihan dapat dilakukan dengan segera bagi menyelamatkan ekonomi negara ini.

COVID-19 yang berasal dari Wuhan, China telah menjadi masalah global pada masa ini. Wabak tersebut memberi impak kepada pelbagai aspek seperti sosial, kesihatan,

keselaman, ekonomi dan sebagainya. Oleh sebab itu, Syafrida dan Hartati (2020) telah menjalankan satu penyelidikan yang meninjau kesan daripada wabak COVID-19 terhadap perkhidmatan awam dan usaha mengatasi wabak tersebut di Indonesia. Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah penyelidikan normatif dengan menggunakan data sekunder dalam bentuk buku perundangan dan internet. Kajian ini dikenali sebagai kajian kualitatif. Dapatkan kajian merumuskan bahawa pandemik COVID-19 telah menyebabkan masalah sosial yang mendorong melemahkan ekonomi masyarakat serta ekonomi negara. Kajian ini juga memberitahu bahawa kerajaan dan masyarakat perlu bekerjasama dan membantu antara satu sama lain demi mencegah penularan COVID-19.

Mat et al. (2021) menjalankan kajian tentang tingkah laku berbelanja dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini kerana sepanjang pandemik COVID-19 para pengkaji menjalankan kajian dengan berfokus kepada pelbagai aspek seperti kesihatan, ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya tetapi tingkah laku berbelanja masyarakat kurang diberi perhatian. Pengkaji ingin mengetahui cara pengurusan perbelanjaan masyarakat Malaysia semasa pandemik COVID-19. Kajian ini memberi perhatian kepada aspek status pekerjaan, pendapatan serta gaya berbelanja masyarakat. Soal selidik yang diisi oleh 100 responden yang berumur antara 19 hingga 60 tahun melalui *google form* telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data. Kemudian, versi 22 Pakej Perisian untuk Sains Sosial (SPSS) telah digunakan dalam proses analisis data. Gaya perbelanjaan masyarakat Malaysia menjurus ke arah tumpuan keperluan melebihi kehendak dapat diketahui melalui kajian ini. Namun perbezaan dalam sektor pekerjaan mempengaruhi tingkah laku pengurusan perbelanjaan dalam kalangan masyarakat ketika pandemik COVID-19 adalah menarik untuk dikaji.

Dalila dan Yunus (2021) mengkaji tahap pencapaian akademik pelajar sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Pandemik COVID-19 memberi impak kepada pelbagai bidang khususnya bidang pendidikan di seluruh dunia kerana para pelajar terpaksa

menuntut ilmu melalui kelas dalam talian. Pengakaji pun berpendapat bahawa para guru dapat memberikan fokus dalam proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kepada pelajar secara ``one -to one`` dalam kelas secara tradisional tetapi semasa pandemik guru perlu menyeragamkan proses pengajaran secara sama rata tanpa mengira tahap pelajar. Kaedah kuantitaif dan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah kualitatif dijalankan dengan cara pemerhatian dan temubual dengan guru-guru untuk mendapatkan data bagi proses analisis manakala kaedah kuantitatif pula menggunakan instrumen data yang berbentuk angka yang boleh diukur seperti penggunaan borang soal selidik untuk memperoleh data daripada murid. Borang soal-selidik membantu untuk mengetahui latar belakang setiap responden. Hasil kajian mencerminkan bahawa tahap pencapaian akademik pelajar di dalam kelas dipengaruhi oleh kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh para guru. Pada masa yang sama peningkatan akademik pelajar semasa menghadiri kelas dalam talian dipengaruhi oleh kemudahan internet, dorongan ibu bapa dan motivasi untuk meneroka ilmu baharu dengan penggunaan teknologi.

Kini, masyarakat di seluruh dunia telah menghadapi pelbagai kesan dalam kehidupan sehariannya semasa pandemik COVID-19 termasuk golongan pelajar. Marzuki et al. (2022) menjalankan kajian untuk mengenal pasti isu stres dalam kalangan pelajar yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian semasa pandemik COVID-19. Kajian ini juga mengemukakan beberapa saranan untuk mengatasi isu tersebut. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dalam proses pengumpulan data berpandukan kajian-kajian lepas. Melalui kajian ini boleh membuat kesimpulan bahawa isu stres dalam kalangan pelajar dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian dijangka akan berterusan selagi pandemik COVID-19 belum berakhir. Walau bagaimanapun, isu tersebut boleh diatasi dengan melaksanakan pelbagai cara yang efektif berdasarkan saranan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdasarkan kepada penerimaan dan konsistensi setiap pelajar. Pengkaji juga berpendapat bahawa isu stres

dalam kalangan pelajar tidak seharusnya diketepikan untuk memastikan isu ini tidak mengganggu aspek keharmonian dan kestabilan emosi pelajar ketika mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.

Sharin (2021) telah menjalankan kajian yang merumuskan artikel-artikel ilmiah yang berkaitan dengan isu-isu yang bangkit daripada pandemik COVID-19. Dalam kajiannya beliau menyatakan bahawa pandemik COVID-19 secara tiba-tiba mengganggu sistem pendidikan seluruh dunia. Hal ini memaksakan pendidik bertukar kepada mod pengajaran dalam talian terutamanya di peringkat universiti. Para pelajar tidak hanya mengekalkan jarak sosial daripada rakan sebaya dan keluarganya tetapi para pelajar perlu menyesuaikan diri dengan pembelajaran dalam atas talian. Kini pembelajaran jarak jauh telah menjadi norma untuk mengelakkan wabak COVID-19 yang berjangkit secara meluas. Terdapat pelajar yang bersedia untuk menghadiri kelas dalam atas talian; walau bagaimanapun terdapat juga pelajar yang enggan beralih daripada pembelajaran tradisional kepada pembelajaran dalam atas talian. Selain itu, pembelajaran jarak jauh juga didapati berkaitan dengan kesan psikologi seperti tekanan dan kebimbangan. Oleh itu, pendidik boleh menggunakan beberapa cara yang efektif demi menjadikan pendidikan makin lebih menarik dan cekap. Kebanyakan pengkaji mencadangkan bahawa para pelajar dan pendidik haruslah menyesuaikan diri dengan pembelajaran jarak jauh.

Kalang dan Eboy (2021) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk melakukan tinjauan literatur terhadap penggunaan analisis ruang dalam kajian tentang pandemik COVID-19 kerana kajian ini masih jarang dijalankan terutamanya di Malaysia. Kajian ini telah meninjau beberapa kajian lepas dalam penggunaan analisis ruang yang berkaitan dengan pandemik COVID-19. Kajian ini hanya memberi perhatian kepada penggunaan analisis ruang dalam kajian COVID-19 sahaja dan tidak memfokuskan penggunaan analisis yang lain. Hasil kajian mendedahkan bahawa terdapat sebanyak empat model regresi ruang yang paling banyak digunakan dalam analisis kajian COVID-19 iaitu

Geographically weighted regression (GWR), Ordinary Least Square (OLS), Spatial Error Model (SEM) dan Spatial Lag Model (SLM). Akhirnya, pengkaji berharap kajian ini akan menjadi panduan bagi kajian yang berkaitan dengan penggunaan analisis ruang serta pandemik COVID-19 pada masa yang akan datang. Pengkaji-pengkaji yang akan datang juga haruslah menggunakan kata kunci yang pelbagai serta sumber data yang banyak semasa menjalankan kajian berkaitan dengan penggunaan analisis ruang.

Ahmad dan Murad (2020) menjalankan kajian yang menentukan bagaimana media sosial mempengaruhi kesihatan mental orang ramai dan juga menyebarkan panik tentang COVID-19 di Kurdistan Iraq. Soal selidik dalam atas talian telah disediakan untuk mengumpulkan data dalam kajian ini. Sejumlah 516 pengguna media sosial telah dijadikan sebagai sampel bagi mengumpul data. Dalam kajian ini kaedah kuantitatif telah digunakan untuk mendapatkan data daripada pengguna media sosial Kurdish. Di samping itu, kandungan deskriptif analisis pula digunakan untuk menganalisis data dan data kajian tersebut telah dianalisis dengan menggunakan SPSS Versi 25 (IBM Corp). Peserta kajian ini melaporkan bahawa media sosial mempunyai kesan yang tertentu dalam penyebaran ketakutan dan panik dalam kalangan orang ramai di Kurdistan, Iraq berkaitan COVID-19. Dapat kajian menunjukkan bahawa orang ramai di Kurdistan, Iraq menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat tentang COVID-19 tetapi media sosial tersebut memainkan peranan penting dalam menyebarkan kebimbangan mengenai COVID-19 di Kurdistan, Iraq. *Facebook* adalah rangkaian media sosial yang paling banyak digunakan untuk menyebarkan panik mengenai wabak COVID-19 di Iraq. Sifat kesan penik media sosial dalam kalangan orang ramai bergantung pada jantina, umur dan tahap pendidikan. Sehubungan dengan itu, majoriti pengguna yang berumur 18 hingga 35 tahun menghadapi kebimbangan psikologi di Kurdistan, Iraq.

Ismail et al. (2021) telah menjalankan sebuah kajian yang menganalisis berita dalam *Facebook* mengenai COVID-19. Facebook dikenali sebagai platform yang membantu

masyarakat untuk mengetahui berita tentang isu-isu semasa seperti COVID-19 dalam atas talian. Kini isu tentang pandemik COVID-19 telah melanda seluruh dunia. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih beberapa berita dalam atas talian untuk dijadikan sebagai rujukan yang diterbitka oleh organisasi media berkaitan wabak COVID-19 sepanjang Januari hingga Mac 2020. Analisis Deskriptif telah digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis sumber kajian. Portal Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah dipilih sebagai sumber data oleh pengkaji. Kajian ini mendapati kekerapan pengeposan berdasarkan tiga kategori iaitu langkah, punda dan laporan jangkitan yang meningkat dari Januari hingga Mac 2020. Tambahan pula, keputusan kajian ini juga mengemukakan bahawa kedua-dua portal Facebook tersebut menggunakan kata kunci seperti bilangan kes jangkitan, kematian akibat daripada COVID-19 dan pemulihan. Kajian ini diharapkan dapat menjadi sebagai rujukan bagi pihak bertanggungjawab dalam aspek kepentingan penyebaran maklumat dengan lebih sistematik untuk memudahkan para pembaca dapat menerima maklumat-maklumat mengenai isu-isu semasa seperti wabak COVID-19.

Umor dan Ismail (2022) menjalankan kajian untuk mengenal pasti bentuk-bentuk ketidaksantunan bahasa dan interpretasi netizen yang digunakan oleh pengguna Facebook di dalam ruangan komen laman sosial. Kini, media sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian kita untuk menyampaikan maklumat-maklumat mengenai isu-isu semasa seperti pandemik COVID-19. Kebimbangan masyarakat mengenai wabak COVID-19 terutamanya kadar kematian semakin meningkat menyebabkan kepada peningkatan komunikasi maya di dalam platform media sosial. Malaysiakini dan Sinar Harian menerima banyak reaksi dan maklum balas daripada pengguna Facebook mengenai isu COVID-19. Oleh sebab itu, kedua-dua portal berita dalam talian ini telah dipilih sebagai sumber data dalam kajian ini. Berdasarkan kerangka yang dicadangkan oleh Culpeper dan Entman, sebanyak 400 komen telah dikenal pasti dan dikategorikan dalam

kajian ini. Melalui sumber data kajian ini mendapati bahawa netizen dalam kedua-dua laman sosial tersebut menggunakan lebih banyak bahasa dalam bentuk pedas atau aduan manakala reaksi yang ditunjukkan lebih menjurus kepada penilaian netizen terhadap maklumat yang dibaca. Hal ini mengemukakan kerajaan gagal untuk mengawasi isu ini dan memberi ruang kepada netizen untuk menggunakan bahasa kasar di dalam komen Facebook mereka. Dengan ini, boleh memahami bahawa nilai-nilai berbudi bahasa dan bersopan-santun dalam kalangan masyarakat Malaysia telah hilang khususnya semasa menggunakan media sosial seperti Facebook. Tuntasnya pihak yang bertanggungjawab perlu mengawasi isu-isu yang berlaku dalam media sosial khususnya semasa pandemik supaya rakyat tidak menjadi panik atau bimbang.

Jeffri et al. (2021) menyiasat jenis berita palsu, persepsi rakyat dan kesan yang dialami oleh rakyat melalui berita palsu yang ditularkan di dalam media sosial sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengkaji-pengkaji juga meneroka hubungan antara ketiga-tiga aspek yang dinyatakan di atas. Kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik tersebut mengandungi empat bahagian serta 382 orang responden dari masyarakat yang berada di daerah Alor Gajah, Melaka telah dipilih untuk mengisi soal selidik itu. Perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS)* telah digunakan untuk menganalisis data untuk mendapatkan kekerapan peratusan, min dan sisihan piawai. Kajian ini mengemukakan bahawa masyarakat yang berada di daerah Alor Gajah, Melaka menjumpai lebih banyak berita palsu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan. Kajian ini memberi peluang kepada orang ramai untuk mengetahui tentang kesan berita palsu yang semakin berleluasa di dalam media sosial seperti *Whatsapp* dan *Facebook* serta menjadi rujukan bagi pengkaji yang ingin menjalankan kajian yang berkaitan media sosial pada masa yang akan datang. Diharapkan pengguna media sosial menggunakan *platform* tersebut bagi meyebarkan berita yang

betul dan sahih sahaja supaya mengelakkan berlaku suasana yang tidak tenang dalam kalangan masyarakat.

Hamzah et al. (2020) menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti persepsi orang ramai terhadap penyebaran berita palsu di dalam media sosial semasa pandemik COVID-19. Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kuantitatif dan menggunakan borang soal selidik melalui *Google Form* untuk mendapatkan data kajian. Pengkaji memilih 150 warga UTHM Kampus Pagoh yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, gender dan kaum sebagai responden dalam kajian ini. Data kajian pula dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian ini menunjukkan seramai 142 responden yang mewakili 95% bersetuju bahawa berlakunya penyebaran berita palsu semasa pandemik COVID-19. Penyebaran berita atau maklumat palsu dapat mewujudkan suasana yang tidak harmoni di dalam sesebuah negara. Tuntasnya, pembinaan etika dikenali sebagai unsur yang sangat penting semasa menyebarkan sesuatu maklumat atau berita di dalam media sosial telah dikenal pasti dalam kajian ini. Hal ini mendorong orang ramai tidak menyalahgunakan media sosial dari semasa ke semasa.

Kajian-kajian lepas yang mengkaji pandemik COVID-19, media sosial dan pengurusan krisis mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Kemua kajian lepas tersebut memberi kesedaran kepada masyarakat tentang situasi-situasi yang boleh berlaku semasa menghadapi sebarang pandemik yang serius dan langkah-langkah yang perlu diambil demi menangani situasi tersebut dengan mudah dan cepat. Sebagai contohnya, kajian-kajian lepas yang dinyatakan telah membincangkan tentang kesan-kesan yang akan berlaku dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya sepanjang pandemik COVID-19 dan memberi pemahaman tentang bagaimana mengatasi pandemik tersebut dengan efektif.

## **2.2 Jurang Penyelidikan**

Sejak tahun 2016 hingga 2021, kajian mengenai penggunaan penanda metadiscourse dalam surat khabar khususnya Bahasa Tamil kurang dan sukar dicari. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penanda metadiscourse lebih dijalankan di negara-negara lain dalam bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu, masalah ini telah diambil sebagai jurang penyelidikan bagi kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan penanda metadiscourse dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Tamil di Malaysia.

## **2.3 Kesimpulan**

Bab ini membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan metadiscourse, media massa, pengurusan krasis dan juga pandemik COVID-19. Bab yang seterusnya akan memberi maklumat tentang aspek metodologi yang telah digunakan dalam kajian ini.


## BAB 3: METODOLOGI

### 3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan aspek kerangka kajian, kaedah kajian, bahan kajian, prosedur kajian dan kerangka teori.

### 3.1 Kerangka Kajian

Kajian ini dijalankan dengan panduan kerangka kajian yang dipaparkan dalam Rajah 3.1:



### **RAJAH 3.1**

#### **3.2 Kaedah Kajian**

Kaedah kajian atau pendekatan dipilih berkait rapat dengan persoalan kajian atau perkara yang dikaji (Duff, 2002). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk deskriptif. Analisis teks telah digunakan untuk menganalisis data kajian ini. Kebanyakan kajian lepas yang ditinjau dalam kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis penanda metadiscourse kerana ia merupakan kaedah yang sesuai bagi menjalankan kajian-kajian tersebut (Mina & Biria, 2017; Sahragard & Yazdanpanahi, 2017; Farnia & Mohammadi, 2018). Sehubungan dengan itu, kajian ini juga memilih kaedah kualitatif untuk menganalisis penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban dengan rinci.

#### **3.3 Bahan Kajian**

Persampelan bertujuan telah digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data. Menurut Aripin et al. (2014), tujuan menggunakan persampelan kajian adalah untuk membolehkan pengkaji menentukan sampel yang sesuai dan khusus bagi mencapai tujuan kajiannya. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan dengan memilih artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban pada hari Ahad yang berkaitan dengan Malaysia sahaja. Sejumlah 103 artikel berita COVID-19 telah dipilih sebagai sumber data bagi kajian ini dan kesemua artikel berita tersebut akan dilabelkan dengan menggunakan nombor seperti artikel 1, artikel 2 dan seterusnya.

Artikel berita COVID-19 telah dipilih sebagai sumber data dalam kajian ini kerana kini pandemik COVID-19 merupakan isu yang dibincangkan secara global dalam semua

media massa (Sharmini & Murali, 2020). Sehubungan dengan hal itu, masyarakat perlu mempunyai kesedaran tentang pandemik COVID-19 demi mengelakkan diri mereka daripada dijangkiti dengan virus tersebut. Oleh itu, kajian ini memilih artikel berita COVID-19 sebagai sumber data untuk menganalisis bagaimana artikel-artikel tersebut dapat mewujudkan kesedaran dalam kalangan penduduk Malaysia. Surat khabar Tamil Malaysia Nanban dipilih sebagai bahan kajian kerana surat khabar ini merupakan surat khabar Tamil yang tertua di negara Malaysia pada masa ini serta surat khabar tersebut mempunyai jumlah pembaca yang banyak berbanding dengan surat khabar yang lain dalam Tamil (Kumar, 2014). Hal ini menyebabkan artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban dipilih sebagai sumber data dalam kajian ini.

### **3.4 Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan secara berperingkat untuk menghasilkan penulisan penyelidikan yang berkualiti. Proses pengumpulan data dibahagikan kepada dua bahagian iaitu proses pengumpulan data dan proses menganalisis data. Peringkat pertamanya adalah proses pengumpulan data. Pada mulanya, kesemua artikel berita mengenai pandemik COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban khususnya pada hari Ahad sepanjang PKP fasa 1 (22 Mac 2021 & 29 Mac 2021) telah dikumpul. Hal ini kerana surat khabar Malaysia Nanban mempunyai jumlah pembaca yang banyak pada hari Ahad berbanding dengan hari-hari yang lain. Di samping itu, sepanjang PKP fasa 1 orang ramai memerlukan informasi tentang COVID-19 kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan yang begitu jelas mengenai pandemik yang baru itu. Seterusnya, artikel berita COVID-19 mengenai negara Malaysia sahaja dipilih sebagai sumber data bagi kajian ini. Kesemua artikel berita yang dipilih telah dibaca untuk mengenal pasti penanda metadiscourse interaktif dan juga interaksional berdasarkan model metadiscourse yang dikemukakan oleh Hyland (2005).

Peringkat kedua pula dikenali sebagai proses menganalisis data. Dalam proses ini, sumber penanda metadiscourse interaktif dan interaksional yang telah dikumpul daripada artikel berita COVID-19 akan diklasifikasikan dalam sebuah jadual demi mengenal pasti sub kategori utama yang mana digunakan secara meluas oleh penulis surat khabar Malaysia Nanban. Akhirnya, data kajian akan dianalisis untuk mengetahui fungsi-fungsi sub kategori penanda metadiscourse interaktif dan juga interaksional yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat tentang pandemik COVID-19.

### **3.5 Kerangka Teori**

Model Hyland (2005) telah dipilih untuk menganalisis data kajian ini walaupun terdapat banyak model bagi mengkaji aspek metadiscourse. Hyland (2005) berpendapat bahawa model-model metadiscourse yang dicipta sebelum ini mengandungi kekaburuan (ambikuti) dan tidak mempunyai penjelasan yang kukuh mengenai ciri yang mana perlu dimasukkan dalam proses analisis serta bagaimana mengkategorikan aspek metadiscourse. Oleh itu, Hyland mengemukakan definisi metadiscourse yang jelas iaitu metadiscourse merujuk kepada "aspek teks yang mengatur wacana atau pendirian penulis terhadap kandungan atau pembaca" (Mu et al., 2015). Tambahan pula, model Hyland (2005) digunakan secara meluas dalam kajian - kajian lepas yang telah dijalankan untuk mengkaji aspek metadiscourse.

Hyland (2005) telah membahagikan model metadiscourse kepada dua bahagian utama iaitu penanda metadiscourse interaktif dan interaksional. Penanda interaktif membimbang pembaca untuk memahami kesinambungan sesuatu teks manakala penanda interaksional pula membantu penulis untuk melibatkan diri serta pembaca dalam teks tersebut. Penerangan yang jelas mengenai penanda metadiscourse interaktif dan interaksional dapat dilihat dalam jadual 3.5.1 (Hyland, 2005).

**Jadual 3.1: Model Metadiscourse (Hyland, 2005)**

Kategori Utama	Sub-kategori	Ciri-Ciri	Contoh
Interaktif	Penanda Peralihan ( <i>Transitions</i> )	Menyatakan hubungan antara klausa utama	Tetapi, dan, tambahan pula
	Penanda Bingkai ( <i>Frame Markers</i> )	Merujuk kepada tindakan, urutan atau peringkat wacana	Akhirnya, untuk menyimpulkan
	Penanda Endoforik ( <i>Endophoric Markers</i> )	Merujuk maklumat di bahagian lain dalam teks.	Nyatakan di atas, lihat gambar
	Pembuktian ( <i>Evidential</i> )	Merujuk maklumat dari teks lain	Mengikut X, Z menyatakan
	Gloss Kod ( <i>Code Glosses</i> )	Menghuraikan maksud proposisi	Iaitu, contoh, seperti
Interaksional	Pelindung Nilai ( <i>Hedges</i> )	Menahan komitmen atau dialog terbuka	Mungkin
	Penggalak ( <i>Boosters</i> )	Menekankan kepastian atau dialog rapat	Sebenarnya, pasti, jelas bahawa
	Penanda Sikap ( <i>Attitude Markers</i> )	Menyatakan perasaan penulis terhadap teks	Malangnya, saya setuju
	Sebutan Diri ( <i>Self-mention</i> )	Penulis terlibat dalam teks	Saya, kami
	Penanda Penggabungan ( <i>Engagement Markers</i> )	Membina hubungan dengan pembaca	Pertimbangkan, memberi perhatian

(sumber diubahsuai daripada Model Metadiscourse Hyland, 2005)

Peralihan merujuk kepada kata hubung dan kata keterangan frasa yang membantu pembaca mentafsirkan hubungan pragmatik dalam sesuatu teks. Penanda bingkai digunakan untuk mewujudkan urutan serta kesinambungan idea dalam sesuatu teks demi

mencipta wacana yang jelas kepada pembaca. Penanda endoforik adalah aspek yang merujuk kepada bahagian lain yang terdapat dalam sesuatu teks. Sub-kategori tersebut menyokong teks dengan merujuk kepada bahan sebelumnya atau menjangka sesuatu yang akan datang. Penanda pembuktian pula merujuk kepada idea daripada sumber lain yang menjadi panduan atau bukti bagi tafsiran pembaca. Penanda gloss kod digunakan dalam teks bagi tujuan menjelaskan sesuatu isu dengan lebih terperinci.

Seterusnya, penanda pelindung nilai merujuk kepada sikap penulis yang tidak memberi komitmen sepenuhnya terhadap sesuatu idea manakala penanda penggalak pula membantu penulis untuk menekankan kepastian dalam apa yang mereka katakan.. Penanda sikap digunakan untuk menyatakan pendapat penulis terhadap sesuatu teks. Sub-kategori sebutan diri membantu penulis untuk melibatkan diri dalam teks yang mereka telah dihasilkan. Akhirnya, penanda penggabungan pula digunakan untuk membina hubungan antara penulis dengan pembaca.

### **3.5.1 Model Metadiscourse**

Terdapat pelbagai konsep dan pengkelasan bagi aspek metadiscourse dan beberapa pengkaji menghasilkan pendekatan yang luas bagi konsep metadiscourse seperti William, Crismore, Vande Kopple, Crismore, Hyland dan sebagainya (Wei et al., 2016). Vande Kopple (1985) menyatakan bahawa metadiscourse ialah wacana mengenai wacana dan menunjukkan tanda-tanda linguistik yang digunakan oleh penulis atau penutur dalam teksnya untuk berinteraksi dengan pembaca atau pendengar mereka (Mina & Biria, 2017).

Vanda Kopple mengklasifikasikan metadiscourse kepada dua bahagian yang utama iaitu ``*textual*'' dan ``*interpersonal*''. Penghubung teks (*teks connectives*), gloss kod (*code glosses*), penanda ilokusi (*illocution markers*) dan pencerita (narrators) tergandung dalam bahagian ``*textual*'' manakala penanda kesahan (*validity markers*), penanda sikap (*attitude markers*) dan ulasan (*commentaries*) tergandung dalam bahagian

``*interpersonal*'' (Wei et al., 2016). Perkara yang penting mengenai pengkelasan ini ialah model Kopple adalah pengkategorian metadiscourse yang sistematik tetapi pengkelasan tersebut tidak lengkap dan tidak dapat merangkumi kesemua elemen metadiscourse (Farahani, 2018).

Seterusnya, Crismore Markkanen dan Steffnsen (1993) telah memperkenalkan pengkategorian metadiscourse yang lebih luas dan menyeluruh. Mereka menambahkan lebih banyak sub-kategori dalam dua kategori metadiscourse yang utama iaitu ``*textual*'' dan ``*interpersonal*'' (Farahani, 2018). Model mereka lebih komprehensif dan terus terang berbanding dengan model Kopple,. Walau bagaimanapun model mereka juga masih tidak begitu jelas dan beberapa aspek dapat digunakan dalam dua atau lebih banyak sub kategori metadiscourse.

Hyland (2005) berpendapat bahawa terdapat kekeliruan dan ketidakpastian dalam dua pengkategorian metadiscourse yang diberikan oleh Crismore dan Vande Kopple serta beliau mengemukakan definisi metadiscourse yang jelas (Yang, 2014). Menurut Hyland semua metadiscourse adalah ``*interpersonal*'', jadi tidak perlu pembezaan antara ``*tekstual*'' dan ``*interpersonal*'' dalam konsep metadiscourse (Mu et al., 2015). Hyland (2005) mengkelaskan penanda metadiscourse kepada dua kategori yang utama iaitu interaktif dan interaksional. Metadiscourse interaktif digunakan untuk membantu dan membimbing pembaca sepanjang teks manakala metadiscourse interaksional pula digunakan untuk melibatkan pembaca dalam teks. Pada pendapat saya, model metadiscourse yang dikemukakan oleh Hyland (2005) sangat sesuai bagi kajian-kajian yang akan mengkaji aspek metadiscourse kerana Hyland menjelaskan secara terperinci kategori-kategori metadiscourse tanpa mempunyai sebarang kekeliruan. Oleh yang demikian, model Hyland (2005) telah dipilih untuk mengenal pasti serta menganalisis data kajian ini.

### **3.6 Kesimpulan**

Pengkaji telah menjalankan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif dan persampelan tujuan dalam proses pengumpulan data untuk menjawab kedua-dua persoalan kajian.

## **BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **4.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, membincangkan analisis kajian berdasarkan dua objektif iaitu, (i) mengenal pasti penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban dan (ii) menganalisis fungsi penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban.

### **4.1 Jenis Penanda Metadiscourse**

Dalam bahagian ini, terdapat penjelasan bagi objektif 1 iaitu mengenal pasti penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban.

Dalam 103 artikel berita COVID-19 yang dipilih daripada surat khabar Malaysia Nanban didapati bahawa penulis artikel berita COVID-19 memang menggunakan penanda metadiscourse interaktif dan juga interaksional dalam artikel-artikel tersebut. Berdasarkan analisis kajian, 9 sub-kategori penanda metadiscourse telah dikenal pasti dalam 103 artikel berita Tamil COVID-19 tersebut dengan jumlah yang berbeza. Antara sub-kategorinya ialah penanda peralihan, penanda bingkai, penanda endoforik, penanda pembuktian, penanda gloss kod, penanda pelindung nilai, penanda penggalak, penanda sebutan dan penanda penggabungan. Penanda sikap pula tidak digunakan dalam 103 artikel berita COVID-19 yang telah dianalisis dalam kajian ini.

Frekuensi penggunaan sub-kategori bagi kedua-dua kategori utama metadiscourse dapat dilihat pada jadual 4.1, 4.2 dan 4.3.

Jadual 4.1: Frekuensi penanda metadiscourse interaktif yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban

NO	<b>PENANDA METADISCOURSE INTERAKTIF</b>		
	<b>SUB KATEGORI</b>	<b>FREKUENSI</b>	<b>PERATUS %</b>
1	Peralihan ( <i>Transitions</i> )	598	50.0
2	Penanda Bingkai ( <i>Frame Markers</i> )	98	8.1
3	Penanda Endoforik ( <i>Endophoric Markers</i> )	8	0.59
4	Pembuktian ( <i>Evidentials</i> )	343	28.6
5	Gloss Kod ( <i>Code Glosses</i> )	69	5.8
<b>JUMLAH</b>		<b>1,116</b>	<b>93.1</b>

Jadual 4.1 menunjukkan frekuensi sub kategori penanda metadiscourse interaktif yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban sepanjang PKP fasa 1 di Malaysia. Frekuensi sub kategori penanda metadiscourse interaksional pula terdapat dalam jadual 4.2.

Jadual 4.2: Frekuensi penanda metadiscourse interaksional yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban

NO	<b>PENANDA METADISCOURSE INTERAKSIONAL</b>		
	<b>SUB KATEGORI</b>	<b>FREKUENSI</b>	<b>PERATUS %</b>
1	Pelindung Nilai ( <i>Hedges</i> )	56	4.7
2	Penggalak ( <i>Boosters</i> )	15	1.3
3	Penanda Sikap ( <i>Attitude Markers</i> )	0	0
4	Penanda Sebutan Diri ( <i>Self-Mentions</i> )	10	0.83
5	Penanda Penggabungan ( <i>Engagement Markers</i> )	1	0.08
	<b>JUMLAH</b>	<b>82</b>	<b>6.9</b>

#### **4.1.1 Penanda metadiscourse interaktif**

Dalam bahagian ini terdapat penjelasan tentang frekuensi sub-kategori penanda metadiscourse interaktif.

##### **4.1.1.1 Penanda Peralihan**

Jadual 4.2 jelas menunjukkan bahawa sub kategori penanda metadiscourse penanda peralihan yang paling dominan digunakan oleh penulis artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban berbanding dengan penanda metadiscourse yang lain yang lain. Penanda peralihan yang digunakan dalam 50 peratus telah membuktikan pernyataan di atas iaitu penanda peralihan kerap digunakan dalam

artikel berita COVID-19 yang dipilih sebagai sumber data bagi kajian ini. Dapatkan kajian ini selaras dengan kebanyakan dapatan kajian lepas yang menggunakan penanda peralihan secara meluas dalam artikel jurnal atau artikel penyelidikan (Nugrahani & Bram, 2020; Yasinta, 2018 & Farahani, 2018).

#### **4.1.1.2 Penanda bingkai**

Penanda bingkai digunakan dalam jumlah frekuensi yang ketiga tertinggi dalam kajian ini. Sejumlah 98 penanda bingkai telah terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang telah dianalisis dalam kajian ini. Beberapa kajian lepas yang mengkaji penanda metadiscourse mengemukkan bahawa penanda bingkai digunakan secara kerap dalam sumber data kajiannya (Tan & Eng, 2014; Farahani, 2018; Mina & Biria, 2017) manakala terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa penanda tersebut tidak diberi fokus dan jarang digunakan oleh penulis (Kuhi & Mojood, 2014). Tambahan pula, terdapat juga kajian lepas yang menunjukkan dapatan kajian yang selaras dengan hasil kajian ini iaitu penanda bingkai digunakan dalam jumlah yang ketiga tertinggi (Mina & Biria, 2017; Yasinta, 2018 & Farahani, 2018).

#### **4.1.1.3 Penanda Endoforik**

Penanda metadiscourse interaktif yang paling rendah digunakan dalam 103 artikel berita tersebut ialah penanda endoforik iaitu mewakili 0.59% sahaja. Penanda endoforik digunakan untuk merujuk kepada maklumat yang terdapat di bahagian lain dalam sesuatu teks. Penulis surat khabar Malaysia Nanban tidak memberi fokus kepada penanda endoforik semasa menulis artikel berita COVID-19. Oleh itu, penanda tersebut digunakan dalam jumlah yang sangat sedikit berbanding dengan penanda metadiscourse yang lain. Walau bagaimanapun terdapat juga kajian lepas yang menunjukkan penanda

endorforik digunakan dalam jumlah yang banyak oleh penulis (Eghtesadi & Navidinia, 2009).

#### **4.1.1.4 Penanda Pembuktian**

Penanda pembuktian merupakan penanda metadiscourse yang digunakan dalam jumlah yang kedua tertinggi dalam kajian ini. Penanda tersebut merujuk maklumat daripada teks-teks yang lain. 343 penanda pembuktian yang mewakili 28.6% telah digunakan dalam sumber data kajian ini. Pembuktian dikenali sebagai penanda yang sangat penting seperti penanda peralihan dalam penyampaian maklumat tentang pandemik COVID-19 yang merupakan isu semasa pada masa ini. Mina dan Biria (2017) juga menyatakan bahawa penanda pembuktian memainkan peranan dominan dalam data kajian mereka. Walau bagaimanapun terdapat juga kajian lepas yang mengemukakan bahawa penanda pembuktian digunakan dalam jumlah yang sangat sedikit sahaja dalam data kajianya (Tan & Eng, 2014).

#### **4.1.1.5 Penanda Gloss kod**

Penanda gloss kod juga diberikan fokus dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban. Berdasarkan analisis, sejumlah 69 gloss kod telah digunakan dalam artikel-artikel berita Tamil COVID-19 yang dipilih sebagai sumber data bagi kajian ini. Terdapat juga kajian lepas yang mengkaji sumber datanya yang terdapat dalam bahasa Inggeris dan didapati bahawa penanda tersebut digunakan dalam jumlah yang lebih kurang serupa dengan kajian ini (Tan & Eng, 2014; Farahani, 2018, Mina & Biria, 2017).

#### **4.1.2 Penanda metadiscourse interaksional**

Dalam bahagian ini frekuensi penanda metadiscourse interaksional yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 telah dibincangkan.

##### **4.1.2.1 Penanda Pelindung Nilai**

Penanda pelindung nilai secara umumnya digunakan bagi tujuan menahan komitmen apabila membincangkan isu-isu yang tidak begitu jelas. Jadual 4.1.2 menunjukkan bahawa pelindung nilai merupakan penanda metadiscourse interaksional yang digunakan secara luas dalam artikel berita COVID-19 (4.7%) yang dikaji dalam kajian ini. Abdullah et al. (2020) pula menyatakan bahawa penanda pelindung nilai digunakan secara dominan dalam artikel surat khabar atas talian Malaysia yang didapati dari *News Straits Times*. Tambahan pula kajian yang dijalankan oleh Akbarpour dan Sadeghoghli (2015) juga menunjukkan bahawa penanda pelindung nilai digunakan dalam jumlah yang tinggi dalam sumber datanya. Dengan ini, boleh menyimpulkan bahawa dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Abdullah et al. (2020), Akbarpour dan Sadeghoghli (2015). Penulis artikel berita Malaysia menunjukkan minat untuk menggunakan penanda pelindung nilai dalam karyanya demi menarik perhatian pembaca.

##### **4.1.2.2 Penanda Penggalak**

Penanda penggalak digunakan dalam frekuensi 15 sahaja dalam 103 artikel berita COVID-19 itu. Walau bagaimanapun penggalak dikenali sebagai penanda metadiscourse yang digunakan dalam jumlah yang kedua tertinggi daripada kategori penanda metadiscourse interaksional. Penanda penggalak memberi penekanan bagi idea-idea penting yang digunakan dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia *Nanban*. Kajian lepas yang dijalankan oleh Nugrahani dan Bram (2020)

menunjukkan bahawa penanda penggalak digunakan dalam jumlah yang paling sedikit dalam sumber datanya manakala terdapat juga kajian lepas yang mengemukakan bahawa penanda ini kerap digunakan dalam sumber data kajiannya (Akbarpour & Sadeghoghli, 2015).

#### **4.1.2.3 Penanda sikap**

Dapatkan kajian menunjukkan satu fenomena yang menarik iaitu penanda sikap tidak ditemui langsung dalam artikel berita COVID-19 yang telah dianalisis dalam kajian ini. Dengan ini, boleh memahami bahawa penulis tidak memberi kepentingan kepada penanda metadiscourse tersebut. Penulis menggunakan penanda sikap untuk memberi keutamaan kepada perasaan penulis terhadap teks. Kebanyakan penulis surat khabar tidak menggunakan penanda sikap kerana artikel surat khabar bukan seperti teks editorial yang membincangkan pendapat penulis (Mina & Biria, 2017).

Terdapat kajian lepas yang mencerminkan bahawa penanda sikap digunakan secara dominan dalam sumber data kajian tersebut (Duruk, 2017). Walau bagaimanapun dalam kajian ini, penulis artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban tidak mempunyai minat untuk menggunakan penanda sikap bagi menarik perhatian pembaca. Dapatkan kajian ini selaras dengan dapatan kajian lepas yang tidak menggunakan penanda sikap dalam sumber datanya (Akbarpour & Sadeghoghli, 2015).

#### **4.1.2.4 Penanda Sebutan diri**

Penanda sebutan diri digunakan oleh penulis artikel berita COVID-19 untuk melibatkan diri dalam teks yang dihasilkannya. Penanda tersebut digunakan dalam jumlah yang sedikit sahaja dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban. Penanda sebutan diri terletak dalam kedudukan ketiga dalam

penggunaan penanda metadiscourse interaksional dalam artikel berita COVID-19 yang diteliti dalam kajian ini. Terdapat juga kajian lepas yang mengemukakan bahawa penulis surat khabar Malaysia langsung tidak menggunakan sebutan diri dalam artikel beritanya (Abdullah, et al., 2020) tetapi Farahani (2018) pula mengenal pasti bahawa penanda sebutan diri digunakan secara luas dalam artikel penyelidikan. Penggunaan penanda sebutan membantu untuk menilai sesuatu teks samada teks tersebut benar-benar objektif atau subjektif. Teks yang megandungi kegunaan penanda sebutan diri yang luas dikenali sebagai teks yang mempunyai maklumat kukuh (Akbarpour & Sadeghoghli, 2015). Sehubungan dengan hal itu, penulis artikel berita surat khabar Malaysia nanban tidak dapat memberi maklumat yang kukuh dengan menggunakan penanda sebutan diri mengenai pandemik COVID-19 mungkin disebabkan oleh pandemik tersebut baharu bagi dunia.

#### **4.1.2.5 Penanda Penggabungan**

Penanda penggabungan merupakan penanda metadiscourse interaksional yang digunakan jumlah yang paling rendah dalam artikel berita Tamil COVID-19 tersebut. Penulis artikel berita COVID-19 yang dikaji dalam kajian hanya menggunakan satu penanda penggabungan sahaja. Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Tan dan Eng (2014) dimana dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa penanda penggabungan digunakan dalam jumlah yang dominan dalam sumber datanya.

#### **4.1.3 Perbandingan**

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa frekuensi penanda metadiscourse interaktif melebihi frekuensi penanda metadiscourse interaksional. Berdasarkan daripada 103 artikel berita COVID-19 yang dikaji, didapati bahawa frekuensi penanda metadiscourse interaktif ialah 1,235 manakala frekuensi penanda metadiscourse interaksional pula ialah

114 sahaja. Jadual 4.1 dan jadual 4.2 juga mencerminkan penanda yang paling rendah digunakan dalam 103 artikel berita tersebut ialah penanda endoforik, penanda sikap dan penanda penggabungan. Ketiga-tiga penanda ini tidak memberi sumbangan yang begitu banyak bagi tujuan menarik perhatian pembaca terhadap artikel berita Tamil COVID-19 yang memilih sebagai sumber data. Dapatan kajian ini pula bertentangan dengan dapatan kajian Kuhi dan Majood (2014), dimana penanda sikap digunakan secara meluas dalam sumber data kajian tersebut.

Berdasarkan daripada 103 berita artikel COVID-19 telah dikaji, didapati bahawa penanda metadiscourse interaktif digunakan dalam jumlah yang banyak berbanding dengan penanda metadiscourse inteaksional. Jumlah frekuensi penanda metadiscourse interaktif ialah 1,116 (93.1%) manakala penanda metadiscourse interaksional pula ialah 82 (6.9%) seperti yang terdapat dalam jadual 4.3.

Berdasarkan dapatan kajian objektif pertama, penulis – penulis artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban sepanjang PKP fasa 1 memberi fokus kepada aspek penghasilkan teks yang tersusun, teratur dan mempunyai koheran untuk mencapai tujuan artikel tersebut dengan menggunakan 91.56% penanda metadiscourse interaktif.

Jadual 4.3: Jumlah frekuensi penanada metadiscourse interaktif dan interaksional yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban.

NO	KATEGORI	FREKUENSI	PERATUS %
1	Penanda metadiscourse interaktif	1,116	93.1
2	Penanda metadiscourse interaksional	82	6.9
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,198</b>	<b>100</b>

#### 4.2: Fungsi Penanda Metadiscourse

Bahagian ini mengandungi penjelasan bagi objektif kajian kedua iaitu menganalisis fungsi penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban.

Seterusnya, setiap penanda metadiscourse telah dianalisis untuk mengetahui fungsinya dalam artikel berita COVID-19. Fungsi penanda metadiscourse interaktif diterangkan dalam jadual 4.4 dengan beberapa contoh yang sesuai.

Jadual 4.4: Fungsi sub kategori penanda metadiscourse interaktif

NO	PENANDA METADISCOUSE INTERAKTIF		
	SUB KATEGORI	FUNGSI	CONTOH
1	Peralihan ( <i>Transition</i> )	i) Merujuk idea baru	மற்றும் <i>matrum</i> (dan), மேலும் <i>mēlum</i> (tambahan pula)
		ii) Membuat perbandingan	காட்டிலும் <i>kāṭtilum</i> (berbanding)
		iii) Menunjukkan akibat	சாப்பிட்டால் <i>cāppiṭṭāl</i> (kalau makan)
		iv) Merujuk sebab	காரணம் <i>kāraṇam</i> (sebab)
2	Penanda Bingkai ( <i>Frame Marker</i> )	i) Menunjukkan peringkat artikel	முதலில் <i>mutalil</i> (pertamanya), ஆக கடைசியாக <i>aka kaṭaiciyāka</i> (akhirnya)
		ii) Menunjukkan urutan idea	தொடர்ந்து <i>toṭarntu</i> (seterusnya), பின்னர் <i>pinnar</i> (kemudian)

3	Penanda Endoforik ( <i>Endophoric Marker</i> )	i) Merujuk maklumat yang terdapat di bahagian lain	<i>மேற்கண்ட mērkaṇṭa</i> (seperti di atas), <i>மேற்குறிப்பிட்ட mērkuṛippiṭṭa</i> (dinyatakan di atas)
4	Pembuktian ( <i>Evidential</i> )	i) Merujuk maklumat dari sumber yang boleh dipercayai	<i>மருத்துவர் கூறினார் maruttuvar kūṛiyār</i> (doktor berkata), <i>அமைச்சர் அறிவித்தார் amaiccār arivittār</i> (menteri mengumumkan)
5	Gloss Kod ( <i>Code Glosess</i> )	i) Menerangkan sesuatu idea yang tertentu	<i>ஆகியவை akiyavai</i> (semua), <i>குறிப்பாக kurippāka</i> (terutama sekali)
		ii) Menyatakan semula sesuatu idea	<i>எனவே enavē</i> (oleh itu)

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa penulis telah menggunakan sub kategori penanada metadiscourse interaktif bagi pelbagai tujuan dalam 103 artikel berita COVID-19 itu. Setiap sub kategori mempunyai fungsi yang tersendiri.

#### 4.2.1 Penanda Metadiscourse Interaktif

Bahagian ini membincangkan fungsi penanda metadiscourse interaktif yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban.

##### 4.2.1.1 Penanda Peralihan

Penanda peralihan terdiri daripada aspek penambahan, perbandingan dan merujuk akibat (Nugrahani & Bram, 2020). Menurut Nugrahani dan Bram (2020), aspek penambahan digunakan untuk menambah hujah atau idea dalam sesuatu wacana manakala aspek perbandingan pula digunakan untuk membandingkan dua perkara yang mempunyai idea berbeza. Penulis menggunakan penanda peralihan bagi tujuan menjelaskan mengapa dan bagaimana peristiwa tertentu berlaku (Nugrahani & Bram, 2020). Penanda peralihan yang digunakan dalam kandungan sesuatu teks dapat

mewujudkan hubungan yang berkesan antara hujah dan ia membantu penulis dapat menghasilkan teks yang mudah difahami oleh para pembaca (Siddique et al., 2018).

Penulis menggunakan penanda peralihan dalam karyanya untuk mewujudkan teks yang berurutan dan menyusun ideanya dengan berkesan (Siddique et al., 2018). Hal ini membolehkan penulis mewujudkan kesinambungan dalam teksnya demi berinteraksi dengan pembaca melalui teks (Siddique et al., 2018). Tambahan pula, Wei dan Duan (2019) menyatakan bahawa penggunaan penanda peralihan dalam sesuatu teks dapat membantu para pembaca untuk membuat perkaitan antara maklumat sebelumnya dan seterusnya yang dibincangkan.

Kajian-kajian lepas yang ditinjau menunjukkan bahawa kebanyakan penulis menggunakan penanda peralihan dalam kandungan karyanya bagi tujuan penambahan maklumat (Siddique et al., 2018; Wei & Duan, 2019). Hal ini membuktikan bahawa para penulis lebih suka untuk menambah banyak maklumat dalam penulisan mereka. Dalam dapatan kajian ini juga kebanyakan penanda peralihan digunakan bagi tujuan menambahkan idea dalam teks berita COVID-19. Berdasarkan analisis kajian ini, 598 penanda peralihan telah dikenal pasti dalam kesemua artikel berita COVID-19 yang dikumpul daripada surat khabar Malaysia Nanban. Peralihan yang terdapat dalam kesemua artikel tersebut digunakan bagi tujuan merujuk aspek penambahan, perbandingan dan juga akibat. Tambahan pula, penanda peralihan yang dikenal pasti dalam sumber data kajian ini pula digunakan untuk merujuk kepada sebab yang mendorong bagi berlaku sesuatu isu. Berikut adalah contoh peralihan yang digunakan dalam artikel berita COVID-19.

Contoh 1:

வெஸ்ட் போர்டில் தடுப்பு மற்றும் முன்னெச்சரிக்கை நடவடிக்கை எடுக்கவேண்டும் என்பது அத்தியாவசியமான அம்சமாகும். (Artikel 60)

Transliterasi: *vestpōr̄til taṭuppu **marrum** munneccarikkai naṭavaṭikkai  
etukka vēṇṭum enpatu attiyāvaciyamāṇa amcamākum*

Terjemahan: Mengambil langkah pencegahan dan langkah jaga-jaga di Westport merupakan aspek asas.

Contoh 2:

நாட்டில் கோவிட-19 தொற்று நோய் அதிவேகமாகப் பரவி வரும் இவ்வேளையில், கடைகளில் சுவாசக் கவசமும் கை கழுவும் திரவமும் கிடைத்தபாடில்லை. (Artikel 65)

Transliterasi: *Nāṭṭil kōvit-19 torru nōy ativēkamākap paravi varum  
ivvēlaiyil, kaṭaikaṭil cuvācak kavacamum kai kaluvum  
tiravamum kiṭaittapāṭillai.*

Terjemahan: Virus COVID-19 merebak dengan pantas di negara kita tetapi alat pernafasan dan pencuci tangan sangat susah untuk didapatkan.

Penulis artikel berita di atas menggunakan penanda peralihan bagi menggabungkan dua idea yang berbeza tentang COVID-19. Perkataan *மற்றும் matrum* (dan) yang terkandung dalam contoh 1 digunakan secara meluas dalam data kajian yang telah dianalisis. Perkataan *மற்றும் matrum* (dan) digunakan untuk menggabungkan dua idea yang berbeza dalam sesuatu ayat. Perkataan *மற்றும் matrum* (dan) yang digunakan dalam contoh 1 telah menggabungkan dua maklumat yang berbeza dalam satu ayat iaitu langkah pencegahan dan langkah berjaga-jaga. Tambahan pula, penulis surat khabar Malaysia Nanban berminat untuk menggunakan penanda peralihan dalam variasi perkataan supaya para pembaca tidak menjadi bosan membaca artikel beritanya. Oleh itu,

penulis menggunakan kata hubung tidak bebas உம் um yang membawa maksud dan dalam contoh kedua. Kata hubung yang tidak bebas ini juga membantu penulis untuk menggabungkan dua maklumat yang berbeza dalam satu ayat seperti perkataan மற்றும் matrum.

Contoh 3:

இதற்கு முன்னர் பதிவாகிய நிலவரப்படி லெம்பா பந்தாயில் தொடர்ந்து அதிகமானோர் பாதிக்கப்பட்டதோடு பெட்டாலிங் ஜெயாவைக் காட்டிலும் இப்போது உலு வங்காட்டில் அதிகமானோர் இந்த நோய் தொற்றுக்கு இலக்காகி வருவதாக அறிவிக்கப்பட்டுள்ளது. (Artikel 54)

Transliterasi: *itarku muñnar pativākiya nilavarappaṭi lempā pantāyil toṭarntu atikamāñōr pātikkappaṭatōtu peṭṭālin jeyāvaik kāṭṭilum ippōtu ulu laṅkāṭtil atikamāñōr inta nōy torrukku ilakkāki varuvatāka arivikkappaṭṭullatu.*

Terjemahan: Seperti yang dilaporkan sebelum ini, lebih ramai dari Lembah Pantai yang dijangkiti dengan penyakit itu dan kini dilaporkan bahawa lebih ramai yang terdedah kepada jangkitan penyakit ini di Ulu Langat berbanding dengan di Petaling Jaya.

Contoh 4:

இருந்த போதிலும் அப்படி உண்மையான அரிசிக் கையிருப்புகள் போதாமல் இருந்து அல்லது இந்த நெருக்கடி நீட்டிக்கப்படால் பிற

நாட்டில் இருந்து அரிசியை இறக்குமதி செய்யும் நடவடிக்கைகளை அரசு உடனடியாக மேற்கொள்ள வேண்டும் என்று ஓர் அறிக்கையில் நூர்:பித்ரி அமிர் முகமட் குறிப்பிட்டார். (Artikel 67)

Transliterasi: *irunta pōtilum appaṭi uṇmaiyāṇa aricik kaiyiruppukal pōtāmal iruntu allatu inta nerukkaṭi nīṭṭikkappaṭāl pira nāṭṭil iruntu ariciyai iṛakkumati ceyyum naṭavaṭikkaikaṭalai aracu uṭaṇaṭiyāka mērkoṭṭla vēṇṭum enru ḥor aṛikkaiyil nūrhpitri amir mukamaṭ kurippiṭṭar.*

Terjemahan: Walau bagaimanapun, Nurfitri Amir Mohammad berkata dalam satu kenyataan, kerajaan perlu mengambil langkah segera untuk mengimport beras dari negara lain sekiranya stok beras sebenar tidak mencukupi atau krisis ini berlarutan.

Penulis menggunakan perkataan **காட்டிலும்** *kāṭṭilum* (berbanding) sebagai penanda peralihan dalam contoh ketiga bagi tujuan membandingkan dua maklumat yang berbeza mengenai pandemik COVID-19. Dalam ayat tersebut, penulis membandingkan jumlah penduduk yang dijangkiti COVID-19 dari Ulu Langat dan Petaling Jaya. Seterusnya, kata hubung tidak bebas iaitu **ஆல்** *Āl* yang terdapat dalam contoh ke-4 digunakan untuk merujuk kepada akibat yang akan berlaku jika pandemik COVID-19 terus berlarut di negara kita. Dalam contoh tersebut, penulis ingin mengingatkan kerajaan bahawa jika COVID-19 terus berlarut di negara kita pihak kerajaan yang bertanggungjawab perlu mengimport beras dari luar negara. Hal ini membantu untuk para pembaca dapat mengetahui isu-isu yang boleh berlaku di negara kita akibat penularan COVID-19.

Contoh 5:

**காரணம் தொற்று நோய்க் கிருமிகள் அவர்களைச் சீக்கிரமாக தாக்கிவிடும் எனவும் அவர் எச்சரித்தார்.** (Artikel 7)

Transliterasi: *kāraṇam torru nōyk kirumikaḷ avarkalaic cīkkiramāka tākkivitum enavum avar ecarittār.*

Terjemahan: Dia juga memberi amaran bahawa kuman penyakit berjangkit akan cepat menyerang mereka.

Contoh di atas menunjukkan penanda peralihan juga digunakan dalam artikel berita COVID-19 untuk merujuk kepada sebab yang mendorong sesuatu isu berlaku. Berdasarkan kajian ini, penulis menggunakan perkataan காரணம் *kāraṇam* (sebab) sahaja dalam artikel berita yang menggunakan penanda peralihan sebagai penyebab. Dalam contoh 5, penulis menyatakan bahawa kesemua pesakit jantung perlu menjaga kesihatan diri mereka dengan baik sebab mereka mudah dijangkiti COVID-19. Penanda peralihan tersebut membantu penulis untuk menyatakan sebab-sebab yang mendorong COVID-19 merebak secara meluas di negara kita.

Tuntasnya, keempat-empat fungsi yang dimainkan oleh penanda peralihan dalam artikel berita Tamil COVID-19 dapat membantu untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat kita demi mengambil langkah-langkah yang boleh membebaskan negara kita daripada cengkaman COVID-19.

#### 4.2.1.2 Penanda Bingkai

Penanda bingkai merujuk kepada urutan, peringkat teks, atau aksi wacana (Siddique et al.,2018). Wei dan Duan (2019) menyatakan bahawa penanda bingkai yang digunakan dalam sesuatu wacana membantu untuk menunjukkan urutan idea, melabelkan peringkat teks, mengumumkan matlamat wacana dan menunjukkan anjakan topik. Unsur-unsur tersebut membantu para pembaca untuk dapat memulihkan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis serta pembaca dapat mencapai pemahaman yang lebih baik

tentang idea wacana itu (Wei & Duan, 2019). Nugrahani dan Bram (2020) pula menjelaskan bahawa penanda bingkai juga digunakan semasa berlaku peralihan topik dalam sesuatu teks dan ia memastikan aliran teks tersebut menjadi lancar. Penanda bingkai ini dianggap sebagai bahan cadangan supaya ianya menarik minat pembaca (Siddique et al.,2018). Penanda bingkai seperti akhirnya, membuat kesimpulan, matlamatnya, pertamanya dan seterusnya telah dilihat dalam kajian-kajian lepas (Wei & Duan, 2019, Siddique et al.,2018).

Menurut Nugrahani dan Bram (2020), penanda bingkai boleh dikelaskan kepada empat sub-jenis mengikut fungsinya. Pertamanya menyusun bahagian teks atau menyusun hujah (pertama, kedua, kemudian, seterusnya) dan kedua pula adalah melabelkan peringkat teks (secara ringkas). Seterusnya sub-jenis ketiga adalah menyatakan matlamat wacana (tujuan saya ialah, saya berusaha untuk) manakala keempat pula adalah menunjukkan peralihan topik (baiklah, mari kita kembali ke). Dengan menggunakan penanda bingkai penulis dapat menghasilkan penulisan yang indah dengan menyampaikan matlamatnya serta memberikan urutan idea dengan sewajarnya.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat 98 penanda bingkai dalam 58 artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban. Kesemua penanda bingkai yang dikumpul dalam kajian ini hanya digunakan bagi tujuan menyusun bahagian teks atau menyusun hujah yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 sahaja tetapi tidak digunakan bagi tujuan melabelkan peringkat teks, menyatakan matlamat teks atau menunjukkan peralihan topik. Berikut adalah contoh-contoh penanda bingkai yang terdapat dalam artikel berita COVID-19.

Contoh 6 :

நாட்டில் கோவிட்-19 தொற்று நோய் அதிவேகமாகப் பரவி  
வந்துள்ளதைத் தொடர்ந்து அரசாங்கம் அறிவித்துள்ள மக்கள்  
நடமாடுவதற்கான கட்டுப்பாட்டு உத்தரவை மீறும்

பொதுமக்களை இராணுவப் படையினர் தாக்குவார்கள் என்று சமூக வலைத்தளங்களில் பரப்பப்பட்டு வரும் தகவலில் உண்மையில்லை என்று அதன் தளபதி டான்ஸ் அபாண்டி புவாங் கூறினார். (Artikel 34)

Transliterasi: *Nāṭṭil kōviṭ-19 torru nōy ativēkamākap paravi vantullatait toṭarntu aracāṅkam arivittulla makkal naṭamāṭuvatarkāṇa kaṭtuppaṭṭu uttaravai mīrum potumakkaṭai irāṇuvap paṭaiyinār tākkuvārkal enru camūka valaittaṅkalil parappappaṭtu varum takavalil uṇmaiyillai enru atan taṭapati tāṇsrī apāṇti puvān kūṛiṇār.*

Terjemahan: Komander, Tan Sri Abandi Puang berkata bahawa laporan yang tersebar di laman sosial mengenai tentera akan menyerang orang awam yang melanggar perintah sekatan yang diwajibkan oleh kerajaan berikutan penularan COVID-19 di negara itu adalah tidak benar.

Contoh 7 :

இந்த 2 வார காலக் கெடு முடிந்த பின்னர் மலேசியா திரும்பும் தொழிலாளர்கள் சோதனைக்கு உட்படுத்தப்படுவர் என்றும் தெரிவிக்கப்பட்டது. (Artikel 1)

Transliterasi: *inta 2 vāra kālak keṭu muṭinta piṇṇar malēciyā Tirumpum tolilālarkal cōtaṇaikku uṭpatuttappaṭtuvar enrum terivikkappaṭtu.*

Terjemahan: Diberitahu juga bahawa pekerja yang pulang ke Malaysia selepas dua minggu akan diuji.

Contoh 8:

**ஆக கடைசியாக 69 வயது ஆடவர் நோற்று  
கிளந்தானில் மரணமடைந்தார்.** (Artikel 41)

Transliterasi: *Āaka kaṭaiciyāka 69 vayatu āṭavar nōrru kilantāñil  
maranamataintār.*

Terjemahan: Akhir sekali seorang lelaki, berusia 69 yang terakhir maut di Kelantan.

Perkataan-perkataan seperti *தொடர்ந்து* *totarntu* (berikutan), *பின்னர்* *pinnar* (selepas itu) dan **ஆக கடைசியாக** *āka kaṭaiciyāka* (akhir sekali) telah digunakan sebagai penanda bingkai dalam ketiga-tiga contoh ayat yang terdapat di atas. Ketiga –tiga penanda bingkai tersebut digunakan untuk menyusun urutan idea artikel berita COVID-19 demi pembaca dapat memahami kesinambungan teks berita tersebut dengan lebih mudah. Contohnya, penulis menggunakan perkataan *பின்னர்* dalam ayat kedua bagi menyatakan urutan idea iaitu menjelaskan apa yang akan berlaku kepada pekerja yang akan pulang ke Malaysia selepas dua minggu. Dengan ini boleh memahami bahawa penanda metadiscourse ini dapat membantu penulis untuk menghasilkan artikel berita yang teratur dan tersusun serta penulis juga dapat menjadikan penulisan mereka lebih berdimensi dan berarah untuk pembaca.

Tambahan pula, penulis surat khabar Malaysia Nanban menggunakan variasi perkataan untuk menunjukkan peringkat teks dan urutan idea dalam artikel berita COVID-19. Sebagai contohnya, perkataan – perkataan seperti *இன்னர் pinnar* (selepas itu), *பிறகு* *piraku* dan *இன் pin* digunakan untuk mengemukakan urutan idea dalam sesuatu teks yang membawa makna sinonim. Dengan ini, pembaca tidak akan menjadi bosan untuk membaca artikel berita COVID-19 tersebut.

Penanda bingkai membantu penulis untuk menghasilkan artikel berita COVID-19 yang teratur dan tersusun. Dengan ini, pembaca dapat memahami isu-isu yang dibincangkan dalam artikel berita tersebut dengan lebih jelas tanpa menghadapi sebarang kekeliruan. Hal ini membantu pembaca dapat informasi yang penting mengenai COVID-19 demi mengambil langkah-langkah yang efektif untuk mengelakkan diri daripada dijangkiti virus tersebut. Melalui ini, negara kita dapat memutuskan rantai jangkitan COVID-19 ini dengan secepat mungkin.

#### **4.2.1.3 Penanda Endoforik**

Penanda endoforik merujuk kepada maklumat yang terdapat di bahagian lain dalam sesuatu teks (Hyland, 2005). Menurut Pasaribu (2017) penanda endoforik ialah frasa yang merujuk kepada bahan terdahulu atau bahan yang belum datang dalam sesuatu wacana. Terdapat juga penulis yang cenderung untuk menggunakan aspek-aspek seperti jadual dan gambar rajah untuk merujuk kepada bahan yang dinyatakan terdahulu dalam karya mereka (Nugrahami & Bram, 2020). Aspek-aspek seperti ini membantu penulis dalam mengemukakan ideanya yang ingin disampaikan dengan cara yang mudah dan efektif untuk difahami oleh para pembaca (Nugrahami & Bram, 2020). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini penulis artikel berita COVID-19 tidak menggunakan aspek-aspek seperti jadual atau gambar rajah untuk merujuk kepada sesuatu isu tertentu.

Terdapat kajian lepas yang menggunakan penanda endoforik bagi tujuan yang telah dinyatakan di atas (Pasaribu, 2017, Liu & Huang, 2017). Tujuan pertamanya adalah untuk merujuk kepada bahan yang menjangkakan sesuatu yang akan datang dalam artikel manakala tujuan kedua pula ialah merujuk kepada isu atau idea yang telah dibincangkan terdahulu dalam sesuatu artikel. Merujuk kepada bahan yang terdahulu atau menjangkakan sesuatu yang akan datang membantu penulis untuk menjadikan idea –idea

yang terdapat dalam sesuatu teks dengan lebih menonjol (Nugrahami & Bram, 2020).

Dengan ini, para pembaca dapat memahami wacana tersebut dengan lebih jelas.

Tujuan pertama tidak digunakan oleh penulis artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban tetapi penulis memberi fokus kepada tujuan kedua iaitu menggunakan penanda edoforik untuk merujuk kepada bahan yang telah dinyatakan terdahulu. Berdasarkan analisis data, penanda endoforik hanya terkandung dalam 6 artikel berita COVID-19 sahaja daripada 103 artikel berita yang telah dikumpulkan. Penulis hanya menemui 8 penanda endoforik daripada 6 artikel berita COVID-19 itu. Penulis kerap menggunakan perkataan-perkataan seperti *மேற்கண்ட mērkant̪a* (di atas) dan *மேற்குறிப்பிட்ட மேர்குரிப்பிட்டa* (dinyatakan di atas) sebagai penanda endoforik untuk merujuk kepada isu yang telah dibincangkan terdahulu dalam artikel berita COVID-19. dalam artikel. Berikut adalah contoh-contoh penanda endoforik yang terdapat dalam artikel berita COVID-19.

Contoh 9:

இந்நடவடிக்கை மேற்கண்ட 6 மருத்துவமனைகளிலுள்ள நோயாளிகளுக்கும் தாதிகளுக்கும் அதன் பணியாளர்களுக்கும் பாதுகாப்பாக இருக்கும் எனவும் அந்த அறிக்கை கூறியது.  
(Artikel 9)

Transliterasi: *innaṭavatikkai mērkant̪a 6 maruttuvamanaikaḷilulla nōyālikalukkum tātikaḷukkum atan paṇiyālarkaḷukkum pātukāppāka irukkum eṇavum anta arikkai kūriyatū.*

Terjemahan: Laporan itu berkata langkah itu akan selamat untuk pesakit, hospital, jururawat dan kakitangannya yang terdapat di enam hospital atas dibincangkan.

Contoh 10:

அதேவேளையில், மேற்குறிப்பிட்ட நோயாளிகளில் பலர் தங்கள் மருந்துகளையும் சரியாக உண்பதில்லை என்றனர். (Artikel 10)

Transliterasi: *Atēvēlaiyil, mērkurippitta nōyālikalil palar taṅkal maruntukalaiyum cariyāka unpatillai enranar.*

Terjemahan: Pada masa yang sama, ramai pesakit yang disebutkan di atas tidak mengambil ubat mereka dengan betul.

Perkataan - perkataan yang dicetak tebal (Artikel 9 & 10) dalam ayat di atas telah digunakan sebagai penanda endoforik oleh penulis bagi mengemukakan isu-isu yang telah dibincangkan terdahulu dalam artikel berita COVID-19. Penanda endoforik yang terdapat dalam contoh ayat 1 merujuk kepada 6 hospital yang telah dibincangkan terdahulu dalam artikel ke-9 manakala contoh ayat 2 pula menggunakan penanda endoforik untuk merujuk kepada pesakit yang dikemukakan terdahulu dalam artikel ke-10.

Oleh itu, penulis menggunakan perkataan *மேற்கண்ட* *mērkanṭa* (di atas) dan *மேற்குறிப்பிட்ட* *mērkurippitta* (dinyatakan di atas) sebagai penanda endoforik untuk merujuk aspek-aspek yang dibincangkan terdahulu dalam kedua-dua artikel itu. Hal ini menjelaskan bahawa penulis artikel berita COVID-19 yang menggunakan penanda endoforik untuk menekankan aspek-aspek yang khusus atau penting yang terdapat dalam artikel itu tersendiri.

Fungsi penanda endoforik yang dikemukakan di atas, membantu para pembaca untuk memahami isu-isu yang dibincangkan dalam artikel berita COVID-19 dengan lebih jelas kerana penanda metadiscourse tersebut menjadikan isu-isu penting yang

dibincangkan dalam artikel itu dengan lebih menonjol. Hal ini membantu pembaca memahami aspek pemulihan makna penulis serta dapat meningkatkan pemahaman mereka terhadap artikel berita COVID-19. Dengan ini, pembaca juga dapat memahami idea-idea yang ingin disampaikan oleh penulis dengan lebih mudah dan efektif.

Penulis surat khabar Malaysia Nanban dapat menekankan isu-isu yang penting mengenai pandemik COVID-19 di Malaysia dalam kalangan pembaca dengan menggunakan penanda endoforik dalam artikel berita COVID-19. Hal ini membantu masyarakat Malaysia untuk memahami situasi COVID-19 di negara kita dengan lebih mendalam dan seterusnya mereka akan mengambil langkah-langkah efektif yang membantu menangani pandemik COVID-19 dengan secepat mungkin.

#### **4.2.1.4 Penanda Pembuktian**

Penanda pembuktian merupakan salah satu penanda metadiscourse yang sangat penting dalam penghasilan artikel berita khususnya bidang kewartawanan (Hyland, 2005). Menurut Huh dan Lee (2016), penulis menggunakan penanda pembuktian dalam sesuatu teks apabila ingin berkongsi maklumat yang diambil dari teks atau sumber yang lain. Pooresfahani et al. (2012) pula menyatakan bahawa penanda pembuktian digunakan untuk menggambarkan sumber maklumat yang berasal daripada luar teks itu. Para penulis menggunakan penanda ini dalam teksnya apabila berkongsi idea yang diambil daripada sumber lain yang boleh dipercayai oleh pembaca. Dengan ini, penulis dapat mewujudkan kepercayan dalam kalangan pembaca terhadap karya mereka (Siddique et al., 2018). Yasinta (2018) pula menyatakan penanda pembuktian menjadikan sesuatu maklumat artikel berita menjadi sangat kukuh kerana maklumat tersebut diperolehi daripada sumber yang boleh dipercayai.

Penanda pembuktian membantu para penulis untuk menyokong isu yang dibincangkan oleh mereka dalam sesuatu teks (Nugrahani & Bram). Oleh itu, para penulis

sangat berminat untuk menggunakan penanda pembuktian dalam karyanya supaya ia boleh mengukuhkan penulisan mereka serta dapat menarik perhatian para pembaca terhadap teks tersebut (Nugrahani & Bram). Berdasarkan analisis dapatan kajian ini, didapati sebanyak 343 penanda bingkai daripada 97 artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban. Berikut adalah contoh penanda pembuktian:

Contoh 11:

பேராவின் அனைத்து 15 மாவட்டங்களிலும் கடுமையான சோதனைகள் நடத்தப்பட்டு வருவதாக பேரா காவல்துறைத் தலைவர் டத்தோ ரசாருடன் உசேன் கூறினார். (Artikel 13)

Transliterasi: *Pērāviñ anaittu 15 māvaṭṭaṅkaḷilum kaṭumaiyāñā cōtanaikal naṭattappaṭtu varuvatāka pērā kāvalturaiṭ talaivar ṭattō racāruṭin ucēñ kūriñā.*

Terjemahan: Ketua polis Perak, Dato` Rasaruddin Hussein berkata bahawa serbuan sedang dijalankan melakukan kesemua 15 daerah di Perak.

Contoh 12:

நாட்டில் மேலும் பல இடங்களும் சேவைகளும் மூடப்படுவதோடு நேரக் கட்டுப்பாடும் கொண்டு வரப்படும் என உயர்நிலை அமைச்சரும் தற்காப்பு அமைச்சருமான இஸ்மாயில் சப்ரி யாக்கோப் கூறினார். (Artikel 76)

Transliterasi: *Nāṭṭil mēlum pala iṭaṅkaļum cēvaikaļum muṭappaṭuvatōṭu nērak kaṭtuppaṭum koṇtu varappaṭum ena uyarnilai amaiccarum tarkāppu amaiccarumāñā ismāyil capri yākkōp kūriñā.*

Terjemahan: Ismail Sabri Yacoub, menteri berpangkat tinggi dan menteri pertahanan, berkata bahawa operasi di kebanyakan tempat dan perkhidmatan dihadkan dan akan ditutup.

Perkataan - perkataan yang dicetak tebal dalam ayat di atas telah digunakan sebagai penanda pembuktian oleh penulis untuk mewujudkan kepercayaan dalam kalangan pembaca terhadap artikel-artikel tersebut. Penulis menggunakan penanda pembuktian dalam artikel berita COVID-19 dengan menyatakan nama dan pangkat apabila merujuk kepada pihak atau pegawai yang menjadi sumber data kepada isu-isu yang telah dibincangkan dalam artikel berita tersebut. Dengan ini, para pembaca dapat mengetahui isu-isu yang telah dibincangkan dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban mempunyai sumber datanya yang benar dan boleh dipercayai. Selain itu, penanda pembuktian juga mengemukakan penulis tidak menulis artikel-artikel COVID-19 sewenang-wenangnya ataupun sesuka hati penulis sebaliknya idea yang dikongsi dalam artikel-artikel tersebut mempunyai latar belakang atau sumber data yang kukuh.

Secara ringkasnya, penanda metadiscourse ini membantu untuk mewujudkan kepercayaan dalam kalangan pembaca terhadap isu-isu yang dibincangkan dalam artikel berita terutamanya isu semasa yang berlaku di negara kita seperti pandemik COVID-19 baru-baru ini. Dengan ini, para pembaca dapat mengetahui maklumat-maklumat yang benar tentang COVID-19 dan ia mendorong mereka mengambil langkah-langkah yang betul untuk mengelakkan diri mereka daripada dijangkiti virus itu.

#### **4.2.1.5 Penanda Gloss Kod**

Penulis menggunakan penanda gloss kod untuk menyediakan maklumat tambahan dengan cara menerangkan, menyatakan semula atau menggambarkan sesuatu idea (Nugrahani & Bram, 2020). Nugrahani dan Bram pula menyatakan bahawa penulis menggunakan penanda gloss kod untuk menghuraikan sesuatu konsep atau istilah yang sukar difahamkan oleh pembaca serta bagi memberikan contoh-contoh yang sesuai untuk

menerangkan sesuatu isu. Dengan ini, penjelasan maklumat boleh dicapai dengan cara yang efektif (Nugrahani & Bram, 2020).

Dalam kajian ini, penanda gloss kod terdapat dalam 41 artikel berita COVID-19 yang membincangkan keadaan pandemik di negara kita. Penanda metadiscourse ini mencapai kedudukan yang ketiga tertinggi dalam kajian ini dengan mempunyai 69 gloss kod. Hal ini menunjukkan bahawa penulis artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khbar Malaysia Nanban mempunyai niat untuk membekalkan maklumat tambahan dalam isu pandemik COVID-19 dengan menggunakan penanda gloss kod. Penanda ini membantu penulis untuk membincangkan isu-isu yang penting tentang pandemik COVID-19 dengan lebih terperinci. Penanda gloss kod yang terkumpul dalam kajian ini telah digunakan bagi tujuan yang berbeza iaitu menerangkan sesuatu idea yang tertentu dan menyatakan semula sesuatu idea. Perkataan-perkataan seperti *குறிப்பாக kurippāka* (khususnya), *போன்ற pōṇra* (semua) dan *உதாரணத்திற்கு Utāraṇattirku* (contohnya) digunakan secara meluas dalam artikel berita COVID-19 sebagai penanda gloss kod. Berikut adalah contoh-contoh penanda gloss kod yang terkandung dalam artikel berita COVID-19.

Contoh 13 :

நாள்தோறும் இவர்கள் மலேசியாவிலிருந்து குறிப்பாக ஜாகூரிலிருந்து ஓவ்வொரு நாளும் சிங்கப்பூருக்கு பயணம் செய்து வேலை செய்து வந்தவர்களாவர். (Artikel 1)

Transliterasi: *Nāltōrum ivarkal maleciyāviliruntu kurippāka jokūriliruntu ovvoru nālum ciṅkappūrukku payaṇam ceytu vēlai ceytu vantavarkalāvar.*

Terjemahan: Setiap hari mereka berulang-alik dari Malaysia, terutamanya dari Johor ke Singapura untuk bekerja.

Contoh 14:

அப்படி இல்லை என்றால், ஒரு கிலாஸ் பால், பழங்கள்,  
கச்சான், ஜஸ்கிரிம் அல்லது தயிர் போன்ற லேசான  
சிற்றுண்டிகளை உண்ணலாம். (Artikel 8)

Transliterasi: *appati illai enrāl, oru kilās pāl, palañkal, kaccāñ, aiskirīm*  
*Allatu tayir pōñra lēcāñā cirruñtikalai uñnalām.*

Terjemahan: Jika tidak, minum segelas susu atau makan buah-buahan,  
kacang, ais krim atau yogurt sebagai makanan ringan.

Contoh 15:

உதாரணத்திற்கு, நீரிழிவு நோய் கொண்ட ஒருவரை  
கிருமி தாக்கினால் அவரைக் குணப்படுத்துவதற்கு மிகவும்  
சிரமம். (Artikel 7)

Transliterasi: *utāraṇattirku, nīrilivu nōy koñta oruvarai kirumi tākkināl*  
*avarai kūñappañtuttuvatarku mikavum ciramam.*

Terjemahan: Sebagai contoh, jika kuman tersebut dijangkiti kepada  
seseorang yang menghidap kencing manis amat sukar  
untuk menyembuhkannya.

Contoh 16:

எனவே, மலேசியர்கள் உணவை உட்கொள்வதிலும்  
திட்டமிடுவதிலும் புத்திசாலித்தனமாக இருக்க வேண்டும் எனவும்  
அந்த அறிக்கை கூறியது. (Artikel 101)

Transliterasi: *eñavē, malēciyarkal uñavai uñkolvatinum tiñtamiñvatinum*  
*putticālittañamāka irukka vēñtum eñavum anta arikai*  
*kūñriyatū.*

Terjemahan: Oleh itu, rakyat Malaysia perlu berhemat dalam pengambilan dan perancangan makanan, kata laporan itu.

Penanda gloss kod yang terdapat dalam contoh-contoh di atas telah membantu penulis untuk menjelaskan pandemik COVID-19 secara terperinci dengan memberi maklumat tambahan. Hal ini membolehkan, para pembaca dapat memahami tentang pandemik tersebut dengan lebih mendalam. Dalam contoh 13, perkataan **குறிப்பாக kurippāka** (khususnya) digunakan sebagai penanda gloss kod untuk merujuk secara khususnya sesiapa yang berulang alik dari Johor ke Singapura untuk bekerja. Penulis ingin merujuk sesiapa yang pergi berkerja dari Johor ke Singapura sepanjang pandemik COVID-19. Seterusnya, penulis menggunakan penanda gloss kod dalam contoh 14 dan contoh 15 untuk memberi beberapa contoh yang sesuai bagi menjelaskan isu yang ingin disampaikan secara terperinci dalam kalangan pembaca. Dalam contoh 14 perkataan **வளர்ந்த pōṇra** (semua) manakala dalam contoh ke-15 pula perkataan **உதாரணத்திற்கு utāraṇattirkku** (contohnya) telah dimainkan peranan sebagai penanda gloss kod. Penanda gloss kod yang terdapat dalam contoh 14 dan juga 15 membantu penulis untuk memberitahu beberapa contoh makanan yang boleh dimakan oleh penduduk Malaysia yang duduk di rumah masing-masing sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 1.

Penanda gloss kod yang terdapat dalam contoh ke-16 pula merujuk kepada isu yang ingin dirumuskan oleh penulis. Penulis telah merumuskan artikel tersebut dengan menggunakan perkataan **எனவே Enave** (oleh itu). Dalam artikel tersebut, penulis membincangkan laporan yang menjelaskan tabiat makanan rakyat Malaysia sepanjang PKP dan penulis merumuskan artikel tersebut dengan menyatakan bahawa rakyat Malaysia perlu berhemat dalam pengambilan dan perancangan makanan. Penulis ingin memberi penekanan kepada isu utama yang dibincangkan dalam laporan tersebut dengan

menggunakan penanda gloss kod. Dengan ini, rakyat Malaysia dapat mengetahui kepentingan tentang pengambilan dan perancangan makanan sepanjang PKP.

Maklumat tambahan yang dikemukakan oleh penulis surat khabar Malaysia Nanban dengan menggunakan penanda gloss kod dapat memberikan lebih banyak maklumat tentang pandemik COVID-19 seperti perkhidmatan kesihatan, perintah sekatan yang diwajibkan oleh kerajaan dan sebagainya. Hal-hal ini dapat membantu masyarakat kita menyedarkan diri tentang pandemik COVID-19 dan mereka dapat mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengelakkan diri daripada dijangkiti COVID-19.

#### **4.2.2 Penanda Metadiscourse Interaksional**

Bahagian ini membincangkan fungsi penanda metadiscourse interaksional yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban.

##### **4.2.2.1 Penanda Pelindung Nilai**

Menurut Hyland (2005), penanda pelindung nilai digunakan dalam sesuatu teks untuk menyembunyikan komitmen penuh para penulis terhadap kenyataan yang mereka telah dituliskan. Penulis juga menggunakan penanda tersebut dalam karya mereka apabila mereka tidak mahu menunjukkan tanggungjawab yang sepenuhnya terhadap idea yang ingin disampaikan kepada pembacanya (Akbarpour & Sadeghoghli, 2015).

Abdullah et al., (2020) pula menyatakan bahawa penulis menggunakan penanda pelindung nilai bagi beberapa tujuan yang penting iaitu enggan komitmen, menunjukkan ketidakpastian, terbuka untuk pendapat alternatif atau lebih halus dalam memberikan pandangan. Ciri-ciri penanda pelindung nilai tersebut membantu sesuatu teks kelihatan lebih halus dan dapat mengurangkan sikap autoriti penulis terhadap

pembaca supaya teks menjadi lebih mesra (Abdullah et al., 2020). Dengan ini, penulis dapat membawa kesantunan dalam teks (Abdullah et al., 2020).

Dalam kajian ini, penanda pelindung nilai didapati dalam jumlah 56 sahaja daripada 33 artikel berita COVID-19 yang terkumpul daripada surat khabar Malaysia Nanban. Hal ini menunjukkan penulis artikel berita COVID-19 tidak mempunyai minat untuk menggunakan penanda pelindung nilai sebagai faktor penarik perhatian pembaca terhadap artike-artikel berita tersebut. Perkataan seperti சுமார் *cumār* (lebih kurang), அல்லது *allatu* (atau) dan ஆல் *a*/ (kata hubung tidak bebas) digunakan sebagai penanda pelindung nilai dalam 33 artikel berita tersebut.

Terdapat beberapa kajian lepas yang mempunyai dapatan kajian yang selaras dengan dapatan kajian ini iaitu penulis kajian lepas tersebut juga tidak memberi fokus kepada penanda pelindung nilai untuk menarik perhatian terhadap karya yang telah dihasilkan (Yasinta, 2018; Farahani, 2018; Mina & Biria 2017). Berikut adalah contoh-contoh penanda pelindung nilai yang dikenal pasti dalam analisis kajian ini.

Contoh 17:

சுமார் (lebih kurang) 30 விநாடிகள் கொண்ட அந்த குரல் பதிவு  
புலனம் மற்றும் சமூக வலைத்தளங்களில் படு வேகமாகப்  
பகிரப்பட்டு வருகிறது. (Artikel 34)

Transliterasi: *cumār 30 vināṭikal konṭa anta kural pativu pulanam marrum  
camūka valaitta�aṅkalil paṭu vēkamākap pakirappaṭtu  
varukiratu*

Terjemahan: Rakaman suara yang berdurasi kira-kira 30 saat itu dikongsi dengan pantas di media sosial.

Contoh 18:

ஒரு ராணுவ விமானத்தை அனுப்பிக் கூட அவர்களை அழைத்து வரலாம். (boleh membawa). (Artikel 11)

Transliterasi: *oru rāñuva vimāñattai anuppi kūta avarkalai alaittu varalām.*

Terjemahan: Boleh menghantar pesawat tentera juga untuk membawa mereka.

Contoh 19:

தற்போதைய இரண்டு வாரங்களுக்கு வேண்டுமானால் கட்டணத்தை கட்டாமல் இருக்கலாம். (mungkin). (Artikel 15)

Transliterasi: *tar̄pōtaiya iraṇṭu vāraṇkaļukku vēṇṭumāṇāl kaṭṭaṇattai kaṭṭāmal irukkalām.*

Terjemahan: Mungkin pembayaran boleh ditangguhkan selama dua minggu

Contoh 20:

எனினும் நீண்ட நாள் வருகை அனுமதி அட்டையை வைத்துள்ள மலேசியர்களை மணந்து கொண்டுள்ள கணவர் அல்லது (atau) மனைவி வருவதற்கு அனுமதி அளிக்கப்படும். (Artikel 20)

Transliterasi: *enīnum nīñṭa nāl varukai aṇumati aṭṭaiyai vaittulla malēciyarkalai maṇantu koṇṭulla kaṇavar allatu maṇaivi varuvatarku aṇumati alikkappaṭum.*

Terjemahan: Bagaimanapun, suami atau isteri penduduk Malaysia yang mempunyai kad permit lawatan yang panjang akan dibenarkan datang.

Perkataan - perkataan yang dicetak tebal dalam contoh di atas telah digunakan sebagai penanda pelindung nilai oleh penulis untuk mengemukakan isu-isu yang tidak pasti. Perkataan-perkaatan seperti சுமார் *cumār* (lebih kurang), வரலாம் *varalām* (boleh membawa), அல்லது *allatu* (atau) dan இருக்கலாம் *irukkalām* (mungkin) telah digunakan dalam artikel berita COVID-19 untuk menggambarkan isu-isu yang tidak diberikan komitmen penuh oleh penulis. Dalam contoh ke-17, penulis menggunakan perkataan சுமார் *cumār* (lebih kurang) untuk memberitahu mengenai rakaman suara palsu yang dikongsi di media sosial tentang COVID-19. Penulis menyatakan rakaman suara tersebut berdurasi lebih kurang 30 saat kerana penulis tidak pasti durasi sebenar rakaman suara tersebut. Dalam situasi yang tidak pasti seperti ini, memerlukan penggunaan penanda pelindung nilai untuk menyampaikan maklumat yang benar dalam kalangan pembaca.

Seterusnya, perkaatan அல்லது *allatu* (atau) yang digunakan dalam contoh ke-20 pula membantu penulis untuk membandingkan dua maklumat yang mempunyai idea berbeza. Penanda metadiscourse ini memberi peluang kepada pembaca untuk memilih maklumat yang mana sesuai bagi mereka kerana penulis teks berita tersebut tidak paksa para pembaca untuk menerima idea teksnya dengan seratus peratusnya. Tambahan pula, perkataan-perkataan seperti வரலாம் *varalām* (boleh membawa) dan இருக்கலாம் *irukkalām* (mungkin) yang digunakan dalam contoh ke-18 dan ke-19 terkandung dengan kata hubung yang tidak bebas iaitu ஆம் *am* yang mempunyai ciri pelindung nilai. Kata hubung tidak bebas ini membawa maksud boleh atau mungkin yang membantu penulis bagi membincangkan isu yang tidak pasti.

Secara keseluruhannya, penulis artikel berita COVID-19 dapat menghasilkan teks berita yang mesra dengan menggunakan penanda metadiscourse pelindung nilai. Hal ini kerana penulis memberi peluang kepada pembaca untuk berfikir tentang isu-isu yang telah dibincangkan dalam artikel-artikel tersebut serta pembaca boleh memilih maklumat-

maklumat yang perlu sahaja daripada artikel berita tersebut. Pengkaji Abdullah et al. (2020) menyatakan bahawa penanda pelindung nilai digunakan secara dominan dalam artikel surat khabar atas talian Malaysia yang didapati daripada *News Straits Times* dan Akbarpour dan Sadeghoghli (2015) juga mengemukakan bahawa penanda pelindung nilai digunakan dalam jumlah yang sangat tinggi dalam sumber datanya. Secara kesimpulannya boleh diketahui bahawa penulis artikel berita Malaysia menunjukkan minat untuk menggunakan penanda pelindung nilai dalam karyanya demi menarik perhatian pembaca.

Artikel berita COVID-19 yang dihasilkan lebih mesra dan sopan dengan menggunakan penanda pelindung nilai oleh penulis dapat menarik minat para pembaca. Dengan ini, maklumat-maklumat yang dibincangkan tentang pandemik COVID-19 dalam artikel-artikel tersebut dapat disampaikan dengan efektif dalam kalangan masyarakat kita kerana mereka dapat membaca artikel berita tersebut dalam situasi tenang.

#### **4.2.2.2 Penanda Penggalak**

Penanda penggalak adalah merupakan kata-kata yang memudahkan penulis untuk menutup alternatif, menghadapi pandangan yang bercanggah dan menyatakan kepastian mereka dalam karyanya (Susanti et al., 2020). Penulis menggunakan penanda penggalak untuk menunjukkan kepastian mereka dalam idea atau maklumat yang ingin disampaikan kepada para pembaca tanpa menghadapi sebarang keraguan (Nugrahani dan Bram, 2020). Abdullah et al. (2020) pula menyatakan bahawa penulis menggunakan penanda penggalak apabila ingin menyatakan hujah yang kukuh dalam karyanya dan penanda tersebut juga membantu penulis untuk memberikan pandangan yang kukuh dengan berani. Teks-teks yang mengandungi penanda penggalak dapat memberi jaminan

kepada teks tersebut boleh dipercayai kerana penulis menghasilkan teks itu penuh dengan maklumat yang kukuh (Abdullah et al., 2020).

Dalam kajian ini, penggalak merupakan penanda metadiscourse yang digunakan dalam jumlah kedua tertinggi daripada kategori penanda metadiscourse interaksional walaupun 15 penggalak sahaja telah dikenal pasti daripada 14 artikel berita COVID-19. Menariknya, 14 artikel tersebut hanya menggunakan perkataan *mattum* (sahaja) sebagai penanda penggalak bagi tujuan mengukuhkan maklumat yang telah dibincangkan tentang pandemik COVID-19. Kajian lepas yang dijalankan oleh Nugrahani dan Bram (2020) menunjukkan bahawa penanda penggalak digunakan dalam jumlah yang paling sedikit dalam sumber datanya. Dapatan kajian yang dinyatakan di atas selaras dengan dapatan kajian ini, walau bagaimanapun terdapat juga kajian-kajian lepas yang mengemukakan bahawa penanda ini kerap digunakan dalam sumber data artikel jurnal itu (Akbarpour & Sadeghogli, 2015). Berikut adalah contoh penggalak yang terdapat dalam artikel berita COVID-19.

Contoh 21:

குழந்தை வார்டுகளில் அவசர நேரத்தில் மட்டுமே  
பெற்றோர்களுக்கு அனுமதி அளிக்கப்படும். (Artikel 9)

Transliterasi: *kulantai vārṭukaṭil avacara nērattil mattumē perrōrkalukku anumati aṭikkappaṭum.*

Terjemahan: Pada waktu kecemasan sahaja ibu bapa dibenarkan masuk ke wad kanak-kanak

Penanda penggalak yang digunakan dalam artikel berita COVID-19 di atas mempunyai ciri-ciri untuk menunjukkan maklumat yang terdapat artikel itu sangat kukuh. Dalam contoh ke-21, penulis menyatakan bahawa ibu bapa hanya boleh berada di wad

kanak-kanak pada waktu kecemasan sahaja. Hal ini kerana virus seperti COVID-19 mudah dijangkiti kepada kanak-kanak. Oleh itu, penulis menggunakan perkataan *mol’<sup>g</sup>lo mat̄umē* (sahaja) sebagai penanda penggalak untuk menekankan maklumat itu. Pada masa yang sama penanda penggalak juga tidak memberi peluang kepada pembaca untuk berfikir tentang idea alternatif yang lain untuk menyelesaikan masalah itu.

Berdasarkan analisis kajian, penanda penggalak yang terkandung dalam artikel berita COVID-19 dapat menggalakkan para pembaca untuk mematuhi maklumat yang terdapat dalam artikel tersebut kerana tidak mempunyai pilihan yang lain untuk dilakukan. Tambahan pula, keberanian penulis untuk berkongsi isu-isu yang penting mengenai pandemik COVID-19 dengan menggunakan penanda penggalak dalam teks artikelnya dapat mewujudkan kepercayaan terhadap artikel-artikel tersebut dalam kalangan masyarakat kita. Maklumat-maklumat yang terdapat dalam artikel-artikel tersebut membantu masyarakat kita demi menjaga kesihatan diri dan juga keluarganya daripada dijangkiti COVID-19 dengan mudah. Dengan ini, negara kita boleh terbebas daripada pandemik COVID-19 ini dengan secepat mungkin.

#### **4.2.2.3 Penanda Sikap**

Penanda sikap digunakan oleh seseorang penulis untuk menyatakan pendapat mereka tentang sesuatu teks (Akbarpour & Sadeghogli, 2015). Secara khususnya, penulis menggunakan penanda sikap untuk menyampaikan perasaan peribadinya terhadap isu yang dibincangkan dalam karya mereka (Nugrahani & Bram, 2020). Penanda sikap digunakan bagi menunjukkan kejutan, persetujuan, kepentingan, kewajipan, kekecewaan dan emosi yang perlu ditunjukan terhadap sesuatu isu (Wei & Duan, 2019). Menurut Nugrahani dan Bram (2020), penanda sikap ialah sesuatu aspek yang luar biasa kerana penanda ini digunakan untuk meluahkan perasaan terhadap maklumat yang luar biasa ditemui dalam kajian. Secara amnya, penanda sikap boleh dinyatakan dalam bentuk

kata adjektif, kata kerja, dan adverba (Huh & Lee, 2016). Ciri-ciri ini digunakan untuk menayangkan sikap penulis terhadap idea yang dikemukakan dalam teks. Dengan ini, para pembaca dapat memahami perasaan atau emosi penulis terhadap sesuatu isu dan situasi ini dapat mewujudkan komunikasi yang tidak formal antara kedua-dua pihak tersebut (Wei & Duan, 2019).

Berdasarkan analisis kajian ini, penanda sikap merupakan penanda metadiscourse yang langsung tidak digunakan oleh penulis surat khabar Malaysia Nanban dalam artikel berita COVID-19. Penulis itu tidak berminat untuk menggunakan atau meluangkan perasaan serta emosinya dalam artikel berita COVID-19 tersebut. Penemuan ini tidak selaras dengan kajian lepas yang dijalankan oleh Pooresfahani et al. pada tahun 2012. Kajian lepas tersebut menunjukkan bahawa penanda sikap ialah penanda metadiscourse yang paling kerap digunakan dalam editorial Inggeris dan Parsi berbanding dengan penanda metadiscourse yang lain. Hal ini berlaku kerana mungkin penulis menunjukkan kecenderungan untuk mengelak diri daripada meluahkan perasaannya dalam artikel berita COVID-19 tersebut. Dengan ini, pembaca tidak akan terpengaruh dengan perasaan atau emosi yang dikemukakan oleh penulis semasa membaca artikel berita Tamil COVID-19. Hal ini mungkin menyebabkan hubungan yang terjalin antara penulis dengan pembaca akan terjejas.

#### **4.2.2.4 Penanda Sebutan diri**

Menurut Nugrahani dan Bram (2020), penanda sebutan diri digunakan untuk menyatakan kehadiran penulis dalam sesuatu wacana dengan menggunakan kata ganti nama diri pertama atau ketiga. Contoh kata ganti nama diri pertama atau ketiga yang digunakan oleh penulis dalam sumber data kajian-kajian lepas yang telah ditinjau ialah saya kami dan kita (Nugrahani & Bram, 2020; Abdullah et al., 2020). Terdapat juga

penulis yang menggunakan penanda ini dalam teksnya dengan menyebutkan dirinya sebagai penulis, pengarang atau penyelidik (Nugrahani & Bram, 2020). Sebutan diri berfungsi untuk menyatakan penglibatan penulis secara langsung dalam hujah yang telah mereka dibincangkan (Nugrahani & Bram, 2020).

Kebanyakan kajian lepas yang mengkaji penanda metadiscourse tidak memberi keutamaan kepada penanda sebutan diri (Farahani, 2018; Mina & Biria, 2017) dan terdapat juga kajian lepas yang langsung tidak digunakan penanda tersebut diri dalam sumber datanya (Tan & Eng, 2014). Berdasarkan dapatan kajian ini, sebutan diri terdapat dalam 3 artikel berita COVID-19 dengan jumlah 10 sahaja. Berikut adalah contoh ayat yang mempunyai sebutan diri.

Contoh 22:

மூன்றரை கோடி மக்களை கொண்ட நமது நாட்டிலும் இதை எழுதும் போது 2,031 பேர் பாதித்து 23 பேர் மரணமடைந்துள்ளனர். (Artikel 103)

Transliterasi: *mūn<sub>r</sub>arai kōti makka<sub>l</sub>ai koṇṭa **namatu** nāṭṭilum itai e<sub>l</sub>utum pōtu 2,031 pēr pātittu 23 pēr maraṇamaṭaintullu<sub>n</sub>ar.*

Terjemahan: Semasa menulis artikel ini, 2,031 daripada tiga setengah juta penduduk yang tinggal di negara ini, telah dijangkiti COVID-19 dan 23 orang telah meninggal dunia.

Contoh 23:

இந்நோயைச் சமாளிக்க நாம் அனைவரும் ஒன்றிணைந்து நமது பங்களிப்பை வழங்க வேண்டும். (Artikel 35)

Transliterasi: *innōyaic camālikka **nām** anaivarum onrinaintu **namatu** paṅkaṅippai valaṅka vēṇṭum.*

Terjemahan: Kita semua mesti bekerjasama untuk mengatasi penyakit ini.

Dalam kedua-dua contoh tersebut didapati perkataan *நாம் nām* (kami) dan *நமது namatu* (kepunyaan kami) yang berfungsi sebagai penanda sebutan diri. Penulis menggunakan kata ganti nama diri ketiga ini untuk melibatkan dirinya sendiri dalam artikel-artikel tersebut demi mewujudkan komunikasi yang tidak formal antara penulis dengan pembaca. Penanda sebutan diri yang terdapat dalam artikel berita itu menggalakkan pembaca untuk berfikir bahawa penulis merupakan salah seorang dari kalangan mereka sendiri. Dengan ini secara tidak langsung para pembaca dapat melibatkan diri mereka ke dalam teks itu dengan mudah.

Penulis menggunakan penanda sebutan diri dalam artikel berita COVID-19 untuk mendekatkan diri dengan pembaca demi mewujudkan atau mengurangkan jurang antara pembaca dan penulis. Keadaan ini boleh mewujudkan kepercayaan terhadap maklumat yang terkandung dalam artikel berita COVID-19 dan menggalakkan para pembaca mengambil tindakan sewajarnya semasa pandemik seperti ini.

#### **4.2.2.5 Penanda Penggabungan**

Khedri dan Kritsis (2018) mengatakan bahawa penanda penggabungan membantu penulis untuk membawa pembaca ke dalam teks. Penanda penggabungan merupakan penanda metadiscourse interaksional yang digunakan dalam sesuatu teks bagi tujuan mengikat penulis dan pembaca bersama-sama (Wei & Duan, 2019). Penanda ini membantu untuk menggalakkan penulis dan pembaca melibatkan diri secara langsung dalam teks manakala ia juga membantu penulis yang berhasrat untuk melibatkan diri dan memberi keyakinan kepada para pembaca (Liu & Huang, 2017). Dengan ini, penulis

dapat menarik perhatian para pembaca dengan melibatkan mereka sebagai peserta dalam teks.

Penanda penggabungan telah terdiri daripada beberapa sub-jenis yang penting dalam melibatkan pembaca serta penulis secara langsung dalam sesuatu teks (Wei & Duan 2019). Jenis pertamanya ialah arahan yang mengarahkan pembaca untuk bertindak atau melihat sesuatu dengan cara yang tertentu manakala jenis keduanya ialah rujukan pembaca yang mengakui kehadiran pembaca dan memanggil mereka sebagai peserta untuk memperolehi pengetahuan yang terdapat dalam sesuatu teks. Sub-jenis seterusnya ialah soalan yang merujuk kepada kedua-dua pihak dan soalan itu diajukan untuk menarik perhatian pembaca secara langsung. Rayuan atau rujukan kepada pengetahuan yang dikongsi meletakkan pembaca dalam pemahaman yang membawa mereka ke situasi yang bersetuju dengan hujah penulis (Wei & Duan 2019).

Penulis boleh menarik perhatian pembacanya terhadap perkara penting dalam hujah mereka dengan menggunakan soalan, arahan dan rujukan sebagai penanda penggabungan (Capar & Turan, 2020). Tambahan pula, penanda penggabungan pula digunakan untuk membimbing harapan pembaca sebagaimana yang dimaksudkan oleh penulis dalam kajian ini. Capar dan Turan (2020) juga menyatakan bahawa baru-baru ini, para penulis cuba menggunakan lebih banyak penanda penggabungan dalam karya mereka. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut tidak selaras dengan dapatan kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan hanya satu penanda penggabungan sahaja digunakan dalam 103 artikel berita COVID-19. Berikut adalah contoh penanda penggabungan yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 dengan berserta penjelasan.

Contoh 24:

இந்தியாவில் சிக்கியுள்ள மலேசியர்களை மீட்பதற்கு  
மனிதநெயத்துடன் செயல்பட்டு வரும் மழுகாவுக்கு  
இவ்வேளையில் வாழ்த்துகளைத் தெரிவித்துக் கொள்கிறோம்..

(Artikel 44)

Transliterasi: *intiyāvil cikkiyulla malēciyarkaļai mītpatarku manitanēyattuṭan  
ceyalpaṭtu varum ma'ikāvukku ivvēlaiyil vālṭtukaļait terivittuk  
kolkirōm.*

Terjemahan: Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada MIC atas usaha kemanusiaannya untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang terkandas di India.

Perkataan *தெரிவித்துக் கொள்கிறோம் terivittuk kolkirōm* (kita mengucapkan) telah digunakan sebagai penanda penggabungan dalam contoh ayat yang terdapat di atas. Penulis mengucapkan tahniah kepada MIC atas usaha mereka untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang terkandas di India semasa pandemik COVID-19. Penulis melibatkan diri dan juga pembaca untuk mengucapkan tahniah kepada MIC dalam ayat tersebut. Dalam artikel nombor 44 itu, penulis menggunakan penanda penggabungan sebagai rayuan dengan memanggil para pembaca sebagai peserta dan memperolehi pengetahuan yang terdapat dalam teks tersebut.

Penanda penggabungan yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban membantu penulis untuk menjalinkan hubungan dengan para pembaca. Dengan ini, penulis dapat mewujudkan keyakinan terhadap isu-isu yang dibincangkan dalam artikel-artikel tersebut dalam kalangan pembaca. Hal ini membantu penulis untuk menarik perhatian pembaca dengan lebih mudah dan situasi ini mendorong pembaca untuk mengamalkan atau mematuhi langkah-langkah yang terdapat dalam artikel berita tersebut demi mengelakkan diri daripada dijangkiti COVID-19.

Fungsi penanda metadiscourse interaksional yang telah diterangkan dapat dilihat dalam jadual 4.2.2.

Jadual 4.5: Fungsi penanda metadiscourse interaksional

NO	<b>PENANDA METADISCOUSE INTERAKSIONAL</b>		
	<b>SUB KATEGORI</b>	<b>FUNGSI</b>	<b>CONTOH</b>
1	Pelindung Nilai ( <i>Hedges</i> )	i) Merujuk maklumat yang tidak kukuh	ஏற்படலாம் <i>erpaṭalām</i> (boleh berlaku), சுமார் <i>cumār</i> (lebih kurang)
2	Penggalak ( <i>Boosters</i> )	i) Merujuk maklumat kukuh	தெளிவாக <i>telivāka</i> (jelas), மட்டும் <i>maṭṭum</i> (sahaja)
3	Penanda Sikap ( <i>Attitude Marker</i> )	i) Merujuk perasaan atau emosi penulis	சாப்பிடக்கூடாது <i>Cāppiṭakkūṭātu</i> (jangan makan), இல்லை <i>illai</i> (tidak)
4	Sebutan Diri ( <i>Self-Mention</i> )	i) Membantu penulis untuk melibatkan diri secara langsung	நமது/ <i>namatu</i> (kepunyaan kita), நம் <i>nam</i> (kita)
5	Penanda Penggabungan ( <i>Engagement Marker</i> )	i) Membimbing harapan pembaca sebagaimana yang dimaksudkan oleh penulis	தெரிவித்துக் கொள்கிறோம் <i>terivittuk kolkirōm</i> (kita mengucapkan)

Secara keseluruhannya, analisis objektif kajian kedua mencerminkan bahawa penanda metadiscourse interaktif dan juga interaksional mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri demi membantu para penulis untuk menghasilkan artikel berita Tamil COVID-19 yang lebih efektif dengan menjalinkan hubungan yang rapat dengan pembaca. Dengan ini, artikel berita tersebut dapat memberi kesedaran kepada orang ramai untuk

mengambil tindakan yang betul dan efektif demi mengawal situasi yang kritikal seperti pandemik COVID-19.

### **4.3 Kesimpulan**

Kedua-dua persoalan kajian dapat menjawab dalam bab ini. Berdasarkan analisis kajian, penanda-penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 dapat dikenal pasti serta dianalisis dengan jelas.

## **BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

### **5.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang terdapat dalam bab 4. Hasil dapatan kajian dijelaskan berdasarkan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban dan menganalisis fungsi penanda metadiscourse yang terdapat dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban. Bab ini juga terkandung beberapa aspek yang penting iaitu sumbangan kajian dan cadangan kajian. Bab ini akan memberi cadangan untuk kajian masa depan yang boleh dijalankan dalam bidang analisis wacana terutamanya metadiscourse.

### **5.1 Penanda metadiscourse interaktif dan interaksional**

Kajian ini telah memberi penerangan tentang penanda metadiscourse interaktif dan interaksional yang terdapat dalam artikel berita Tamil COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban sepanjang PKP fasa 1 di Malaysia. Sejumlah 103 artikel berita COVID-19 telah dikumpul sebagai sumber data dalam kajian ini untuk mengenal pasti penanda metadiscourse interaktif dan interaksional. Analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat 9 penanda metadiscourse dalam artikel berita COVID-19 daripada 10 penanda metadiscourse yang diutarakan oleh Hyland (2005) iaitu penanda peralihan, penanda bingkai, penanda endoforik, penanda pembuktian dan penanda gloss kod dapat dikenal pasti daripada kategori penanda metadiscourse interaktif manakala penanda pelindung nilai, penanda penggalak, penanda sebutan diri dan penanda penggabungan dapat dikenal

pasti daripada kategori penanda metadiscourse interaksional. Penanda sikap sahaja tidak kelihatan dalam 103 artikel berita COVID-19 tersebut.

Kesemua penanda metadiscourse yang telah dikenal pasti daripada sumber data kajian ini, digunakan dalam frekuensi yang berbeza oleh penulis. Berdasarkan analisis data, penggunaan penanda metadiscourse interaktif adalah lebih tinggi berbanding dengan penanda metadiscourse interaksional dalam 103 artikel berita COVID-19 tersebut yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban. Sejumlah 1,198 penanda metadiscourse interaktif yang mewakili 93.1% telah digunakan dalam sumber data kajian ini manakala penanda metadiscourse interaksional pula hanya terdapat dalam jumlah 82 (6.9%) sahaja. Pernyataan di atas membuktikan bahawa jumlah perbezaan antara kedua-dua kategori utama penanda metadiscourse tersebut adalah jauh lebih berbeza.

Dalam kajian ini, penanda peralihan digunakan secara dominan oleh penulis artikel berita COVID-19 iaitu dalam frekuensi 598 (50%). Seterusnya, penanda pembuktian telah mencapai kedudukan kedua tertinggi dengan penggunaan jumlah 343 (28.6%) manakala penanda bingkai pula digunakan dalam frekuensi 98 (8.1%) yang mendorong mencapai tempat ketiga tertinggi dalam kajian ini. Berikutan ini, penanda gloss kod, penanda pelindung nilai dan penanda penggalak pula digunakan dalam frekuensi 69 (5.8%), 56 (4.7%) dan 15 (1.3%) dalam artikel berita COVID-19 itu. Di samping itu, terdapat juga penanda metadiscourse yang digunakan dalam jumlah yang kurang daripada 1% dalam kajian ini. Antaranya, penanda sebutan diri, penanda endoforik dan penanda penggabungan. Ketiga-tiga penanda metadiscourse ini tidak memberi sumbangan yang begitu besar kepada kajian ini berbanding dengan penanda-penanda yang lain.

## **5.2 Fungsi penanda metadiscourse interaktif dan interaksional**

Objektif kajian kedua pula mencerminkan bahawa penanda metadiscourse interaktif dan juga interaksional mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri. Pertamanya penanda peralihan yang digunakan secara meluas dalam artikel berita COVID-19 telah dianalisis. Secara keseluruhannya penanda peralihan digunakan dalam artikel berita Tamil COVID-19 bagi tujuan menggabungan dua idea dalam satu ayat, membuat perbandingan antara dua idea yang berbeza, merujuk kepada akibat yang belaku daripada sesuatu isu dan juga merujuk kepada sebab yang mendorong sesuatu isu berlaku. Seterusnya, penanda bingkai pula membantu penulis untuk menyusun idea dan melabelkan peringkat teks dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban. Melalui ini, penulis dapat menghasilkan artikel berita yang tersusun dan teratur demi membantu pembaca dapat memahami kesinambungan teks berita COVID-19 dengan lebih mudah. Tambahan pula, penulis menggunakan penanda endoforik bagi mengemukakan isu-isu yang telah dibincangkan terdahulu dalam artikel berita COVID-19. Hal ini mendorong untuk meningkatkan pemahaman pembaca terhadap artikel berita Tamil COVID-19 yang telah dianalisis dalam kajian ini.

Selain itu, penanda pembuktian juga dikenali sebagai penanda metadiscourse yang sangat penting untuk menghasilkan artikel berita COVID-19 yang efektif. Penulis dapat mewujudkan artikel berita Tamil COVID-19 yang mempunyai sumber datanya yang boleh dipercayai oleh pembaca dengan menggunakan penanda pembuktian. Penanda terakhir yang terdapat dalam kategori penanda metadiscourse interaktif ialah penanda gloss kod. Gloss kod digunakan untuk menjelaskan isu-isu yang dibincangkan dalam artikel berita COVID-19 secara terperinci dengan memberi maklumat tambahan melalui menyatakan contoh serta menghuraikan sesuatu isu dengan lebih mendalam. Penulis juga menggunakan penanda gloss kod dalam artikel berita COVID-19 untuk merumuskan isu-

isu yang dibincangkan dalam artikel berita tersebut supaya memberi penekanan kepada maklumat yang penting tentang pandemik itu.

Penanda pelindung nilai yang terkandung dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban sepanjang PKP fasa 1 digunakan apabila penulis ingin tidak memberi komitmen sepenuhnya terhadap isu-isu yang telah dibincangkan dalam artikel itu. Penulis juga memberi peluang kepada pembaca untuk memilih maklumat-maklumat yang mana sesuai bagi mereka kerana tidak mempunyai kepaksaan. Sebaliknya, penanda penggalak pula digunakan oleh penulis untuk menunjukkan kepastian mereka dalam isu-isu yang telah dibincangkan dalam artikel berita COVID-19. Melalui penanda penggalak penulis tidak memberi peluang kepada para pembaca untuk berfikir idea yang alternatif terhadap isu-isu yang dibincangkan dalam artikel berita COVID-19 yang telah dianalisis dalam kajian ini.

Di samping itu, penanda sebutan diri yang terkandung dalam sumber data kajian ini membuka ruang kepada penulis untuk melibatkan diri dalam teks beritanya secara langsung. Berdasarkan analisis kajian, penulis menggunakan kata ganti nama diri ketiga untuk melibatkan diri dalam teks berita COVID-19 dan ia membantu mereka untuk menjalankan hubungan dengan para pembaca. Dengan ini, boleh berlaku komunikasi yang tidak formal antara penulis dengan pembaca. Akhir sekali, penanda penggabungan pula membantu untuk melibatkan para pembaca sebagai peserta dalam isu mengenai COVID-19 yang telah dijelaskan oleh penulis. Hal ini mendorong bagi menarik perhatian pembaca terhadap artikel berita COVID-19 tersebut.

Kajian ini mengemukakan penulis artikel berita COVID-19 telah memberi fokus kepada penanda metadiscourse interaktif berbanding dengan penanda metadiscourse interaksional. Dapatkan kajian ini selaras dengan dapatan kajian lepas yang mengkaji aspek metadiscourse dalam bahasa Inggeris (Siddique et al., 2018; Yasinta, 2018;

Abdullah et al., 2020). Tambahan pula, dalam kajian ini sub-kategori penanda metadiscourse interaktif iaitu peralihan digunakan dengan 50% dalam artikel berita COVID-19 berbanding dengan sub-kategori yang lain. Hasil kajian ini serupa dengan beberapa dapatan kajian lepas yang mengkaji penanda metadiscourse dalam sumber datanya yang berbahasa Inggeris (Siddique et al., 2018; Yasinta, 2018; Abdullah et al., 2020). Kebanyakan kajian lepas yang ditinjau dalam kajian ini menunjukkan bahawa peralihan merupakan sub-kategori yang sangat ketara digunakan untuk menarik perhatian pembaca terhadap sesuatu wacana. Maka boleh disimpulkan bahawa penulisan berita Tamil dan berita Inggeris tidak mempunyai perbezaan yang ketara.

Secara keseluruhanya, dapatan kajian bagi objektif kedua mengemukakan bahawa penanda metadiscourse interaktif dan juga interaksional mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri demi membantu para penulis untuk menghasilkan artikel berita Tamil COVID-19 yang lebih efektif dengan menjalinkan hubungan yang rapat dengan pembaca. Dengan ini, artikel berita tersebut dapat memberi kesedaran kepada orang ramai untuk mengambil tindakan yang betul dan efektif demi mengawal situasi yang kritikal seperti pandemik Covid-19.

### 5.3: Sumbangan Kajian

Jadual 5.1: Kata Hubung Tidak Bebas

NO	PERKATAAN	KATA HUBUNG TIDAK BEBAS	HURAIAN
1	சாப்பிட்டால்	ஆல் (aal )	Kata hubung tidak bebas <b>ஆல்</b> menjadi penyebab bagi sesuatu isu berlaku.
2	கணடகளிலும்	உம் (um)	Kata hubung tidak bebas <b>உம்</b> digunakan untuk menggabungan beberapa idea dalam satu ayat.

3	<b>இருக்கலாம்</b>	<b>ஆம் (aam)</b>	Kata hubung tidak bebas <b>ஆம்</b> digunakan dalam teks yang mengandungi maklumat yang tidak pasti.
---	-------------------	------------------	---

**(sumber diambil daripada buku nalla tamil illakanam)**

Terdapat sejenis kata hubung yang dikenali sebagai kata hubung tidak bebas dalam Bahasa Tamil tetapi tidak kelihatan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kata hubung tersebut tidak dapat berdiri sendiri dalam sesuatu ayat dan ia perlu menggabungkan dengan sesuatu perkataan untuk memberi maksud sepenuhnya. Kata hubung tidak bebas itu membawa maksud tersendiri apabila digabungkan dengan sesuatu perkataan. Dalam kajian ini, terdapat 3 jenis kata hubung yang tidak bebas seperti yang dinyatakan di dalam jadual 4.6. Kata hubung tersebut juga memainkan peranan sebagai penanda metadiscourse dalam artikel berita Tamil COVID-19.

Pertamanya kata hubung tidak bebas **ஆவ் aa/** (jika) dan juga **உம் um** (dan) telah digunakan sebagai penanda peralihan dalam kajian ini. Penulis menggunakan kata hubung tidak bebas **உம் um** (dan) dalam artikel berita COVID-19 untuk menggabungkan dua idea yang berbeza dalam satu ayat manakala **ஆவ் aa/** pula digunakan bagi merujuk kepada akibat-akibat yang berlaku daripada pandemik COVID-19. Akhir sekali, kata hubung tidak bebas **ஆம் aam** (mungkin) membantu penulis untuk mengemukakan isu-isu yang tidak pasti tentang isu COVID-19.

#### **5.4 Cadangkan Kajian:**

Bidang analisis wacana khususnya bidang metadiscourse merupakan salah satu bidang yang mempunyai ruang yang sangat luas untuk dikaji. Berharap kajian ini akan

menjadi panduan kepada pengkaji pada masa hadapan untuk menjalankan kajian metadiscourse yang lebih rinci. Kajian pada masa depan boleh memperluas skop kajian semasa untuk meliputi surat khabar Tamil lain yang keluarkan di Malaysia. Hal ini membantu untuk mencapai pandangan holistik dan menentukan sama ada dapatan kajian ini sama atau berbeza dengan surat khabar Tamil yang lain. Menerusi dapatan kajian ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan kepada kajian lanjutan yang akan dijalankan dalam aspek metadiscourse. Skop kajian ini boleh diperluaskan dengan menjalankan kajian perbandingan antara surat khabar Tamil yang dikeluarkan di Malaysia. Kajian tersebut boleh memberi gambaran yang rinci tentang penggunaan penanda metadiscourse dalam surat khabar Tamil di Malaysia.

Kajian ini tidak memberikan penjelasan yang menyeluruh tentang penggunaan penanda metadiscourse dalam artikel berita COVID-19 yang tersiar dalam surat khabar Malaysia Nanban. Oleh itu, kajian yang akan datang boleh mengkaji semua artikel berita COVID-19 yang terdapat dalam surat khabar tersebut sama ada artikel berita tempatan mahupun luar. Tambahan pula, kajian lanjutan juga boleh memberi fokus kepada kajian perbandingan antara surat khabar Tamil dan surat khabar yang dikeluarkan dalam bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan juga bahasa Cina. Kajian perbandingan seperti ini mungkin boleh menunjukkan kepelbagaiannya penggunaan metadiscourse antara penulis yang mempunyai latar belakang budaya yang berbeza. Kajian yang menganalisis ciri metadiscourse dalam lebih daripada satu bahasa boleh menjadi sangat menarik. Segala cadangan di atas diharap dapat mengembangkan bidang analisis wacana secara amnya dan aspek metadiscourse secara khususnya.

## **RUJUKAN**

- Abbas, M. A., & Talaat, D. M. (2019). Transitivity analysis of newspaper` news-Headlines depicting crime committed against women in Pakistan. *International Journal of English Linguistics*, 9(5), 400-414.
- Abdullah, N. A., Rahmat, N. H., & Zawawi, F. Z. (2020). Interactional discourse analysis of Malaysian and South Korean newspaper articles on online learning during COVID-19. *European Journal of Applied Linguistics Studies*, 3(1), 1-16.
- Aeni, A. (2021). COVID-19 pandemic: The health, economic and social effects. *Jurnal Litbang*, 17(1), 17-34.
- Ahmad, A. R., & Murad, H. R. (2020). The Impact of Social Media on Panic During the COVID-19 Pandemic in Iraqi Kurdistan: Online Questionnaire Study. *Journal of Medical Internet Research*, 22(5), 1-11.
- Aimah, S., Mulyadi, D., & Ifadah, M. (2019). Metadiscourse Markers Written in Introduction Section of Final Project of UNIMUS EFL Learners. *Journal of English Education*, 7(2), 109-118.
- Akbarpour, M., & Sadeghoghli, H. (2015). The study on Ken Hyland's international Model in OUP publications. *International Journal of Language and Linguistics*, 3(4), 266-270.
- Akoto, O. Y., & A. Afful, J. B. (2020). Variations in Metadiscourse Use in English Language Introduction and Literature Review Thesis Chapters. *Language Literacy: Journal of Linguistics, Literature and Language Teaching*, 4(2), 390-408.
- Alharbi, S. H. (2021). An Investigation of Metadiscourse Features in Applied Linguistics Academic Research Articles and Master`s Dissertations. *Advances In Language and Literary Studies*, 11(2), 46-54.

- Alkhathlan, M. (2019). Metadiscourse in Academic Writing: An Investigation of Saudi EFL Students' Research Articles. *Linguistics and Literature Studies*, 7(5), 220-225.
- Alkhodari, F. T., & Habi, H. (2021). Metadiscourse markers in Dr. Zakir Naik's persuasive discourse. *Journal of Language Studies*, 2(4), 342-363.
- Al-Subhi, A. S. (2021). Metadiscourse in online advertising: Exploring linguistic and visual metadiscourse in social media advertisements. *Jurnal of Pragmatics*, 1(1), 24-40.
- Anita, N. (2021). Pandemic emergence: Public health or security issues? International *Journal of Law, Goverment and Communication (IJLGC)*, 6(22), 120-129.
- Anuarsham, A. H., Rahmat, N. H., & Adib, M. (2020). Metadiscourse Analysis of An Online Entertainment Article. *European Journal of Applied Linguistics Studies* 3 (1), 17-29.
- Aripin, N., Mustafa, H., & Hussein, A. (2014). Hubungan kedinamikan dalaman dengan keberkesanan pasukan maya: Satu tinjauan di organisasi bertaraf koridor raya multimedia (MSC) yang terpilih. *Jurnal Komunikasi*, 30(edisi khas), 191-218.
- Ashofteh, Z., Shirvan, M. E., & Golparvar, S. E. (2020). The Move Structure of Abstracts in Applied Linguistics Research Articles in Light of the Distribution and Functions of Metadiscourse Markers. *Journal of Langauge and Linguistics Studies*, 16(4), 2077-2096.
- Aziz, A. R. A., Sukor, N. M., & Razak, N. H. A. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Science Research (IJSSR)*, 2(4), 156-174.
- Bal-Gezegin, B., & Bas, M. (2020). Metadiscourse in Academic Writing: A Comparison of Research Articles and Book Reviews. *Eurasian Journal of Applied Linguistics*,

6(1), 45-62.

Basir, N., Rahim, I. S., & Halim, M. Z. (2020). Analisis tingkah laku sosiologi masyarakat berdasarkan teori interaksionisme melalui perangkaan data kes Covid-19 di Malaysia. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature, 11(Edisi khas)*, 11-31.

Capar, M., & Turan, U. D. (2020). Interactional Metadiscourse in Research Articles Written by Turkish and Native Speakers. *Anadolu Journal of Educational Sciences International, 10(1)*, 324-358.

Dafouz, E. & Milne. (2008). The pragmatic role of textual and interpersonal metadiscourse markers in the construction and attainment of persuasion: A cross-linguistic study of newspaper discourse. *Jurnal of Pragmatics, 40*, 95-113.

Dalila, S. H., & Yunus, M. M. (2021). Kesan pandemik COVID-19 terhadap pencapaian tahap akademik murid. *JMS 4(1)*, 313-343.

Duff, P. A. (2002). The discursive co-construction of knowledge, identity, and difference: An ethnography of communication in the high school mainstream. *Applied Linguistics, 23(3)*, 289-322. Retrieved from <https://faculty.educ.ubc.ca/norton/Duff%202002%20p.pdf>

Duruk, E. (2017). Analysis of metadiscourse markers in academic written discourse Produced by Turkish researchers. *Journal of Languages and Linguistics Studies, 13(1)*, 1-9.

Eghtesadi, R. A., & Navidinia, H. (2009). A Comparative Study of Metadiscourse Use in Research Articles Written by Native and Non-native Speakers: Is Audience Taken into Account? *The Journal of Asia TEFL, 6(3)*, 157-176.

Ekawati, R., & Rosyiidah, A. A. (2022). Metadiscourse markers in English essays written by Indonesian students in EFL setting. *Journal of English Language Teaching in Indonesia*, 10 (2), 127-138.

Elengoe, A. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia. *Osong Public Health and Research Perspectives*, 11(3), 93-100. Retrieved from  
<https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1140601.pdf>

Eriksson, M. (2018). Lessons for Crisis Communication on Social Media: A Systematic Review of What Research Tells the Practice. *International Journal of Strategic Communication*, 12(5), 526-551.

Estaji, M., & Vafaeimehr, R. (2015). A comparative analysis of interactional metadiscourse markers in the introduction and conclusion sections of mechanical and electrical engineering research papers. *Iranian Journal of Language Teaching Research*, 3(1), 37-56.

Farahani, M. V. (2018). The usage and distributional pattern of metadiscourse features in research articles in applied linguistics based on Hyland's classification. *Applied Linguistics Research Journal*, 2(1), 35-51. Retrieved from  
[https://jag.journalagent.com/alrj/pdfs/ALRJ\\_2\\_1\\_35\\_51.pdf](https://jag.journalagent.com/alrj/pdfs/ALRJ_2_1_35_51.pdf)

Farnia, M., & Mohammadi, N. (2018). Cross-cultural analysis of interpersonal metadiscourse markers in persuasive local newspaper articles. *Discourse and Interaction*, 27-44.

Hamid, S. A. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(Edisi khas), 214-226. Retrieved from  
<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/15599/4860>

Hassan, M. H., Sha'ri, S. N., & Yaakob, N. A. (2019). Keberkesanan penggunaan bahasa dalam Akhbar Melayu: Tindak balas strategik terhadap literasi kesihatan dalam kalangan pembaca tempatan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 95-109.

- Hamzah, S., Ani, F., Rameli, N., Halim, H., & Kamri, K. A. (2020). Impak penyebaran berita palsu melalui media sosial terhadap masyarakat: Kajian kes mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55-63.
- Hishamudin, N., Osman, K., & Ismail, A. (2021). Wabak COVID-19 meragut nyawa: cabaran dan kesan kepada masyarakat. *Islam and Southeast Asian Communities Welfare in the COVID-19 era : Proceeding The 3rd ICDIS 2021*, (PP. 372-386).
- Huh, M. H., & Lee, I. (2016). On the Use of Metadiscourse in EFL Undergraduate Student Writing, *English Teaching*, 71(3), 99-120.
- Hussin, R., Mapjabil, J., & Shah, J. M. (2021). Impact of Movement Control Order (MCO) and post COVID-19 pandemic tourism sector recovery strategies. *Journal of Islamic, Social, Economic and Development (JISED)*, 6(42), 99-113.
- Hyland, K. (2005). *Metadiscourse: Exploring interaction in writing*. London: Continuum.
- Ibhrim, Z., Muda, Z., Raffar, I. N. A. Z., Aziz, S. A., & Zainuddin M. (2022). The impact of the COVID-19 pandemic on the economic well-being of B40 households: A pilot study. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 7(39), 39-52.
- Ismail, A., Aripin, N., & Myra, Duang. (2021). Pembingkaian analisis berita dalam facebook mengenai COVID-19: Langkah, punca dan laporan jangkitan. *Asian People Journal*, 4(2), 161-175.
- Izhar, M. F., Rahman I. H. A., & Aziz A. (2021). COVID-19 pandemic: The Malaysian government's approach in managing national security. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(26), 23-38.

Jefri, U. H., Mahamood, A. F., Manaf, A.R. A., Ramli, A. J., & Yakob, T. K. T. (2021).

Fenomena berita palsu dalam media sosial sepanjang musim Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, 5(16), 50-80.

Joharry, S. A., & Turiman, S. (2020). Examining Malaysian public letters to editor on COVID-19 pandemic: A corpus-assisted discourse analysis. *Journal of Language Studies*, 20(3), 242-260.

Kalang, L., & Eboy, O. V. (2021). Penggunaan analisis ruang dalam penyelidikan pandemik COVID-19: Satu tinjauan, *Jurnal Kinabalu*, 27(1), 151-165.

Kasdan, J., Baharudin, R., & Shamsuri, A. S. (2020). COVID-19 dalam korpus peristilahan Bahasa Melayu: Analisis sosioterminologi. *Journal of Language Studies*, 20(3), 221-241.

Kawase, T. (2015). Metadiscourse in the Introduction of PhD Theses and Research Articles. *Journal of English for Academic Purposes*, 20, 114-124.

Khajavy. G. H., Gholam, H., Asadpour, S. F., & Yousefi, A. (2012). A Comparative Analysis of Interactive Metadiscourse Features in Discussion Section of Research Articles Written in English and Persian. *International Journal Linguistics*, 4(2), 147-159.

Khedri, M., & Kritsis, K. (2018). Metadiscourse in Applied Linguistics and Chemistry Research Article Introductions. *Journal of Research in Applied Linguistics*, 9(2), 47-73.

Kuhi, D., & Mojood, M. (2014). Metadiscourse in newspaper genre: A cross-linguistic study of English and Persian editorials. International conference on current trends in ELT. *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 98, 1046-1055.

Kumar, M. (2014). Most frequently used word-formation processes in Malaysian Tamil newspapers. *International Journal for Teachers of English*, 4(5), 1-16.

Liu, P., & Huang, X. (2017). A Study of Interactional Metadiscourse in English Abstracts of Chinese Economics Research Articles. *Higher Education Studies*, 7(3), 25-41.

Maisarah, U., Wahid, N. A., Yunus, A. M., Ariffin, R. (2022) The phenomena of depression in Malaysia in the COVID-19 pandemic era, *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education Arise*, 2(2), 43-55.

Mardiana, W. (2018). Analisis metadiscourse dalam teks deskriptif mahasiswa teknik Industry. *Seminar Nasional Penelitian dan Pengabdian Masyarakat, LP4MP Universitas Islam Majapahit*.

Marzuki, N., Kaspin, K. G., Jamal, M. B., & Marzuki, M. (2022). COVID-19 pandemic impacts stress issues among students participating in online teaching and learning: A preliminary study. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 7(45), 83-95.

Mat, N., Misron, M. F., Atiqah, N., & Alias J. (2021). Pandemik COVID-19: Kesan terhadap gelagat pengurusan perbelanjaan semasa masyarakat Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(2), 141-150.

Mei, C., Helen, Imm, G., & Sharmini, S. (2022). Writer's awareness of metadiscourse features in Malaysian business news. *Language Studies*, 11(1), 165-182.

Mina, K. G., & Biria, R. (2017). Exploring interactive and interactional metadiscourse markers in discussion sections of social and Medical Science articles. *International Journal of Research in English Education*, 2(4), 11-29.

Mohamed, S. N. (2014). Nallathamizh Ilakkanam, Tamil Grammar. Ungalkural Enterprise, Penang.

- Mu, C., Zhang, J. L., Ecrich, J., & Hong, H. (2015). The use of metadiscourse for knowledge construction in Chinese and English research articles. *Jurnal of English for Academic Purposes*, 20, 135-148.
- Mutawally, A. N., Citraresmana, E., & Heriyanto. (2019). Interactive metadiscourse in abstract of English linguistics research articles. *Journal Jakarta*, 1(1), 278-283.
- Nugrahani, V. E., & Bram, B. (2020). Meta-discourse markers in scientific journal articles. *Journal of the Association for Arabic and English*, 6(1), 1-16.
- Nugroho, A. (2020). Investigating the use of metadiscourse markers by American and Indonesian writers in opinion and business articles. *Journal of English Language and Culture*, 10(2), 75-87.
- Omar, N. A. N., Hamid, N. Z. A., Nabila, Jamaludin, F., & Fairuza, S. (2021). Pandemik COVID-19: Keberkesanan penyebaran maklumat oleh kerajaan dan pematuhan rakyat terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Journal of Public Security and Safety* 11(1), 127-147.
- Paltridge, B. (2012). *Discourse analysis: An introduction* (2nd ed). New York: Bloomsbury.
- Pasaribu, T. A. (2017). Gender Differences and the Use of Metadiscourse Markers in Writing Essays. *International Journal of Huminity Studies*, 1(1), 93-102.
- Pooresfahani, A. F., Khajavy, G. H., & Vahidnia, F. (2012). A Contrastive Study of Metadiscourse Elements in Research Articles Written by Iranian Applied Linguistics and Engineering Writers in English. *English Linguistics Research*, 1(1), 88-96.
- Putra, H., & Triyono, S. (2018). Critical discourse analysis on Kompas.com news: Gerakan #2019gantipresiden. *Leksema Jurnal Bahasa dan Sastra*, 3(2), 113-121.

- Rodriguez, D., & Vergara, (2018). The importance of discourse studies in linguistics, Language Teaching and translation. *US-China Foreign Language*, 16(6), 297-310.
- Rodzi, R. M., Nopiah, Z. M., & Basri, N. E. A. (2021). Senario umum sisa pandemik COVID-19 di Malaysia. Satu tinjauan. *Jurnal Kejuruteraan*. 33(4), 817-830.
- Sahragard, R., & Yazdanpanahi, S. (2017). English Engagement Markers: A Comparison of Humanities and Science Journal Articles. *Language Art* 2(1), 111-130. Retrieved from <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED574070.pdf>
- Saidi, M., & Karami, N. (2021). Interactional Metadiscourse Markers in Applied Linguistics Reply Articles. *Language Teaching Research Quarterly*, 22, 64-77.
- Salliyanti, & Tantawi, I. (2017). Meaning relations in the headlines of Analisa daily newspaper *International Journal of Humanities Social Sciences and Education (IJHSSE)*, 4(11), 92-97.  
Retrieved from <https://www.arcjournals.org/pdfs/ijhsse/v4-i11/11.pdf>
- Saupi, N. D., Ahmad A., & Ismail, N. (2022). Padanan istilah kesihatan awam berkaitan isu COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 105-128.
- Sharin, A. N. (2021). E-Learning During COVID-19: A Review of Literature. *Malaysian Journal of Media Studies*, 23(1), 15-28.
- Sharmini, & Murali. (2020). Role of Information System Management During Emergencies: The COVID-19 Crisis in Malaysia. *Journal of Humanities and Social Sciences Research*, 2, 159-172.
- Shoaei, M. D., & Dastani, M. (2020). The Role of Social Media During the COVID-19 Crisis: A Narrative Review. *Health Technology Assessment in Action*, 4(1), 1-4.

- Siddique, A. R., Mahmood, M. A., & Iqbal, J. (2018). Metadiscourse analysis of Pakistani English newspapers editorials: *A corpus-based study*. *International Journal of English Linguistics*, 8(1), 146-163.
- Siregar, R. P. (2022). Interpersonal metadiscourse markers on Emma Watson's speech. *Komunikata*, 2(3), 1-11.
- Sivandi, Z., & Dowlatabadi, H. R. (2015). A critical discourse analysis on newspapers: The case study of nuclear program of Iran. *International Journal of Research Studies Education*, 5(2), 93-103.
- Sukma, B., & Sujatna, E. (2014). Interpersonal metadiscourse markers in opinion articles: A study of texts written by Indonesian writers. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 3(2), 16-21.
- Sukma, B. P., & Utomo, D. W. (2016). Interpersonal Metadiscourse in the Jakarta Post-News Opinion Articles. *Jurnal Bebasan*, 3(1), 17-27.
- Suryawati, I. (2011). *Jurnalistik suatu pengantar teori dan praktik*. Bogor, Ghalia Indonesia.
- Susanti. Y. et al., (2017). Interactional Metadiscourse Markers in the Introduction of Dissertations: Differences across English Proficiency Level. *A Journal of Culture, English Language, Teaching & Literature*, 17(2), 271-291.
- Syafrida, & Hartati, R. (2020). Bersama melawan virus COVID-19 di Indonesia. *Jurnal Sosial & Budaya Syar-I*, 7(6), 495-508.
- Tan, H., & Eng, W. B. (2014). Metadiscourse use in the persuasive writing of Malaysian undergraduate students. *English Language Teaching*, 7(7), 26-39.

Tanikawa, M. (2017). What is news? What is the newspaper? The physical, functional and stylistic transformation of print newspapers, 1988-2013. *International Journal of communication*, 11, 3519-3540. Retrieved from  
<https://ijoc.org/index.php/ijoc/article/viewFile/6809/2123>

Todo, M. F., & Budiarta, I. W. (2018). Critical discourse analysis on Kompas daily newspaper report on profiteering through the names of president Jokowi and vice president Jusuf Kala. *Retorika: Jurnal Ilmu Bahasa*, 4(1), 26-37.

Umor, N., & Ismail, A. (2022). Berita COVID-19: Suatu Analisis Kritikan Pedas Netizen di Facebook. *Jurnal Komunikasi*, 38(1), 270-283.

Wahab, N. A., Ismail, M. S., & Usop, R. (2018). Kandungan bahan dalam media massa yang menarik minat pelajar Kajiandi SMK Daerah Pasir, *Puteh, Kelantan. Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 84-91.

Wei, J., & Duan, J. (2019). A Comparative Study of Metadiscoursal Features in English Research Article Abstracts in Hard Disciplines. *Arab Journal of Applied Linguistics* 4(1), 1-37.

Wei, J., Li, Y., Zhou, T., & Gong, Z. (2016). Studies on Metadiscourse since the 3<sup>rd</sup> Millennium. *Journal of Education and Practice*, 7(9), 194-204.

Yang, L. (2014). Evidentiality in English research articles of applied linguistics: From the perspective of metadiscourse. *Journal of Language Teaching and Research*, 5(3), 581-591. Retrieved from  
<https://www.academypublication.com/issues/past/jltr/vol05/03/13.pdf>

Yasinta, N. L. (2018). Interpersonal metadiscourse markers in the 'Monash Life' magazine. *Jurnal Humanis, Fakultas Ilmu Budaya Unud*, 22(3), 626-632. Retrieved from <https://ojs.unud.ac.id/index.php/sastraa/article/view/42137/25640>

Yea, L. Y., Othman, J., & Lim, J. W. (2020). The Use of Metadiscourse in Academic

Writing by Malaysian First-Year ESL Doctoral Students. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 10(1), 271-282.

Zafri. N. M., Afroz, S., & Nafi, I. M. (2021). A Content Analysis of Newspaper Coverage of COVID-19 Pandemic for Developing a Pandemic Management Framework. *Heliyon*, 1-11.

Zakaria, M. K., & Malik, F. A. (2018). Metadiscourse in Academic Writing of Pre-University Arab Students at the International Islamic University Malaysia (IIUM) MATEC Web of Conferences 150.

Zhang, M. (2016). A Multidimensional Analysis of Metadiscourse Markers Across Written Registers. *Discourse Studies*, 18(2), 204-222.